

**DEWAN RAKYAAT
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 71

Isnin

26 November 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 27)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2008:	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.29	(Halaman 27)
Maksud B.30	(Halaman 111)
USUL:	
Usul Anggaran Pembangunan 2008	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.29	(Halaman 27)
Maksud P.30	(Halaman 111)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 26 November 2007
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kewujudan guru kaunselor sepenuh masa di sekolah telah memberikan tumpuan kepada pelajar memilih mata pelajaran yang membolehkan mereka merancang perkembangan pendidikan dan kerjaya mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa mengambil inisiatif untuk memantapkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah. Hal ini terbukti dengan penambahan bilangan guru kaunseling di sekolah rendah dan menengah di seluruh negara. Keputusan Jemaah Menteri bertarikh 11 Julai 2001 menetapkan bagi sekolah rendah kelayakan untuk mendapatkan satu jawatan guru bimbingan ialah mempunyai murid tidak kurang daripada 350 orang. Bagi sekolah menengah pula tidak kurang daripada 500 orang. Walau bagaimanapun, bagi setiap tambahan 500 orang murid-murid di sesebuah sekolah rendah atau menengah akan mendapat tambahan satu jawatan guru bimbingan atau guru kaunseling.

Kementerian Pelajaran menyedari dan berkeyakinan dengan wujudnya guru kaunseling dan guru bimbingan ini akan dapat membantu merancang perkembangan pendidikan yang meliputi bidang akademik, perkhidmatan sosial, kerjaya dan psikometri serta program pembimbing rakan sebaya (PRS). Ini adalah kerana program bimbingan dan kaunseling yang dilaksanakan di sekolah-sekolah bermatlamat membantu semua murid termasuk membimbing mereka merancang perkembangan akademik dan kerjaya. Sebagai contoh salah satu program yang dianjurkan kepada murid-murid tingkatan lima dan enam atas yang akan meninggalkan bangku persekolahan ialah menghadiri program kerjaya seperti pameran, ceramah dan seminar. Program sebegini akan dapat membantu murid memilih kerjaya yang bersesuaian dengan kelayakan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran telah merancang untuk melaksanakan program secara berpusat di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan bagi memastikan usaha-usaha membantu murid-murid bermasalah lebih efektif; Kementerian Pelajaran memerlukan kerjasama dari ibu bapa, pemimpin masyarakat setempat dan agensi-agensinya luar yang berkaitan. Antara agensi luar yang secara berterusan bekerjasama dengan

Kementerian Pelajaran mengurus dan mengendalikan program murid-murid bermasalah adalah Agensi Antidadah Kebangsaan, Biro Tatanegara, Jabatan Kebajikan masyarakat, Polis Diraja Malaysia dan sebagainya. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang diperkatakan tadi adalah merupakan polisi isu iaitu dasar, tapi apa yang saya hendak tanya ialah mengenai *effectiveness*; keberkesanan dasar itu yang dikendalikan di sekolah-sekolah. Saban hari kita mendengar bahawa anak-anak kita ponteng selepas menduduki peperiksaan. Apa kaunselor buat? Apa aktiviti yang telah dianjurkan untuk menambah *soft skill* mereka di sekolah.

Keduanya, sebagai Ahli Parlimen; ramai ibu bapa dan anak-anak datang berjumpa Ahli Parlimen hendak masuk politeknik, hendak masuk kolej komuniti, hendak masuk kolej matrikulasi dan sebagainya. Namun, apabila saya lihat komponen subjek area, *group subject* tidak ada. Umpamanya jika seorang itu hendak jadi *engineer* dia tidak ada matematik. Macam mana hendak jadi *engineer* tidak ada *maths*? Ini masalah yang kita hadapi bahawa sampai ke peringkat ini ditanya budak-budak kampung apa dia hendak jadi selepas dia habis sekolah dia tidak tahu. Ingin penjelasan.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan kaunseling ini sememangnya meliputi lapan bidang selain daripada pengurusan kaunseling individu dan kelompok. Ia termasuk juga akademik seperti mata pelajaran yang diambil, kerjaya, psikosial dan kesejahteraan, minda keibubapaan, pembangunan diri serta pendidikan pencegahan dadah dan rokok, dan guru kaunseling juga bekerjasama dengan lain-lain agensi yang saya sebutkan tadi. Memang ini saya mengingatkan bahawa Kementerian Pelajaran sentiasa meningkatkan mutu perkhidmatan guru kaunseling dan juga guru bimbingan supaya guru-guru kita mengikut matlamat dan perkembangan terkini.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: Impak analisis.

Puan Komala Devi: Kalau Ahli Yang Berhormat membuat satu cadangan supaya mereka menjalankan satu impak analisis, saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik. Setakat ini kita dapati bahawa dengan adanya guru-guru kaunseling dan bimbingan di sekolah-sekolah, kita dapati bahawa pelajar-pelajar yang melibatkan diri dalam kegiatan yang kurang sihat mereka ini jarang ataupun tidak akan kembali kepada tingkah laku negatif.

Dari segi sama ada pelajar-pelajar ini memenuhi syarat-syarat kemasukan dan juga kelayakan untuk politeknik dan sebagainya; saya rasa ini pun telah dijalankan di sekolah-sekolah dan kami menggalakkan pelajar-pelajar yang ada pertanyaan dan soalan pergilah berjumpa dengan guru kaunseling sebab lebih senang pelajar cari guru kaunselor dan dengan pertanyaan yang spesifik daripada guru-guru kaunseling yang menjalankan program secara umum. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Ada empat perkara yang menyebabkan kadangkalah guru kaunselor ini gagal untuk menangani masalah atau krisis pelajar.

■1010

Pertamanya, guru-guru kaunselor juga terpaksa mengajar walaupun tugas utama mereka adalah memberikan kaunseling. Yang keduanya, nisbah di sekolah kebangsaan satu guru kepada tiga ratus lima puluh dan satu guru untuk lima ratus sekolah menengah. Yang ketiganya prasarana seperti komputer riba dan sebagainya dan yang keempatnya peluang kenaikan pangkat guru-guru kaunselornya begitu terbatas menyebabkan penguasaan ilmu terkini dan juga percambahan idea yang bernas bagi menangani masalah atau krisis pelajar menjadi kurang tumpuan. Apakah pandangan pihak kementerian?

Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya terlupa hendak mengalu-alukan guru-guru Sekolah Kebangsaan Sungai Haji Dorani, Sungai Besar. Terima kasih. [*Tepuk*].

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, jawatan guru kaunseling dan juga guru bimbingan adalah luar normal. Yang ini saya bermaksud bahawa mereka ini tidak masuk dalam senarai hakiki sekolah dan mereka tidaklah diperlukan menjadi guru yang mengajar subjek-subjek yang tertentu.

Walau bagaimanapun, ada kadangkalah guru kaunseling dan bimbingan ini perlu juga bertugas sebagai guru ganti sekiranya ada guru-guru yang tidak hadir pada sesuatu hari. Berkaitan dengan nisbah guru iaitu seorang guru untuk tiga ratus lima puluh pelajar di sekolah rendah dan juga lima ratus pelajar di sekolah menengah, kini kami dapati bahawa setakat ini kita dapati seramai 3,893 orang guru kaunseling sepenuh masa di sekolah menengah dan dua 2,992 guru bimbingan di sekolah rendah. Prasarana yang kita bagi untuk semua sekolah dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga dalam rancangan-rancangan sebelum ini Kementerian Pelajaran cuba menaik taraf dan juga memperbaiki khususnya di sekolah-sekolah yang bertempat di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman.

Peluang naik pangkat, saya rasa ini adalah sama untuk semua perkhidmatan kerajaan. Dari segi pertambahan ilmu untuk guru-guru, Kementerian Pelajaran dari semasa ke semasa menjalankan kursus-kursus peningkatan profesionalisme di peringkat Kementerian Pelajaran, di peringkat jabatan dan juga daerah. Untuk murid-murid yang kurang minat dalam bidang akademik, Kementerian Pelajaran memperbanyakkan lagi mata pelajaran vokasional dan juga tambahkan lagi sekolah-sekolah vokasional dan sekolah-sekolah teknik. Terima kasih.

2. Dato' Goh Siow Huat [Rasah] minta Menteri Kewangan menyatakan adakah sesebuah pertubuhan sosial boleh membuka sesuatu akaun bank sebelum mendapat kelulusan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Nyatakan proses untuk membuka sesuatu akaun bank.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum memperoleh kelulusan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, sesebuah jawatankuasa pertubuhan sosial boleh memohon untuk membuka akaun bersama ataupun *joint account* di institusi perbankan dengan menamakan beberapa ahli jawatankuasa sebagai pemegang akaun.

Ahli-ahli jawatankuasa yang dipilih itu seharusnya mempunyai mandat untuk mengendalikan dana pertubuhan sosial berkenaan dan akaun bersama tersebut. Setelah kelulusan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan diperoleh, pertubuhan sosial tersebut sebagai sebuah entiti yang baru boleh memohon membuka akaun bank di atas namanya. Seterusnya pertubuhan berkenaan bolehlah meminta supaya kesemua dana dalam akaun bersama ahli jawatankuasa dipindahkan ke dalam akaun pertubuhan sosial yang berkenaan dan akaun bersama sebelum ini yang dikendalikan oleh ahli jawatankuasa berkenaan akan ditutup, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Goh Siow Huat [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, oleh kerana ramai ahli jawatankuasa penaja bagi persatuan atau pertubuhan perlu menjalankan aktiviti dan program sebelum mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen jawab, barangkali adalah boleh buka dalam nama-nama individual, atas nama-nama jawatankuasa.

Jadi, pandangan saya mereka memang ada kutipan derma dan perbelanjaannya. Jika jawatankuasa penaja ini tidak dapat membuka akaun simpanan atau akaun semasa atas nama pertubuhan itu, barangkali akan boleh jadi satu masalah salah simpan atau salah guna wang tabung itu. Jadi, saya minta pandangan Yang Berhormat, bolehkah buka akaun atas nama pertubuhan sementara? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang pandangan Yang Berhormat itu betul. Menjadi masalah kalau berlaku *breach of trust* dan sebagainya, penyelewengan boleh berlaku Tuan Yang di-Pertua. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, kalau pihak pertubuhan itu hendak membuka akaun sementara atas nama pertubuhan, itu boleh tetapi dengan syarat dia kena *sign* satu *indemnity*, surat *indemnity*, kalau apa-apa berlaku bank tidak akan bertanggung jawab. Itu boleh, tetapi seelok-eloknya tunggulah sekejap sebab kalau tunggu pendaftaran pertubuhan ini di peringkat negeri tiga bulan sahaja, di peringkat federal ibu pejabat, empat bulan. Jadi kalau bersabar sekejap tunggu, selesai masalah Tuan Yang di-Pertua.

3. Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik] minta Menteri Pelajaran menyatakan kenapakah akhir-akhir ini Dewan Bahasa dan Pustaka begitu ghairah tanpa batasan meminjam perkataan-perkataan Inggeris dan dimelayukan ejaannya padahal usaha masih boleh dilakukan untuk mencari dari akar bahasa kita sendiri (Melayu atau etnik-etnik serumpun dengannya).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran menyedari masih terdapat beberapa kesalahan kecil penggunaan

bahasa Malaysia sehingga menyebabkan berlakunya penggunaan bahasa rojak. Sehubungan itu, Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk mengurangkan penggunaan bahasa rojak di media masa termasuklah dalam rancangan TV dan radio. Penggunaan bahasa rojak secara berleluasa terutamanya dalam media elektronik, akan mempengaruhi cara rakyat negara ini berbahasa apabila berinteraksi antara satu sama lain. Oleh yang demikian, pelbagai usaha telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran.

Antara usaha dan tindakan yang dijalankan oleh kementerian melalui Dewan Bahasa dan Pustaka bagi memastikan rancangan TV dan radio menggunakan bahasa Malaysia baku dan menghapuskan penggunaan bahasa rojak dalam setiap rancangan ialah:

- (i) menubuhkan Jawatankuasa Sebutan dan Istilah Bahasa Malaysia di Radio Televisyen Malaysia sejak tahun 80-an lagi;
- (ii) menubuhkan Jawatankuasa Penyelarasan dan Penyeragaman Bahasa Dalam Media Penyiaran sejak 22 Ogos 2005;
- (iii) melaksanakan Projek Pantau Tegur Bahasa dalam media penyiaran sama ada stesen penyiaran kerajaan ataupun swasta. Dewan Bahasa dan Pustaka memberi teguran bertulis sekiranya terdapat kesilapan bahasa dan DBP juga menghantar salinan teguran itu kepada stesen penyiaran lain agar tidak mengulangi kesilapan yang sama;
- (iv) melakukan pemantauan terhadap skrip iklan televisyen RTM menerusi salinan skrip dan rangka cerita yang diluluskan oleh Unit Iklan, Cawangan Perdagangan, Kementerian Penerangan Malaysia;
- (v) menyemak dan mengesahkan iklan dalam bahasa Malaysia dari segi tatabahasa sebelum dikemukakan;
- (vi) menganjurkan beberapa kegiatan kebahasaan antaranya Forum Bahasa Rojak dalam drama pada tahun 2000 di DBP, Seminar Pembanterasan Bahasa Rojak pada 8 Julai 2004 di Melaka, Seminar Bahasa Rojak Kecelaruhan Penggunaan Bahasa Melayu pada 18 dan 19 Julai 2007 di DBP dan Bengkel Khas Penggunaan Bahasa Malaysia dalam media penyiaran pada 19 Julai 2007 di Dewan Bahasa dan Pustaka;
- (vii) menyediakan khidmat nasihat bahasa melalui laman web DBP, telefon, faksimile, e-mel, ataupun kunjungan kaunter;
- (viii) Dewan Bahasa dan Pustaka juga telah menerbitkan buku 'Ungkapan Umum Media Penyiaran dan Tajuk Karyawan 2004' dan 'Istilah Media dan Perutusan Komunikasi Tahun 1985' untuk rujukan; dan
- (ix) kerajaan juga telah menyediakan cadangan pindaan kepada Akta Dewan Bahasa dan Pustaka bagi penguatkuasaan melalui undang-undang berhubung penyalahgunaan bahasa kebangsaan.

Setelah akta tersebut diluluskan, Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengambil semua langkah yang perlu untuk memastikan kuasa yang diberikan itu ditadbir dengan cekap dan telus.

■ 1020

Dato' Dr. Wan Hashim bin Wan Teh [Gerik]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak timbulkan dua perkara daripada frasa teguran bertulis dan bahasa rojak. Teguran bertulis, apabila kita gunakan bajet ada dalam Kamus Dewan Bahasa edisi empat. Edisi satu, dua, tiga tidak ada, empat ada. Tetapi Bajet bermakna BP itu, belanjawan, BP - Bahasa Pasar dijelaskan tidak bersesuaian digunakan untuk majlis atau acara rasmi. Jadi sebenarnya bajet yang digunakan oleh Kementerian Kewangan itu sebenarnya bahasa pasar tidak disesuaikan digunakan sebagai bahasa rasmi. Jadi soalan saya adakah Dewan Bahasa menegur Kementerian Kewangan bahawa ia tidak sesuai digunakan dalam acara rasmi.

Yang keduanya bahasa rojak. Kalau kita lihat muka-muka surat edisi keempat ini terlalu banyak perkataan-perkataan bahasa rojak Tuan Yang di-Pertua. Konsultansi itu perundingan ada bahasa asalnya kenapa kita gunakan Bahasa Inggeris di Melayukan. *Snack* ada bahasa kita, ambil daripada etnik Sabah – kudapan, kenapa kita 's.n.e.k.' pula, dimelayukan Bahasa Inggeris. 'Kekompleksan' pelik ya, 'kerumitan' ada Bahasa Melayunya, terlalu banyak dan saya rasa apabila kita meminjam secara seperti soalan saya tadi meminjam tanpa batasan, ini sudah menjadikan Kamus Dewan ini kamus bahasa rojak, bahasa-bahasa Inggeris yang diMelayukan. Dewan Bahasa yang menggalakkan Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu, di England orang kata Bahasa Inggeris, Amerika - Bahasa Inggeris, Australia - Bahasa Inggeris, di India - Bahasa Urdu, Bahasa Tamil, Bahasa Hindi bukannya Bahasa India.

Jadi, sekejap situ sekejap sini, balik kepada Bahasa Melayu yang ada pada Perlembagaan. Jadi saya merasakan bahawa Jawatankuasa Istilah Dewan Bahasa ini sudah mengalami kemandulan minda, tidak mahu lagi membuat penyelidikan seperti sarjana-sarjana lamanya dahulu. Pergi ke Sabah Sarawak mencari istilah, pergi ke Jawa mencari "*strampil skill*" maksudnya prihatin, *concern*, peka, *sensitive*, banyak kita cari dari peribumi kita. Sekarang ini semuanya tangkap muat masuk bakul, ini dia istilah Bahasa Melayu. Jadi kita harap ini perlu diberhentikan, apa pandangan.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, bahasa itu di mana-mana masyarakat pun adalah satu yang secara dinamik bukan statik dan mereka ini akan berubah dan juga meminjam daripada semua bahasa. Bahasa Inggeris juga meminjam dari bahasa-bahasa yang lain. Kami dapati bahawa biasanya yang gunakan dalam Bahasa Inggeris ataupun yang dipinjamkan daripada Bahasa Inggeris adalah berkaitan daripada ICT. Komunikasi dan teknologi pun dipinjam daripada Bahasa Inggeris. Perkataan seperti audio visual seperti komputer, tetapi saya ambil maklum cadangan daripada Yang Berhormat. Ini adalah satu usaha yang perlu diambil oleh masyarakat Malaysia bukan sahaja oleh Kementerian Pelajaran dan sekiranya Ahli Yang

Berhormat ada cadangan yang baik, kami di Kementerian Pelajaran mempunyai sikap yang terbuka dan kami sedia mengambil dari cadangan Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gerik, dia akan beri cadangan, Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, kalau kita lihat di Malaysia ini kita ada dua badan yang rasa saya mengkhusus tentang bahasa dan terjemahan. Satu Dewan Bahasa dan Pustaka dan keduanya Institut Terjemahan Negara Bhd. Jadi apa yang penting bagi saya ialah kedua-dua ini sepatutnya duduk bersama. Jadi soalan tambahan saya sejauh manakah kedua-duanya telah dapat duduk bersama berbincang dan mencipta istilah-istilah baru yang boleh diguna pakai. Bukannya istilah yang tidak boleh diguna pakai, istilah yang boleh diguna pakai yang dapat diterima oleh masyarakat Malaysia.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah soalan spesifik iaitu kerjasama di antara agensi-agensi, dan saya mohon notis untuk menjawab secara bertulis, terima kasih.

4. Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat] minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah Belanjawan 2008 akan menggalakkan kemasukan pelaburan IKS-IKS luar negeri ke negara kita memandangkan mereka harus menjadi sasaran kerajaan untuk merencanakan lagi pemindahan teknologi dan R&D di negara kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat. Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2008 menyediakan pelbagai langkah bagi mencapai hasrat kerajaan untuk mempertingkatkan daya saing negara dan menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menggerakkan pertumbuhan pelaburan swasta. Ini juga bertujuan untuk menarik pelaburan asing termasuk industri kecil dan sederhana (IKS) bagi merencanakan lagi pemindahan teknologi serta kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan atau R&D di negara kita. Antara langkah yang digubal adalah;

- (i) mengurangkan lagi kadar cukai korporat daripada 27% pada tahun taksiran 2007 dan 26% pada tahun taksiran 2008 kepada 29% pada tahun taksiran 2009;
- (ii) memberi kelonggaran kepada perusahaan kecil dan sederhana termasuk IKS untuk membayar cukai pada akhir tahun kewangan dan bukannya secara ansuran bulanan untuk tempoh dua tahun bermula dari tarikh memulakan operasi bagi membantu aliran tunai syarikat;
- (iii) mempermudah kemasukan pekerja asing berkemahiran terutamanya golongan profesional seperti kemudahan *multiple entry* visa dan tempoh memproses permit kerja yang lebih singkat kepada tujuh hari berbanding dengan 14 hari sebelum ini dan
- (iv) merencanakan lagi aktiviti penyelidikan pembangunan dan pengkomersialan R&D tempatan termasuk menyediakan peruntukan

dana sains dan dana tekno (*techno fund*) sebanyak RM230 juta dan RM300 juta bagi program R&D institusi penyelidikan dan meningkatkan kadar pembayaran royalti kepada penyelidik kepada 80% dan baki 20% pada institusi penyelidikan serta menubuh lebih banyak pejabat pelesenan teknologi dan menyelaraskan kegiatan R&D dan mengadakan perolehan *pattern* di pusat penyelidikan dan institusi awam.

Di samping langkah-langkah tersebut, usaha gigih kerajaan membangunkan Wilayah Pembangunan Iskandar dan Wilayah Ekonomi Koridor lain di Utara, Timur, Sabah dan Sarawak dijangka turut meningkatkan kegiatan pelaburan termasuk IKS luar negara ke negara kita. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin bahawa kemasukan pelaburan IKS luar negara ini akan turut membawa kepada perkongsian teknologi dan pembangunan kerja-kerja R&D dengan syarikat-syarikat tempatan. Perkembangan yang menggalakkan ini akan dapat meningkatkan lagi penglibatan IKS dalam arus perdana pembangunan negara Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih atas jawapan. Bidang ekonomi yang baru seperti tenaga alternatif, bioteknologi, *high-end outsourcing* ala hab, saya rasa ini merupakan satu batu loncatan dalam kita ingin meningkatkan ekonomi bumiputera dengan lebih baik. Jadi soalan tambahan saya, apakah peluang-peluang bagi IKS ini telah dikenal pasti oleh kerajaan terutamanya dalam kawasan-kawasan pembangunan wilayah seperti mana yang telah disebutkan tadi supaya kita dapat menarik IKS luar ini untuk digandingkan atau digabungkan dengan IKS tempatan dan sebagai contoh, satu syarikat sekutu Khazanah iaitu Springhill Bio Venture sebuah syarikat *venture capital* yang telah ditubuhkan untuk melabur dengan *company-company* di Eropah dan juga Amerika Syarikat, bagaimanakah kedudukan dia sekarang? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan menggalakkan teknologi-teknologi baru masuk ke Malaysia dan sebelumnya bergabung dengan syarikat-syarikat tempatan. Bagi bidang-bidang yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, di kawasan-kawasan Wilayah Koridor Tuan Yang di-Pertua, agak terlalu awal kita hendak buat *assessment*, memang sudah ada minat-minat yang telah ditunjukkan oleh pelbagai syarikat luar negara, tetapi setakat ini kemasukan dana itu belum lagi begitu jelas Tuan Yang di-Pertua. Maknanya kita ambil masa sedikit, bukan hanya dalam masa beberapa bulan kita hendak lihat kemajuan, belum dapat lihat lagi Tuan Yang di-Pertua. Tentang soalan akhir itu tadi, itu adalah satu perkara spesifik yang perlu saya minta notis Tuan Yang di-Pertua.

■1030

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ada dua perkara di sini, tadi Yang Berhormat ada menyentuh mengenai cukai korporat. Apa pendapat Yang Berhormat kalau kita masih mengamalkan lebih kurang 25% pada tahun 2009 cukai korporat kalau dibandingkan dengan

negara-negara lain seperti Hong Kong 16.5% dan juga Singapura kalau tidak silap saya kurang daripada 25%. Adakah kita ini berdaya saing kalau dibandingkan dengan mereka untuk menarik IKS-IKS ini? Itu soalan yang pertama.

Soalan yang kedua yang penting sekali dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen iaitu bagaimana dalam Bajet 2008 ini untuk menarik lebih ramai lagi pelabur-pelabur khususnya pelabur asing ke kawasan-kawasan pembangunan koridor tertentu seperti PIP. Mengapa syarikat-syarikat daripada negara jiran kita masih tidak begitu berminat untuk melabur? Kalau selain daripada apa yang diumumkan oleh satu dana daripada Asia Barat dan berjumlah lebih daripada RM4 bilion lebih tu. Jadi apakah sebabnya? Adakah di dalam Bajet 2008 ini kita boleh menggalakkan mereka datang ke sini? Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan galakkan untuk melabur di Malaysia ini, setakat ini seperti yang saya sebutkan sebentar tadi, cukai korporat akan dikurangkan tahun demi tahun 1%. Pada tahun 2009, taksiran 2009, 5%. Memanglah kalau dibandingkan dengan Singapura dan Hong Kong memang masih tinggi lagi.

Bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua yang menjadi tarikan untuk pelabur di Malaysia ini. Pelbagai lagi bentuk yang dianggap sebagai tarikan antaranya ialah tentang kestabilan politik kita dan peraturan undang-undang kita memang ketat dan tidak seperti negara-negara lain yang boleh berubah setiap masa. Jadi bukan hanya cukai sahaja ada faktor-faktor lain lagi dan insentif cukai yang lain pun ada terlibat dan termasuk juga sebagai tarikan kepada pelaburan di sini.

Berkenaan dengan pelaburan di wilayah-wilayah, saya tidak ada maklumat terperinci tentang wilayah, tetapi pada keseluruhannya di seluruh negara memang sudah ada peningkatan pada tahun ini Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat perangkaan daripada MIDA dan perangkaan Bank Negara memang nampak ketara peningkatan Tuan Yang di-Pertua. Contohnya seperti untuk MIDA, MIDA ialah agensi merekodkan bahagian *manufacturing*. Kalau ikut MIDA, Q1, Q2 untuk 2006, jumlahnya dari segi pelaburan dan jumlah kesemua sekali Q1, Q2 untuk 2006 lebih kurang 3.8 bilion...

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya tanya galakkan Bajet 2008 daripada IKS kepada wilayah pembangunan, bukan MIDA. Saya tidak sebut MIDA pun.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya hendak bagi contoh perangkaan... Tuan Yang di-Pertua, untuk wilayah-wilayah ini belum ada *capture* lagi, tapi yang ada cuma perangkaan MIDA dan Bank Negara yang amat menggalakkan. Peningkatan lebih daripada 300% Tuan Yang di-Pertua.

5. **Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh mana Malaysia memainkan peranan membantu menyelesaikan krisis antarabangsa terutama membabitkan ketegangan antara Barat dan dunia Islam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Ahmad Shabery Cheek]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat dari Lipis di atas soalan yang dikemukakan.

Secara umumnya Malaysia menyedari dan sentiasa prihatin terhadap pelbagai krisis terutamanya di Timur Tengah dan Benua Afrika yang melibatkan hubungan antara barat dan dunia Islam. Dalam hal ini kita percaya pendekatan dengan izin *Constructive Engagement* dan *Dialogue* sebagai cara terbaik ke arah merapatkan jurang pemikiran antara barat dan Islam. Malaysia sebagai pengerusi sidang kemuncak OIC Ke-10 sentiasa memainkan peranan dan memberi kerjasama kepada Sekretariat OIC dalam usaha untuk mewujudkan kesepakatan di antara negara-negara anggota dalam menangani pelbagai krisis.

Malaysia juga telah dan akan terus menganjurkan forum serta aktiviti bertujuan memupuk kefahaman dan perasan hormat-menghormati di antara pelbagai pihak. Persidangan antarabangsa seperti dengan izin, *Who's Speak For Islam and Who's Speak For the West* yang telah diadakan dalam tahun 2006 dan persidangan dengan izin, *Islam and The West - Bridging the Gap* yang telah diadakan pada Jun 2007 di Kuala Lumpur merupakan antara usaha ke arah mencapai matlamat tersebut.

Selaras dengan saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Malaysia akan terus menganjurkan dialog antarabangsa seperti ini dalam tahun 2000 nanti. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, seperti yang rasa saya kita tahu bahawa media merupakan sesuatu yang mempunyai kuasa juga dalam menentu atau mencatur keadaan atau peristiwa di dunia. Sebab itulah media ini kita panggil sebagai *The Fourth Estate*.

Jadi, di sini soalan tambahan saya ialah sejauh manakah Malaysia dapat memujuk media-media barat dan media Islam terutamanya dalam memujuk ataupun menekan pula kuasa-kuasa luar, kuasa-kuasa besar supaya dapat memainkan peranan dan memberi kefahaman tentang Islam dan tentang barat tadi. Pada pandangan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat peranan media pula ya?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Ya, media berkait dengan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi peranan Malaysia, sekarang peranan media pula?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Peranan Malaysia untuk memujuk media.

Tuan Yang di-Pertua: Berkaitlah?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Ya, berkait. Peranan media kerana kadang-kadang persidangan-persidangan ini tidak dilakukan dengan betul dan menyebabkan

wujud satu perasaan pada masyarakat barat atau di dalam negara Islam sendiri tentang peranan masing-masing. Mohon penjelasan.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Kita sedar bahawa media ada peranannya dan memainkan peranan yang cukup besar dalam membentuk fikiran dan boleh mencetuskan perbezaan dari segi pandangan barat dan timur dan juga Islam tentang pelbagai isu dan perkara yang berlaku.

Kalau saya katakan apakah Malaysia hendak lawan media yang telah wujud saya rasa tidak terupaya kita. Pengaruh yang ada pada CNN, pada BBC dan sebagainya sudah tentulah terlalu besar untuk kita mengatasinya. Namun begitu Malaysia daripada semasa ke semasa mengadakan hubungan, maknanya kalau mereka dapat memaparkan pandangan-pandangan kita, kita sentiasa memberi kerjasama kepada mereka. Kita juga ketika menjadi Pengerusi Sidang Negara-negara Berkecuali, kita menubuhkan enam *News Net Board* yang dipelopori oleh Kementerian Penerangan dan juga sebagai cara untuk memaparkan pandangan-pandangan alternatif terhadap apa yang berlaku.

Kita juga misalnya membenarkan stesen Al-Jazeera beroperasi di Malaysia. Adalah merupakan satu cara untuk memberikan ruang kepada pemikiran-pemikiran alternatif dalam melihat perkara-perkara yang menjadi perbezaan antara barat dan juga Islam, tetapi yang paling penting Tuan Yang di-Pertua, ialah contoh ataupun model yang dibuat oleh Malaysia itu sendiri sebagai negara Islam yang *moderate* yang tidak ekstrem, yang berpegang kepada pendekatan Islam Hadhari yang sekarang ini dilihat sebagai contoh negara Islam yang paling baik dan dari segi diterima oleh semua pihak, keamanan kita, kemakmuran dan perpaduan antara kaum adalah contoh yang paling berkesan sekali untuk barat ataupun sesiapa sahaja untuk melihat. Inilah pandangan Islam yang sebenar.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Alhamdulillah. Assalamualaikum. Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen. Soalan ini sebenarnya selalu menyebabkan Sabak Bernam tidak boleh tidur.

Satu tamadun telah pun musnah, Iraq, Baghdad dan kita dapati punca yang dikatakan Amerika menyerang Iraq ialah kerana WMB ataupun senjata pemusnah. Sampai sekarang sudah jelas bahawa sudah tidak ada WMB itu dan tidakkah ada usaha untuk Malaysia untuk mempengaruhi negara Amerika untuk meminta maaf kepada dunia? Itu satu.

■1040

Keduanya ada tidak usul untuk membawa Amerika ini, untuk membawa isu ini ke ICJ ataupun dengan izin *International Court of Justice* supaya nampaknya sekarang ini kerajaan Amerika mencari alasan lagi untuk menyerang satu negara lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik Yang Berhormat.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, saya berkongsi sentimen yang samalah tentang tidak boleh tidur Yang Berhormat daripada Sabak Bernam. Saya rasa ramai tidak boleh tidur.

Namun saya berfikiran bahawa apabila Amerika menyerang Iraq dengan menggunakan alasan WMD ataupun *weapon of mass destruction* yang ternyata tidak benar. Kita melihat sekarang ini terdapat pandangan dunia yang terlalu negatif pada Amerika dan akhirnya sekarang ini, kerajaan Amerika itu sendiri yang menjadi mangsa. Misalnya pilihan raya di pertengahan penggal di Amerika telah menunjukkan penolakan rakyat Amerika itu sendiri kepada presiden mereka sekarang.

Keputusan pilihan raya di Australia ada dikaitkan dengan kejatuhan kerajaan pimpinan John Howard yang telah lama berkuasa tetapi jatuh dikaitkan dengan sokongan mereka terhadap tindakan mereka di Iraq. Kejatuhan Tony Blair misalnya juga dikaitkan dengan sokongan mereka terhadap tindakan Amerika. Jadi dari segi pandangan dunia, kita melihat mekanisme dalam negara yang berkenaan sudah menghukum pemimpin-pemimpin kuasa barat yang telah melakukan tindakan seperti apa yang telah berlaku di Iraq dalam soal ini.

Tentang membawa Amerika ke ICJ. ICJ ini selalunya ada pertelingkahan macam isu Pulau Batu Putih itu boleh di bawa kepada ICJ, iaitu pertelingkahan antara dua negara. Mungkin yang dimaksudkan adalah ICC atau *International Court of Criminal Crimes* yang dimaksudkan sebenarnya Amerika tidak menjadi anggota kepada ICC. Walau bagaimanapun, kita tahu bahawa pandangan dunia seperti Bangsa-bangsa Bersatu akan terus memberi tekanan kepada Amerika supaya tindakan-tindakan seperti itu akan dikesali bukan sahaja oleh rakyat Amerika tetapi seluruh negara dalam dunia. Terima kasih.

[Soalan No. 6 –Y.B. Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - tidak hadir]

7. Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- a) jumlah bank dan institusi kewangan yang mengamalkan perbankan Islam dan jumlah yang tidak mengamalkan perbankan secara Islam dan jumlah aset serta transaksi masing-masing; dan
- b) apakah kementerian dan jabatan kerajaan yang menggunakan perkhidmatan perbankan berlandaskan syariah dan bukan syariah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang dan Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor perbankan konvensional Malaysia terdiri daripada 22 bank perdagangan dan 14 bank pelaburan. Sektor perbankan Islam pula terdiri daripada 11 bank Islam, lima

daripadanya beroperasi sebagai bank Islam sepenuhnya manakala enam lagi merupakan subsidiari bank yang lain. Tujuh bank perdagangan dan enam bank pelaburan turut menyertai Skim Perbankan Islam yang membolehkan institusi perbankan konvensional menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam.

Selain daripada itu, institusi kewangan pembangunan turut menawarkan produk perbankan Islam dan terdapat sebuah bank koperasi iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, yang menjalankan perniagaan secara perbankan Islam sepenuhnya. Sehingga 30 September 2007, jumlah aset sektor perbankan di Malaysia ialah RM1.19 trilion dan daripada jumlah ini, aset perbankan Islam adalah sebanyak RM147 bilion iaitu sebanyak 12.3%.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah mengguna pakai khidmat perbankan Islam, dalam urusan penerimaan dan pembayaran kerajaan. Kesemua akaun di 25 cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan di 10 Jabatan Mengakau Sendiri (JMS) bagi kementerian telah menggunakan perbankan Islam termasuk bank perdagangan yang menyediakan *window* perbankan Islam, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Dalam laporan *Euro Tribune* minggu lepas, MD Kuwait *Finance House* mengatakan bahawa negara-negara Teluk sedang melarikan diri daripada simpanan mereka di negara-negara Barat sejumlah USD1.5 trilion. Negara-negara ini bersiap sedia untuk datang ke Asia untuk menjadikan sistem kewangan Islam di Asia ini sebagai tempat-tempat pelaburan mereka.

Persoalannya, setakat manakah persediaan negara kita dalam bersaing dengan negara seperti Hong Kong, Australia dan juga China yang juga berusaha untuk membuka sistem perbankan Islam di negara mereka dalam tempoh tiga hingga lima tahun yang akan datang?

Soalan saya, kerana di dalam negara sendiri hakikatnya beberapa produk seperti produk Al-Bai-Bithaman Ajil dan juga Al-ijarah Thuman Bait merupakan produk-produk yang selalu digunakan oleh pelanggan tetapi ia nampaknya seperti menindas. Misalnya saya bagi contoh Al-bai Bithaman Ajil pinjaman perumahan, pinjam RM70,000 kita terpaksa membayar sampai RM140,000 ini sudah tentu melebihi daripada faedah yang dikenakan oleh bank konvensional.

Saya nak mendapat pandangan daripada kementerian, apakah kementerian berhasrat untuk meminda sistem dalam produk-produk pinjaman ini supaya tidak melakukan penindasan terhadap pelanggan. Ini kerana Bank Islam baru ini dikatakan penjenamaan baru, tetapi masih lagi berpemikiran dengan pemikiran lama. Kenapakah mereka tidak mengekalkan tulisan jawi di dalam logo Bank Islam itu? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebenarnya telah pun di bawah Program MIIFC iaitu *Malaysian International Islamic Financial Centre*. Melalui program ini memang kerajaan menggalakkan bank-bank luar masuk ke sini, dan setakat ini sudah ada tiga yang kita semua ketahui iaitu Financial House, Al-Raji, Al-Asia Banking daripada Timur Tengah.

Selain daripada itu mana-mana bank yang ingin membuka cawangan masing-masing dibenarkan, iaitu mereka sekarang ini tidak perlu membuka bank di sini tetapi mereka dibenarkan membuka cawangan mereka masing-masing di bawah *Islamic Banking*, Tuan Yang di-Pertua. Ini termasuk daripada Labuan dibenarkan juga buka cawangan di Semenanjung ataupun di seluruh Malaysia. Dah ada galakan dan memang pihak Timur Tengah sangat-sangat berminat untuk datang ke Malaysia, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu seperti yang di sebut oleh Yang Berhormat tadi tentang produk-produk yang nampaknya ada unsur-unsur penindasan. Memang Tuan Yang di-Pertua, konsepnya menjual dan beli, jual dan dimasukkan keuntungan. Jadi nampak jelas banyak bayaran yang akan dikenakan, tetapi ia ditetapkan daripada awal sehingga akhir. Produk-produk lain ia ada unsur-unsur kenaikan bila naik *interest rate* akan dinaikkan bayaran.

Sebenarnya produk-produk ini adalah produk Bank Negara yang sentiasa menerima cadangan-cadangan produk baru dan dinilai oleh Jawatankuasa Syariah Bank Negara. Kalau mana-mana produk yang didapati boleh dilancarkan, dilaksanakan akan di benar dilaksanakan. Bermakna produk-produk sentiasa berubah, Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kita mempunyai Bank Islam dan kaunter Islam di bank-bank yang konvensional, saya beranggapan dan yakin bahawa pelabur-pelabur daripada rantau Arab, terutamanya pelabur-pelabur daripada negara Islam mudah dan suka melabur dalam negara kita. Tambah pula dengan adanya Pembangunan Wilayah Selatan ataupun WPI. Saya nak tahu, sejauh mana dengan kemudahan yang sedia ada dengan tarikan pelaburan yang wujud di Johor itu telah pun membawa masuk satu pelaburan besar, ataupun satu tabungan besar dalam negara kita daripada negara Islam tadi, berbanding sekiranya mereka, saya digambarkan, difahamkan lebih menjurus atau gemar melabur di Bank Singapura? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang seperti yang saya sebut tadi dalam soalan yang sebelum ini, iaitu memang Malaysia menjadi satu tarikan untuk perbankan Islam. Tidak ada di mana-mana pun di dunia yang perbankan Islam yang begitu aktif, *extensive* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kecuali di Malaysia ini. Seperti yang saya sebut tadi dalam Program MIIFC pun kita menggalakkan bank-bank luar masuk sama ada menubuhkan cawangan baru dah ada tiga dan cawangan-cawangan yang mereka boleh ditubuhkan. Untuk Wilayah WPI setakat yang diketahui dan diumumkan, yang telah dijanjikan berjumlah RM1.2 bilion melalui empat syarikat daripada Timur Tengah.

■1050

Tapi kalau ikut unjuran, kalau ikut rekod di bawah Bank Negara pada keseluruhannya memang sudah banyak masuk ke sini, bulan-bulan banyak masuk berbandingkan dengan *quarter* 1 dan *quarter* 2 2006 RM11 bilion tetapi pada tahun 2007 *quarter* 1 dan *quarter* 2 sudah lebih daripada RM30 bilion masuk ke Malaysia.

8. Tuan Che Azmi bin Haji A. Rahman [Kuala Nerus] minta Perdana Menteri menyatakan apakah perubahan-perubahan dasar, sistem atau peraturan-peraturan utama yang telah dilaksanakan oleh kerajaan akhir-akhir ini untuk mencapai matlamat pengagihan yang bermakna dalam negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan akan terus melaksanakan dasar sedia ada dan juga memperkenalkan pendekatan serta dasar baru dalam usaha dalam mencapai matlamat pengagihan yang lebih adil dan saksama di negara ini. Antara penerusan dasar sedia ada ialah meneruskan pelaksanaan objektif Dasar Ekonomi Baru (DEB) menerusi Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Wawasan Negara dan Misi Nasional. Walau bagaimanapun dalam mencapai objektif pegangan berkenaan kerajaan kini lebih memberi tumpuan terhadap sektor atau kluster yang mempunyai jurang ke tidak seimbangan yang tinggi antara kaum dari segi pemilikan saham, ekuiti dan peluang pekerjaan.

Dalam hubungan ini BCIC2 telah diberi mandat penting dalam meningkatkan lagi peranan dan penglibatan kaum bumiputera sama ada menerusi peningkatan dalam peluang peniagaan, pemilikan ekuiti, saham dan peluang pekerjaan dalam sektor-sektor tertentu seperti logistik, ICT, perdagangan dan pengedaran dan sebagai agar jurang ke tidak seimbangan antara kaum dalam sektor berkenaan dapat dikurangkan dan seterusnya mencapai matlamat pengagihan yang lebih adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, Misi Nasional adalah satu misi bagi mencapai matlamat Wawasan 2020 dalam tempoh 15 tahun yang seterusnya 2006-2020. Misi Nasional dirangka dengan lima teras utama bagi meningkatkan daya saing dan daya tahan negara di samping merapatkan jurang sosioekonomi antara kaum. Sehubungan itu usaha akan dilaksanakan menerusi teras ketiga iaitu menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif.

Antara langkah yang diambil bagi menangani masalah tersebut adalah melalui:

- (i) pembasmian kemiskinan tegar menjelang tahun 2010 di samping mengurangkan separuh kemiskinan keseluruhan;
- (ii) mengurangkan jurang ketidakseimbangan antara penduduk luar bandar dengan bandar, antara negeri dan wilayah;
- (iii) memajukan wilayah kurang membangun menerusi pusat pembangunan wilayah; dan
- (iv) menangani jurang di antara dan dalam kumpulan etnik terutamanya dengan menambah pendapatan melalui peningkatan kemahiran dan kebolehan.

Di samping itu dasar sedia ada antara pendekatan baru dalam mencapai matlamat pengagihan adalah menerusi pengenalan konsep pembangunan koridor baru. Dalam hubungan ini di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kerajaan telah memperkenalkan lima koridor

pembangunan baru iaitu Wilayah Pembangunan Iskandar, Wilayah Pembangunan Koridor Utara, Wilayah Ekonomi Pantai Timur, Koridor Pembangunan Sabah, Koridor Pembangunan Sarawak. Tujuan penubuhan koridor-koridor ini adalah sebagai pemangkin kepada pembangunan di kawasan kurang maju yang seterusnya akan dapat membantu menangani ketidakseimbangan pembangunan wilayah di negeri ini serta mempercepatkan perkembangan ekonomi di negeri-negeri terbabit. Sehubungan itu program khusus dan projek utama yang akan merangsang pembangunan akan dilaksanakan bagi menggalakkan pembangunan di kawasan kurang membangun. Peruntukan yang lebih besar juga akan ditimbangkan bagi pembangunan negeri kurang membangun. Bagi memastikan matlamat pengagihan yang lebih adil dan saksama dapat dicapai usaha penambahbaikan dan pengenalan dasar dan strategi baru sentiasa akan diperkenalkan oleh kerajaan supaya ianya terus relevan kepada negara dan menghasilkan impak maksimum kepada kumpulan sasaran.

Tuan Che Azmi bin Haji A. Rahman [Kuala Nerus]: Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Setiausaha Parlimen. Dari jawapan yang diberi tadi dari segi pembangunan ekonomi wilayah itu saya hendak dapat tahu setakat mana jaminan kerajaan bahawa pembangunan wilayah, lima-lima wilayah ini tidak menjarakkan lagi jurang perbezaan antara wilayah dan juga antara kaum. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua seperti mana yang kita semua maklum bahawa dalam rancangan-rancangan yang lalu fokusnya lebih kepada kawasan-kawasan tertentu terutamanya umpamanya di sekitar Lembah Kelang dan kawasan-kawasan yang mempunyai kemudahan ataupun peluang-peluang membangun dengan cepat tetapi dalam pembangunan wilayah ini yang kita memberi penekanan ialah supaya keseluruhan di mana di kawasan-kawasan seperti ini kita tahu telah tertinggal maknanya kita kurang beri penumpuan dalam masa-masa yang lalu. Maka dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan seterusnya sudah tentulah kawasan-kawasan pembangunan wilayah ini di beri penekanan yang lebih dan sebab itu kita adakan peneraju untuk membangunkan kawasan ini dan dijangkakan bahawa peluang-peluang pekerjaan akan dapat diwujudkan dengan begitu banyak dan ini dapat merapatkan jurang ketidakseimbangan semua kaum. Pembangunan ini suah semestinya akan di kecapai oleh semua kaum seperti mana dasar-dasar yang lalu walaupun kita kata dasar ekonomi semua kaum juga dapat faedah daripada pembangunan yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, bukankah bahawa satu bukti kegagalan besar dalam matlamat pengagihan yang bermakna dalam negara ini boleh dilihat daripada demonstrasi Hindraf semalam yang sebenarnya merupakan satu *cry of desperation* kaum-kaum India yang rasa mereka sudah menjadi *under class* yang baru oleh kerana peminggiran *marginalization*, diskriminasi terhadap mereka segala aspek hak-hak mereka ekonomi, politik, pendidikan, budaya, agama sebagai warga rakyat Malaysia mereka sudah menjadi *under class*. Bukankah perasaan mereka di *compounded* oleh kerana cara yang keras

untuk mengendalikan demonstrasi Hindraf semalam yang patut boleh diadakan dengan aman dan teratur. Bukan ini perlu satu pendekatan yang baru oleh kementerian yang berkenaan supaya ada satu *recognition* bahawa kaum India bolehlah menjadi rakyat Malaysia yang setanding dengan kaum-kaum yang lain, *equal and rightful citizen*.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Barisan Nasional tidak pernah mengambil langkah-langkah kerana ada demonstrasi tetapi Kerajaan Barisan Nasional sentiasa peka bahawa kepentingan rakyat akan diberi keutamaan walaupun tidak ada demonstrasi. Sebab itu kita sudah buktikan daripada sejak kita mencapai kemerdekaan sampai hari ini kita telah dapat menghapuskan dan dapat mengurangkan dengan begitu hebat kemiskinan yang ada di dalam negara kita. Jadi bukan kerana demokrasi'...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tapi Tuan Yang di-Pertua, 50,000 orang telah datang, itu satu kegagalan Tuan Yang di-Pertua. Maka saya rasa perkara ini perlu dilihat secara serius. Betul saya cakap, saya rasa kementerian perlu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Perlu *review, review special committee review*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan ganggu Menteri memberi jawapan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi bahawa Kerajaan Barisan Nasional sentiasa memberi perhatian kepada semua kaum di dalam negara ini. Kita tidak kira apa kaum tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini kita cuba melingkupi keseluruhan di dalam negara kita sebab itu kita menjurus ke wilayah-wilayah yang lain yang tertinggal begitu jauh dan semua kaum juga akan mendapat faedah daripada pembangunan ini Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Selain daripada kaum India sebab itu ada Hindraf demonstrasi semalam.

9. Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada kerajaan berhasrat untuk menarik balik pembiayaan subsidi minyak (petrol dan diesel) yang menjadi amalan di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat setakat ini kerajaan tidak berhasrat untuk menarik balik pemberian subsidi minyak petrol dan diesel yang telah diberikan.

■1100

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, kebaikan Kerajaan Barisan Nasional, RM35 bilion dibagi kepada rakyat, subsidi. Saya marah. Semua orang dapat, orang kaya pun dapat, orang Cina dapat, Melayu dapat, India dapat, apa mahu demonstrasi? Apa-apa pun ada subsidi. Saya meminta kerajaan menarik balik subsidi ini dan atur secara baik untuk menaik taraf orang miskin di luar

bandar yang tidak pernah berhasrat untuk berdemo di jalan raya, [*Tepuk*] senantiasa berdiri teguh di belakang kerajaan. Ini keutamaan. Jangan bagi sembarangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jangan berucap.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada soalan tadi ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Soalannya, saya minta kerajaan tarik balik subsidi. Itu soalnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ada hendak tarik balik atau tidak?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Saya sudah jawab tadi, saya tidak berhasrat untuk menarik balik subsidi ini. Cuma mungkin *review*, Tuan Yang di-Pertua.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang hasrat kerajaan. Kerajaan tidak berhasrat menarik balik sebarang subsidi memandangkan harga minyak yang meningkat. Adakah Kementerian Kewangan ataupun Kerajaan Malaysia berupaya untuk menanggung? Kalau tidak, apakah perubahan dari segi dasar dan strategi untuk mengatasi masalah ini? Kalau tidak, saya khuatir ia akan menjadi satu beban yang paling besar. Boleh tidak Yang Berhormat bagi satu jawapan yang jitu dan bagaimana ianya dapat diatasi? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang setakat ini subsidi memang amat tinggillah sehingga seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, RM35 bilion. Ini saya hendak bagi senario yang ada sekarang, Tuan Yang di-Pertua iaitu kerajaan bagi subsidi untuk petrol, untuk diesel dan gas masak, gas industri dan gas untuk jana kuasa elektrik. Contohnya saya bagi gas sahaja, subsidi gas, semua jana kuasa elektrik mendapat subsidi dan jumlahnya banyaklah, Tuan Yang di-Pertua, termasuk juga industri yang bukan tenaga elektrik. Saya hendak sebut di sini macam tiap-tiap tahun, tahun 2006 – RM16.160 bilion, tahun ini anggaran RM16.3 bilion. Yang mendapat semua jana kuasa elektrik – TNB dapat, YTL Power dapat, Genting Sanyen dapat, Powertech dapat, Panglima...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pun tidak berhasrat tarik juga?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: ...Pahlawan Power Sdn. Bhd., Segari Sdn. Bhd., GB3 Sdn. Bhd., 'Supply Power Technology', Tenaga Perlis, Port Dickson Power. Industri bukan tenaga – Perwaja Steel dapat, Gas Malaysia dapat. [*Disampuk*] Kalau bekalan tenaga elektrik memang rakyat mendapat hasilnya. Jadi ini maknanya pihak kerajaan untuk *long-term* perlulah ada *review* dalam hal-hal ini. Saya tidak boleh bagi terperinci apa yang patut dibuat.

10. Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan pengoperasian Akta Antipemerdagangan Orang 2007 mencapai objektif Akta tersebut khususnya dalam memastikan mangsa yang dipermerdagangkan dibela dan dipelihara sepenuhnya.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, Akta Antipemerdagangan Orang 2007 telah dikuatkuasakan sebahagiannya pada 1 Oktober 2007. Penguatkuasaan Bahagian I dan Bahagian II serta seksyen 66 dan seksyen 67 akta ini dilaksanakan bagi membolehkan Majlis Bagi Antipemerdagangan Orang ditubuhkan dan melaksanakan fungsi-fungsinya termasuklah memastikan penyediaan infrastruktur bagi melaksanakan akta ini secara keseluruhan disediakan sepenuhnya.

Penyediaan infrastruktur ini termasuklah latihan kesediaan pegawai penguat kuasa, pegawai pelindung serta pegawai-pegawai perundangan bagi bidang kehakiman dan pendakwaan serta penyediaan tempat-tempat perlindungan dan pemulihan mangsa pemerdagangan orang. Penguatkuasaan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 ini dijangkakan akan dilaksanakan secara keseluruhannya pada awal tahun 2008. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan akta ini bergantung kepada kesediaan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan lain yang terlibat dalam pelaksanaan akta ini seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen dan lain-lain.

Pada ketika ini, dua lokasi telah dikenal pasti bersesuaian bagi dijadikan tempat perlindungan mangsa pemerdagangan orang ini. Kajian terperinci masih lagi dilaksanakan bagi mengenal pasti lokasi-lokasi lain yang bersesuaian bagi dijadikan tempat perlindungan mangsa; memandangkan mangsa pemerdagangan orang ini bukan sahaja terdiri daripada golongan wanita dan kanak-kanak, malah ia juga melibatkan mangsa lelaki. Sekian, terima kasih.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan yang telah diberikan. Saya ingin hendak bertanya soalan tambahan; kerana negara kita telah disenaraihitamkan sebagai negara mengimport, transit dan juga mengeksport dalam pemerdagangan wanita dan manusia ini. Jadi apakah kriteria-kriteria yang akan kerajaan terpaksa lakukan tindakan-tindakan supaya negara kita tidak akan disenaraikan lagi dan kita akan dikeluarkan daripada senarai tersebut.

Soalan yang satu lagi adalah bagaimanakah tindakan yang diambil atas mangsa-mangsa kerana kita tidak mahu mangsa-mangsa itu telah dijadikan sebagai juga mangsa apabila mereka didakwa atas kesalahan imigresen dan atas kesalahan yang lain kerana mereka sepatutnya adalah mangsa pemerdagangan. Terima kasih.

Datuk Fu Ah Kiow: Malaysia ini disenaraihitamkan pada ketika itu mungkin mereka tidak sedar bahawa usaha sedang dijalankan untuk meluluskan satu akta di Parlimen dan sejak kita meluluskan akta ini bahawa pihak antarabangsa pun telah mengetahui keseriusan dan betapa seriusnya Malaysia terhadap menangani masalah anti pemerdagangan ini.

Tentang mangsa ini, salah satu elemen yang penting dalam pelaksanaan akta ini ialah bagaimana kita dapat membezakan mangsa yang betul-betul mangsa TIP atau *trafficking in person* atau mereka yang secara dengan kerelaan sendiri diperdagangkan. Untuk mereka yang

diperdagangkan, tindakan akan diambil terhadap mereka yang melakukan pemerdagangan tersebut tetapi untuk mangsa, kita tidak ambil tindakan terhadap mereka. Untuk mereka yang memang tahu dan rela diperdagangkan, maka mereka boleh diambil tindakan di bawah lain-lain akta seperti imigresen dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, akhirnya. Ya, Protokol United Nation mempunyai garis panduan yang tertentu yang perlu diisi oleh semua negara, khususnya di ASEAN ini iaitu untuk kawasan ASEAN, ciri-ciri yang mesti ada dalam perundangan yang telah dilaksanakan di Parlimen negara masing-masing. Persoalannya di sini *rehabilitation, repatriation, resettlement, discovery, recovery*, semua tidak termasuk dalam perundangan yang kita ada. Persoalan saya, sudahkah kementerian membuat satu semakan yang terperinci supaya ciri-ciri undang-undang kita, kriteria yang diberi di bawah undang-undang kita menepati semua kehendak di bawah protokol itu. Kalau tidak, akhirnya kita tidak akan keluar daripada *tier* yang kita duduki sekarang.

Datuk Fu Ah Kiow: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semasa kita mengubah undang-undang ini, memang kementerian dan AG pun telah mengambil kira protokol dan juga undang-undang yang diperkenalkan di lain-lain negara. Isu penghantar balik mangsa tidak menjadi masalah. Ia masih boleh dijalankan seperti biasa dan telah dilakukan. Baru-baru ini di dalam Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN mengenai isu *transnational crime*, dengan izin, ini pun telah dibincangkan dan negara-negara ASEAN akan mengemaskinikan cara-cara untuk memudahkan penghantar balik dan juga untuk mengesan mereka yang diperdagangkan. Untuk itu, akan mempertingkatkan lagi kerjasama antara negara-negara ASEAN dalam menangani isu ini. Sekian, terima kasih.

■1110

11. **Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah pihak kementerian akang mengkaji semula berkaitan dasar perkahwinan antara rakyat Malaysia dengan pendaatang asing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut undang-undang perkahwinan yang diguna pakai di negara ini membenarkan perkahwinan antara warganegara ini dengan warga asing. Undang-undang ini juga diguna pakai di peringkat antarabangsa. Ianya adalah merupakan hak kepada setiap individu berkahwin dengan mana-mana warganegara tertakluk pada syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam undang-undang tersebut. Di negara ini undang-undang perkahwinan dibahagi kepada undang-undang keluarga Islam dan bukan Islam. Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hanya bertanggungjawab untuk mendaftar perkahwinan pasangan bukan Islam. Pendaftaran perkahwinan antara rakyat Malaysia dengan rakyat asing dilakukan berdasarkan prosedur kerja dan arahan jabatan yang ditetapkan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara

selaras dengan Akta Memperbaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164).

Pihak Jabatan Pendaftaran Negara telah menggariskan beberapa syarat tambahan dan peraturan di dalam arahan Jabatan Pendaftaran Negara bilangan 5/2006 mengenai prosedur menerima permohonan pendaftaran perkahwinan warganegara Malaysia dengan warga asing bagi melicinkan lagi proses kerja dan memastikan tidak berlakunya *marriage of convenience*. Antara syarat yang utama yang perlu dipatuhi ialah penyerahan surat pengesahan taraf perkahwinan bagi warga negara asing semasa membuat permohonan pendaftaran perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara. Surat tersebut perlu dikeluarkan oleh pihak kerajaan negara asing berkenaan dan kemudiannya perlu di endors oleh pihak kedutaan Malaysia di negara berkenaan. Kedutaan negara berkenaan di Malaysia serta bahagian Konsulat Kementerian Luar Negara Malaysia. Surat pengesahan taraf perkahwinan mereka perlu disahkan oleh pihak ibu pejabat Jabatan Pendaftaran Negara sebelum pasangan tersebut diberi kelulusan untuk berkahwin di negeri yang sepatutnya. Jalinan kerjasama *inter-agency* antara pihak Jabatan Pendaftaran Negara, pihak kedutaan asing di Malaysia, Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia juga membantu dalam melancarkan urusan pendaftaran perkahwinan yang melibatkan warga asing. Pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara sentiasa prihatin terhadap isu-isu perkahwinan dan mengambil usaha yang konsisten dalam melaksanakan prosedur dan arahan yang difikirkan baik memberi kepentingan kementerian, jabatan dan juga negara. Justeru itu pihak kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula dasar undang-undang perkahwinan di dalam negara ini, memandangkan dasar dan undang-undang perkahwinan yang sedia ada telah mencukupi dan tidak memerlukan sebarang pindaan. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, cinta itu buta, Tuan Yang di-Pertua.

*“Nasi lemak buah bidara,
Sayang selasih hamba lurutkan,
Buang emak, buang sedara,
Kerana kasih kita turutkan”*

Inilah fenomena yang berlaku Tuan Yang di-Pertua. Kes Siti Nadzirah baru-baru ini, banyak pihak menarik nafas lega apabila kita membaca berita Siti Nadzirah berjaya untuk membawa pulang anaknya. 33,995 pendaftaran perkahwinan lelaki dengan warga asing wanita. Jumlah keseluruhan rakyat kita yang menyerah kerakyatan 106,600. Perbezaan itu maknanya wanita kita yang berkahwin dengan warga asing Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya melihat negara-negara lain seperti Singapura, Amerika, Australia, Jepun menggunakan syarat yang ketat bagi menghalang matlamat menghalalkan cara itu tadi. Mereka berkahwin untuk mendapat PR Tuan

Yang di-Pertua. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak jabatan di bawah kementerian bakal memperketat prosedur permohonan pas lawatan sosial umpamanya mengadakan pemeriksaan susulan selepas permit dikeluarkan atau apabila mereka datang untuk memperbaharui pas itu. Permohonan juga perlu ada sesi temu duga apabila mereka sudah bercerai dan ia akan terbatal secara automatik Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bilangan rakyat Malaysia yang berkahwin dengan warganegara asing meningkat dari semasa ke semasa. Misalnya untuk tiga tahun terakhir sehingga tahun 2006, bilangan rakyat Malaysia yang berkahwin dengan warga asing iaitu perempuan Malaysia, warganegara Malaysia perempuan berkahwin dengan lelaki asing berjumlah 5,557. Sementara lelaki Malaysia yang berkahwin dengan wanita asing berjumlah 19,633, untuk tiga tahun terakhir ini. Jadi undang-undang yang sedia ada memang telah seperti yang saya sebut memang cukup ketat dan kita dari semasa ke semasa membuat pemerhatian dan juga pemeriksaan yang ketat bagi setiap perkahwinan. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, sebarang perkahwinan mestilah mempunyai dokumen-dokumen yang sah. Tidak ada warganegara asing yang datang bekerja dengan permit kerja misalnya dibenarkan berkahwin begitu juga dengan pendatang asing. Sekiranya mereka datang untuk mendaftar, mereka akan ditangkap dan diusir pulang. Jadi undang-undang yang ada saya fikir sudah cukup untuk memastikan perkahwinan sesuka hati tidak dibiarkan. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Beberapa minggu yang lepas, dalam satu seminar yang dianjurkan oleh ASLI, di *Cambridge University*, yang mana beberapa speaker dari Malaysia, CEO dari GLC, mereka minta warga Malaysia yang bekerja dan belajar di United Kingdom untuk balik bekerja dan menyumbang kepada pembinaan negara kita. Salah seorang wanita Malaysia dia berdiri dan berucap. Dia kata dia memang ingin balik ke Malaysia tetapi dia berkahwin dengan orang putih dan anaknya adalah berwarganegara asing. Jadi kalau dia balik ke Malaysia, suaminya tidak boleh bekerja dan juga anaknya masih bertaraf warga asing. Dia kata macam mana saya hendak balik dan menyumbang kepada negara kita. Jadi saya rasa ini adalah satu masalah di mana suami kepada warga Malaysia atau wanita itu mereka tidak diberi layanan yang sama seperti lelaki Malaysia yang berkahwin dengan wanita asing. Jadi saya hendak tanya, kenapakah selepas banyak seruan telah dibuat oleh NGO wanita dan juga ahli politik wanita, sama ada Barisan Nasional dan juga pembangkang, keadaan ini masih wujud di mana kita tidak tahu menggunakan kepakaran suami asing itu untuk menyumbang kepada negara kita. Saya ingin dapat satu penjelasan daripada kementerian.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Ada banyak cari untuk membolehkan seseorang warga asing lelaki yang berkahwin dengan rakyat Malaysia untuk mendapatkan pekerjaan di negara ini

sekiranya beliau atau orang berkenaan mempunyai kelayakan yang secukupnya. Misalnya di bawah *spouse* program, dia boleh memohon untuk bekerja di sini setelah dia pulang mengikut isterinya yang datang ke sini. Jadi apa yang penting ialah orang berkenaan mestilah terlebih dahulu membuktikan bahawa kelayakan yang ada padanya diperlukan di negara ini kerana ruang pekerjaan ini kita perlu utamakan kepada rakyat negara ini sebelum kita memberi peluang kepada orang lain. Terima kasih.

12. Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands] minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan peratusan terkini kakitangan masyarakat India dalam perkhidmatan polis dan tentera. Apakah cadangan untuk menambahkan peratusan pengambilan kakitangan tersebut kerana minat yang semakin bertambah.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:
Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, peratusan terkini masyarakat India di dalam perkhidmatan polis adalah sebanyak 3.5% iaitu seramai 3,292 orang daripada 94,729 orang jumlah keseluruhan anggota polis. Cadangan-cadangan bagi menambah peratusan ini adalah dengan mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) yang pertama menyiarkan iklan kekosongan jawatan beruniform di dalam akhbar semua bahasa;

■ 1120

- (ii) membuat hebahan melalui RTM di dalam slot Selamat Pagi Malaysia, TV3 melalui rancangan 999 dan Malaysia Hari Ini, radio-radio daerah dan radio-radio swasta;
- (iii) meminta Ketua-ketua Polis Daerah seluruh negara menghubungi persatuan-persatuan masyarakat dengan mengadakan kempen dan ceramah menggalakkan belia-belia di negara ini memohon jawatan tersebut.

Maklumat mengenai peratusan terkini masyarakat India yang menyertai Angkatan Tentera Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertahanan. Oleh itu soalan ini saya tidak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menjanjikan macam-macam Dasar Pembangunan Wawasan 2020, Rancangan Malaysia Kesembilan, mengenai pengambilan kakitangan dalam perkhidmatan awam, peluang latihan, peluang masuk IPTA dan pelbagai latihan dan bantuan kewangan. Saya hendak tanya reaksi semalam hampir puluh-puluh ribu menunjukkan bahawa ada 'frustrasi' di peringkat bawahan. Belia dan juga golongan-golongan muda dan kelas menengah yang telah menyertai demonstrasi ini.

Maka ini menunjukkan bahawa seperti Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, peluang yang diberi begitu ringkas dan kecil sedangkan janji yang diberi adalah begitu besar. Di mana

kelemahan ini? Adakah harapan dan tindakan ini hanya akan menjadi harapan sahaja dan apakah tindakan yang bakal diambil untuk buktikan kejujuran dan kesungguhan kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan dan peluang yang terhad di kalangan masyarakat India.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua, semalam Ahli Yang Berhormat ada kutuk demonstrasi dalam *interview* Al-Jazeera bahawa ini adalah tidak bertanggungjawab. Adakah dia meminta maaf atas *interview* beliau semalam untuk mengutuk demonstrasi-demonstrasi atau dia tarik balik apa yang dia kata dalam Al-Jazeera *in interview* yang dia malu macam Zainudin Bersih demonstrasi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu memberi penjelasan saya diberi maklumat oleh India...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Kepada dunia dia mengutuk, dalam Parlimen dia kata apa ini *double standard*, hipokrasi. Ada nafikah Al-Jazeera dia kutuk demonstrasi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya kena jelaskan maklumat yang diberi.

Tuan Yang di-Pertua: Cameron Highlands, jemput duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh Timor duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Panggil dia minta maaf, tarik balik apa yang dia kata Al-Jazeera dan minta maaf.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Media telah menyalah beri maklumat bahawa demonstrasi itu *violence* maka saya beri pandangan. Kalau ianya secara aman damai saya setuju Tuan Yang di-Pertua. Ini salah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak payah jawab Yang Berhormat, duduk.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Saya kena beri penjelasan Tuan Yang di-Pertua kalau tidak saya akan disalah anggap oleh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua: Itu pendapat Yang Berhormat.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Kalau *violence* kita tidak setuju tetapi kalau yang aman damai maka seruan terpaksa didengar. Itu yang saya pinta dekat luar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kat luar pun tidak ada permit polis pun tidak boleh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Satu suara AL-Jazeera lain suara sini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, duduk. Ya, sila.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan pengambilan apa-apa perjawatan pun dalam kerajaan kita tidak boleh menjanjikan apa-apa, terpulang kepada mereka sendiri untuk memohon. Kita telah buat iklan seperti mana seluas-luasnya untuk semua pihak. Kenapa orang Melayu boleh mohon, orang-orang lain tidak

boleh mohon? Ini jangan kita salah orang lain kerana soal ini terbuka kita tidak ada had atau kuota untuk pengambilan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Tetapi permohonan banyak Tuan Yang di-Pertua, saya boleh buktikan.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga daripada yang saya tahu kenaikan pangkat dalam perjawatan pun, dalam masyarakat India yang sudah ada dalam polis hanya 3% sahaja tetapi dari segi perjawatan 5% lebih mereka telah diberi tempat. Jadi dari segi perjawatan itu mereka lebih. Jadi ini adalah insentif yang kita bagi dalam polis sendiri. Jadi terpulanglah kepada masyarakat India untuk memohon dan kita tidak ada diskriminasi dalam soal-soal pengambilan. Jadi kita anggap semua pihak...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya minta kerajaan jujurilah.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: ... supaya termasuklah pemimpin masyarakat India termasuk Yang Berhormat sendiri untuk berkempen kepada masyarakat India di kawasan Yang Berhormat untuk memohon menjadi polis pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya amat terkejut sekali mengatakan bahawa kerajaan mengamalkan diskriminasi kaum-kaum ini tetapi kalau tengok senarai 40 orang yang terkaya, orang Cina kaya, orang India pun kaya, Melayu macam antah dalam beras tetapi kami tidak pernah persoalkan. Tidak malu, tidak ada orang Melayu tidak perlu demonstrasi. Saya pun boleh tunjuk juga kalau di Jasin masyarakat yang miskin, di Kinabatangan malah di bandar Melaka pun saya boleh tunjukkan orang Melayu yang miskin tetapi kita tidak ada ke peringkat hendak demonstrasi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Soalannya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada kementerian apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap pemimpin-pemimpin Hindraf yang semalam kurang ajar kepada negara yang menunjukkan bahawa negara ini seolah-olah huru-hara. Saya hendak tahu apakah pendirian kementerian yang memalukan negara ini?

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan ini semua lari jauh daripada soalan asal tetapi walau bagaimana saya ingin menjelaskan di sini bahawa kementerian, kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan kepada semua pihak termasuk pemimpin-pemimpin parti-parti politik sendiri yang terlibat dalam apa-apa bukan Hindraf sahaja, apa-apa juga perhimpunan pada masa-masa akan datang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Khairy Jamaludin tidak ada ambil tindakan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu pun ambil tindakanlah.

[Soalan 13 – Y.B.Datuk Juslie Ajirol (Libaran) tidak hadir]

14. Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan adakah kementerian ini terlibat hanya dalam bidang pertanian yang ada hubung kait dengan pengeluaran makanan sahaja.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Mah Siew Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembangunan sektor agro makanan ataupun pertanian makanan negara. Namun Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga turut terlibat dalam aktiviti pengeluaran produk bukan makanan seperti ikan hiasan dan juga bunga-bunga. Kedua-dua aktiviti ini telah berupaya menjana pendapatan yang lumayan kepada negara.

Pada tahun 2006, negara telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM191.5 juta melalui pengeksporan bunga-bunga manakala pengeksporan ikan hiasan telah berjaya memberikan hasil sebanyak RM82 juta. Selain itu kementerian juga bertanggungjawab dalam meningkatkan taraf dan juga kualiti hidup golongan sasaran dengan mempelbagaikan aktiviti mereka. Oleh yang demikian aktiviti sampingan yang berupaya meningkatkan pendapatan seperti aktiviti agro pelancongan yang meliputi program seperti *home stay*, aktiviti kraf tangan yang meliputi penghasilan produk hiasan dan cenderahati juga digalakkan oleh kementerian.

Aktiviti-aktiviti ini bertujuan untuk memberikan pendapatan sampingan kepada golongan sasaran dan pada masa yang sama memaparkan bahan buangan dan juga sisa bahan mentah daripada aktiviti pertanian. Aktiviti sedemikian dilaksanakan secara berkelompok seperti melalui pertubuhan peladang atau nelayan kawasan dan kumpulan perkembangan wanita. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sik.

Dato' Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil sekarang ini untuk memperbesarkan lagi industri bunga kita? Sekian, terima kasih.

Datuk Mah Siew Keong: Terima kasih. Pada tahun 2006 seperti yang saya sebut, pengeksporan bunga-bunga adalah RM191.5 juta dan kita hendak meningkatkan eksport industri bunga ini dengan mengadakan kluster *group* iaitu satu-satu tempat dibuat *specialization*. Industri bunga di Malaysia terdapat empat kategori iaitu bunga *temperate* yang sekarang kita mengkhususkan di Cameron Highlands, Pahang dan bunga orkid.

Sekarang bunga orkid kita memberi tumpuan kebanyakan di negeri Johor dan Sungai Buloh dan kategori yang ketiga ialah tanaman pokok hiasan juga dikhususkan di Johor dan Selangor dan akhirnya bunga kering yang kita telah buat di merata tempat. Kita harap bahawa dengan perkembangan dan juga dengan peningkatan kawasan yang ditanami dengan bunga ini kita anggar dalam tahun 2010, eksport bunga kita akan meningkat dua kali ganda. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekian sahaja soal jawab lisan.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

■1130

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

LEMBAGA PEMBANGUNAN SENI TAMPAK NEGARA 2007

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan Seni Tampak Negara dan Muzium Seni Tampak Negara untuk mengadakan peruntukan bagi memperoleh, memelihara, mempamerkan dan membangunkan karya seni tampak di Malaysia dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Untuk memansuhkan Akta Balai Seni Lukis Negara 1959, untuk membubarkan Lembaga Pemegang Amanah Balai Seni Lukis Negara dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2008

Jawatankuasa

Aturan urusan mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2008 dan Anggaran Pembangunan 2008 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". *[Hari Kesebelas]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Maksud B.29 [Jadual] -

Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan 2008] -

Tuan Pengerusi: Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Kepala bekalan B.29 dan kepala pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Saya jemput Yang Berhormat bagi Larut untuk menyambung.

11.31 pg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi di bawah kepala butiran 70015, 70005 dan 30000. Sebelum itu saya hendak ucapkan tahniah kepada Kerajaan Pahang dan Kerajaan Selangor kerana pada hari Khamis yang lalu telah memeterai suatu perjanjian tentang penjualan air kedua-dua negeri di atas usul menteri-menteri besar yang berkenaan bagi menjamin cukupnya air di kedua-dua negeri. Tahniah dan syabas. Cuma satu saya hendak bertanya ...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Bangun]*

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekejap, saya habiskan sedikit lagi. Belum mukadimah, baru, belum sampai kerongkong lagi Yang Berhormat. Saya akan bagi, lepas itu saya akan buka. Sekiranya biasa menjadi adat kita, amalan kita bila pengambilan tanah berlaku sudah tentu ada mereka yang akan menjadi... bukan mangsa, akan terlibat sama. Kalau hari itu saya sebut tentang pengambilan tanah untuk melaksanakan Lebuh Raya Utara Selatan, apabila tanah telah diambil tetapi cukai-cukai tanah masih dibayar oleh pemilik-pemilik tanah yang berkenaan sehingga ke hari ini. Yang Berhormat Menteri telah pun memberi jaminan perkara itu akan disemak balik. Sekiranya berlaku, mereka yang terlibat akan diganti, dibayar ganti rugi.

Jadi saya juga ingin bertanya kepada kedua-dua negeri ini apakah ada mereka yang terlibat kerana saya difahamkan mengikut kenyataan akhbar, ada peneroka yang terlibat, dan juga Orang Asli di negeri yang berkenaan. Jadi saya meminta kalau boleh supaya mereka yang terlibat ini akan diberi perlindungan mengikut hak dan kepentingan mereka.

11.35 pg.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya difahamkan bahawa mereka terlibat ini peneroka FELDA dan juga kumpulan-kumpulan Orang Asli telah mengambil tindakan mahkamah kerana didapati bahawa mereka tidak berpuas hati dengan pampasan dan lebih-lebih lagi masyarakat Orang Asli telah hilang mata pencarian dia kerana kawasan itu merupakan kawasan mata pencarian mereka. Kalau dibayar juga pampasan, ke mana mereka hendak pergi? Kerana kawasan yang tempat mereka cari makan, rotan, benda-benda hutan ini sudah tidak ada lagi. Apa pendapat Yang Berhormat bagi Larut?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya yakin dan percaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar kedua-dua

negeri yang terlibat ini akan melihat masalah ini supaya seperti mana yang telah saya katakan tadi dan juga yang telah disokong oleh Yang Berhormat akan dapat diberikan pertimbangan yang sewajarnya kerana kita juga mahu supaya pelaksanaan projek untuk memberi pembangunan kepentingan kepada rakyat dapat dilaksanakan.

Saya tak nak panjangkan berkenaan air ini Tuan Pengerusi, sekadar merujuk kepada apa yang telah disiarkan dalam akhbar. Cuma saya hendak minta kepada Lembaga Air, ini masalah yang berlaku di kawasan saya, bukan besar pun Yang Berhormat. Wang telah pun diperolehi, peruntukan telah pun diperolehi sebanyak RM600 ribu untuk melaksanakan bekalan air bersih, bekalan air Kampung Tersusun telah pun dapat atas usaha kami wakil-wakil rakyat di Parlimen Larut di atas desakan penduduk-penduduk sampai keluar di televisyen. Keluar dalam TV3, keluar dalam RTM dan akhirnya telah pun mendapat peruntukan. Cuma masalahnya ialah apabila saya rujuk kepada jurutera daerah Lembaga Air Taiping, baik orangnya, bagus, saya hendak puji di sini, telefon bila-bila masa pun dia jawab.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tetapi masalah tidak juga selesai.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Dia tidak tahu sebenarnya apa yang berlaku ke atas projek tersebut. Bila saya rujuk kontraktor melalui pegawai khas saya, dia pun bingung juga. Barang-barang dah sampai tetapi masih belum lagi bergerak, belum lagi dilaksanakan.

Jadi saya mintalah pada pihak Lembaga di Kampung Redang Panjang, Kampung Tersusun, saya tidak salahkan Lembaga Air kerana ini di bawah bidang kontraktor cuma kalau pun sesiapa juga yang dapat projek ini, mestilah rujuk kepada Lembaga Air kerana Lembaga Air yang akan menentukan *spec* dan akan menentukan sama ada projek ini berjalan dengan baik atau tidak. Itu tentang air Tuan Pengerusi, boleh saya pindah ke perkara lain?

Saya hendak pergi kepada stesen-stesen TV swasta. Sebelum itu saya nak ucapkan tahniah terutama kepada TV3, program-program yang dijalankan, Buletin Utamanya hebat, kalah dah stesen yang lain, 3 juta penonton. Kemudian, TV9, *channel* 9, hari ini saya dengar sudah memotong stesen TV yang lain, nombor dua. Itu stesen TV yang menumpang Tuan Pengerusi, TV9 menumpang stesen TV3.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak bagi jalan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekejap Sri Gading, Sri Gading baru lepas pergi kepada program Hujah, tahniah lah. Sekejap saya nak habiskan ini sedikit. Kemudian saluran 8, *channel* 8 pun begitu juga, ASTRO pun begitu juga. Tak kempen, Bera saya tak kempen, saya akan masukkan sekejap lagi fasal anak Bera ini. Dafi ya? Melahirkan seorang artis. Sila Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat sahabat saya Larut. Kita memang bangga, berbesar hati, rasa puas hati kerana TV kita, TV1, TV2, TV3, TV7, 8 dan 9 menyiarkan gambar demonstrasi semalam. Satu demonstrasi yang memburukkan nama negara, yang saya hendak terima kasih kepada TV-TV ini kerana maklumat-maklumat itu dapat daripada rakyat, itu satu perkara yang baik.

Saya juga berharap TV kita ini, semua TV lah kalau ada perkara-perkara yang menyentuh tentang perkara dengan kepentingan negara, dan yang memburukkan, ambil pendapat rakyat. Rakyat yang benci, yang muak, yang marah dengan demonstrasi ini. Jangan kata kita lihatkan demonstrasi itu sahaja, ambil pendapat rakyat kerana rakyat negara ini ramai yang benci, yang marah, yang kecewa dengan demonstrasi jalanan seperti ini. Jadi ambil pendapat rakyat supaya seluruh rakyat pun tahu bahawa demonstrasi seperti itu tidak disokong oleh rakyat.

■1140

Jadi apa pendapat Yang Berhormat, kita harap TV kita lebih dapat mengambil perhatian dengan mengambil pendapat-pendapat daripada orang ramai yang benci, yang marah yang kecewa tentang perkara yang memalukan itu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh jawab sekali?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya memang sehaluan dengan rakan-rakan bahawa peranan media elektronik ini lebih-lebih lagi TV3, Astro dan sebagainya, memang seharusnya memberi penjelasan kepada rakyat secara keseluruhan di mana keburukan berlaku, di mana kesesakan jalan raya, orang ketakutan apabila ada demonstrasi jalanan. Ini harus kalau boleh disiarkan secara langsung, biar rakyat melihat bagaimana keburukan yang berlaku, bahawa ini bukan satu tuntutan untuk menyelesaikan masalah seperti yang dialu-alukan oleh Ketua Pembangkang. Ini merupakan satu kekacauan. Minta pandangan Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya setuju pandangan daripada Sri Gading dan juga Kinabatangan, supaya kita mengutamakan perkara-perkara yang mendatangkan kebaikan kepada negara kita. Rakyat bagi pandangan dan luahan itu pun pandangan juga. Sri Gading dan Kinabatangan pun pandangan juga, pandangan daripada rakyat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sekejaplah. Saya habiskan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jawab sekali, jawab sekali.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh sekali? Okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, sekali. Terima kasih Yang Berhormat. Kalau dari segi isu minta pandangan, saya rasa pihak TV3 dan RTM tidak harus minta pandangan daripada orang yang membantah, yang tidak suka, yang tidak faham apa yang berlaku dalam isu demonstrasi itu. Mereka juga harus mewawancara pihak penganjur dan juga tanya, kenapakah orang ramai datang dari merata-rata tempat ke Kuala Lumpur tanpa takut ditangkap oleh polis.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apakah pandangan dan perasaan mereka? Saya rasa semua ini harus disiarkan dalam TV. Setujukah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Okey, terima kasih. "*Sudah gaharu cendana pula.*" Yang Berhormat, kita ada 25 juta rakyat. Yang terlibat hanya segelintir sahaja. Yang Berhormat terlibatkah Yang Berhormat?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Islam Hadhari cakap apa? Adilkan?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang penting di sini kita hendak cari siapa "*batu api*" di belakang. "*Lontar batu sembunyi tangan.*" Saya tidak tahu, apakah pembangkang terlibat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau Batu Gajah terlibat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Kalau terlibat, sedih yang amat sekali.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa masalah? Apa masalah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Siapa juga terlibat ambil tindakan, dakwa mereka.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau Batu Gajah terlibat macam mana?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terserah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, terus kepada siaran televisyen Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Cuma satu Tuan Pengerusi saya hendak ucap tahniah kepada TV3 terutamanya kepada Datuk Kamaruzzaman, yang mengetuai meja berita ini. Dia sentiasa mengambil kira di atas sensitiviti masyarakat setempat. Itu yang kita hendak, di samping melaporkan masalah-masalah yang berlaku, dia juga memberi peluang kepada mereka yang terlibat untuk memberikan pandangan mereka. Cuma di samping saya hendak menyebut beberapa perkara di sini, oleh kerana stesen-stesen TV swasta ini mendapat sambutan dengan program-program yang telah diadakan sebagai contoh TV3. Saya tak boleh sentuh RTM, bukan saya tak puji RTM tapi kerana RTM di bawah Kementerian Penerangan kecuali stesen TV swasta di bawah kementerian yang sedang kita bahaskan ini.

Umpamanya TV3 menyiarkan Program Motivasi Pagi bagus. Ada *motivators* dengan izin Tuan Pengerusi yang dijemput, menggerakkan kita yang mana bangun pagi, bangun subuh mendengar nasihat-nasihat yang baik, Alhamdulillah. Cuma saya berharap supaya segala pujian ini akan memberi satu semangat kepada mereka yang berkenaan, untuk mempertingkatkan lagi program-program yang ada, oleh kerana mereka sudah memiliki penonton yang begitu ramai. Bukan semata-mata untuk mencari dan mengaut keuntungan.

Umpamanya Astro satu stesen berbayar setakat hari ini di negara kita. Saya difahamkan lesen juga dikeluarkan kepada pihak-pihak lain supaya ada persaingan. Ini satu perkara yang baik untuk mempertingkatkan lagi kualiti penyiaran. Memberi pilihan kepada orang ramai, penonton. Barangkali kalau pembangkang tak puas hati dia juga boleh mengikuti saluran-saluran yang lain. Cuma satu saya hendak bertanya lesen yang dikeluarkan ini ada tempoh masa atau tidak. Setahun, dua tahun diberikan kalau tak juga dijalankan barangkali dipindahkan kepada orang lain, kerana tak adil kalau hanya satu stesen TV, kita tidak ada persaingan.

Dalam pada itu saya hendak bertanya mengenai Astro yang hari ini begitu termasyhur, terkenal dengan Akademi Fantasia. Tahniahlah pada Bera satu-satunya anak wakil rakyat yang melahirkan artis, Dafi. Saya ingat Yang Berhormat Bera nanti kalau kita jemput janganlah caj kita. Tahniah melahirkan banyak lagi artis Tuan Pengerusi. Cuma saya hendak tanya, mereka ini lahir melalui SMS. Saya pun kadang-kadang serba-salah juga kalau tak bertanya, apakah pemilihan ini sudah ditentukan lebih awal, tidak telus? Jadi saya ingin tahu.

Walaupun SMS masuk, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat ini berapa banyak SMS yang digunakan rakyat kita ini. Kalau adalah satu angka, berapa pelaburan yang sudah dibuat melalui SMS. Sekarang sudah jadi satu budaya semua stesen TV, kuiz SMS. Inilah saya hendak sebut di sini Tuan Pengerusi, bolehkah kita menggunakan kuiz yang disiarkan ini kerana ada ulama mengatakan haram. Kalau haram perlu dihentikan, tak kira berapa banyak pun. Disiarkan tengah-tengah malam pun ada.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebab itu saya katakan tadi jangan mementingkan keuntungan. Mesti kita mengutamakan juga bagaimana kita hendak membudayakan masyarakat kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maran Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ...Bagaimana kita hendak mendidik masyarakat kita seperti Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Larut. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Kita ucapkan terima kasih kepada TV-TV kita ini. TV3, NTV7, 8TV, TV9 dan baru-baru ini TV3 mendapat anugerah tertinggi dari segi jumlah penonton dan sebagainya.

Saya terima apa pandangan Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa, banyak program memberikan faedah kepada masyarakat termasuklah motivasi pelajar dan sebagainya. Tetapi dalam masa yang sama saya juga mendapat rungutan daripada ibu bapa di luar bandar. Di mana banyak daripada program di TV3 ini walaupun banyak yang baik, banyak juga yang melalaikan anak-anak muda. Bahkan ramai ibu bapa jumpa saya, "*Tolonglah Datuk, timbulkan dalam Parlimen*". Kalau boleh supaya dapat TV3 atau TV-TV lain ini menilai balik, agar program-program yang mereka tunjukkan di TV ini terutama di tengah malam sebagai contoh, ditimbulkan pada saya *Jangan Tidur Lagi*. Maknanya dia minta anak-anak muda ini jangan tidur supaya berjaga, kalau boleh berjaga kalau boleh sampai subuh dan akhirnya mereka tinggalkan pendidikan dan pelajaran dan perkara-perkara lain.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat kalau boleh mungkin Yang Berhormat tanyakan kepada pihak TV ini, berapa peratuskah kadar program-program yang pertama Yang Berhormat sebutkan tadi yang berfaedah kepada masyarakat seperti motivasi dan sebagainya, dan program-program yang dianggap boleh menjejaskan pemikiran ataupun moral anak-anak muda kita? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Maran. Saya pun ucap tahniah di atas anugerah yang telah diterima oleh TV3. Saya katakan tadi walaupun pujian telah diberikan, penghargaan telah diberikan, tidak semestinya mereka sudah berpuas hati dengan program dan rancangan yang telah diadakan. Termasuklah rancangan yang dikendalikan oleh beberapa orang selebriti jangan tidur lewat, Yang Berhormat pun jangan tidur lewatlah. Saya setuju supaya dikaji dan dilihat balik.

Sebab itu saya ingin bertanya kepada kementerian, adakah kita mempunyai jawatankuasa pemantauan ke atas semua program TV swasta ini, untuk memberi nasihat, memberi peringatan ke atas segala program. Jika tidak siapa yang akan menentukan rancangan-rancangan dan program-program yang telah disiarkan, yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi mendapat kritikan, bantahan dan sebagainya. Saya juga hendak puji TV9, satu-satunya program bahasa Melayu...

■1150

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: ..yang mana mereka adakan satu kuliah agama, mengulang kaji untuk remaja-remaja. Ini satu perkara yang cukup baik yang perlu diikuti oleh barangkali stesen-stesen TV yang lain. Bukan bermakna bila kita mewujudkan satu program agama, ia menjejaskan kebebasan agama yang lain. Kecualilah orang itu punya idea pemikiran yang sempit. Ya, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila gulung Yang Berhormat...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berkongsi dengan Yang Berhormat untuk mengucapkan tahniah kepada TV3. Yang Berhormat, saya

mahu minta pandangan daripada Yang Berhormat berkenaan TV3 di negeri Sabah ini. Dia mempunyai kakitangan yang kecil, mungkin tiga atau empat orang sahaja tetapi dia boleh bertugas di seluruh negeri Sabah. Saya sanjung tinggilah TV3 ini, kerana dia telah mengeluarkan yang diminati oleh orang ramai terutama sekali berita-berita yang penting yang kebiasaannya RTM tidak dapat menyiarkannya.

Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat, kalau kakitangan TV3 ini ditambah dan juga alat-alat kelengkapannya terutama sekali kereta yang dipakainya itu tidak begitu sesuai di negeri Sabah. Terima kasih.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, saya bersetujual dengan pandangan Yang Berhormat. Barangkali TV3 juga ada buat kajian tentang memperluaskan lagi penyiaran mereka. Tuan Pengerusi, kita berharap pandangan-pandangan ini ialah untuk kebaikan kita semua kerana tanpa media, terutama media elektronik itu sendiri telah dapat menghidupkan suasana masyarakat kita di negara kita sendiri dalam pelbagai bentuk. Macam SMS saya sebutkan tadi, siapakah yang mengaudit SMS ini? Lebih-lebih lagi kalau SMS ini berupa undian yang mengaitkan individu-individu tertentu.

Jadi kita berharaplah supaya pihak-pihak yang berkenaan dapat melihat persoalan ini supaya jangan timbul barangkali perasaan tidak puas hati kepada pihak-pihak tertentu. Macam saya katakan tadi, seolah-olah SMS sekarang ini sudah menjadi satu budaya kepada mereka yang hendak mengaut keuntungan semata-mata tanpa memikirkan keadaan yang lebih perlu dilihat untuk diberikan keutamaan.

Saya juga ingin sebut tentang radio, radio swasta ini. Kita berbangga kerana sekarang ini banyak saluran radio swasta. Era mengatakan dia radio nombor satu, bagus. Orang boleh dengar radio Era, pilihan. Cuma ada satu stesen radio ini Tuan Pengerusi, yang menyedihkan sayalah terutamanya pada bulan Puasa yang lalu. Kerana ketika dalam ketika perjalanan di Lebu Raya Utara-Selatan barangkali di tempat lain juga, ada sesetengah stesen ini yang kita tidak dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri. Entah macam mana, saya dapat siaran radio yang berkenaan. Saya tidak hendak sebut namanya lah.

Yang menyedihkan sewaktu masuk berbuka puasa, langsung tidak disebut sudah masuk waktu berbuka puasa, sedangkan DJ ataupun juruhebah yang sedang mengendalikan program tersebut adalah orang Islam. Mustahil perkara-perkara seperti ini boleh berlaku. *[Disampuk]* Ya, nama radio, Radio Suria kalau tidak silap saya. Adakah nama Radio Suria Yang Berhormat? Ada ya? Yang Berhormat Indera Kota dia pakar tentang, dia lama di RTM. Sedih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habiskan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sebagai orang Islam, apakah salahnya walaupun dia mendendangkan lagu-lagu yang mengasyikkan, sebutlah sudah masuk waktu berbuka puasa. Kita dalam musafir lagi, Tuan Pengerusi, sedih. Ha, inilah yang

saya katakan tadi, siapakah yang memantau perkara-perkara seperti ini? Kita tidak mahu hingga timbul juruhebah atau DJ salah sebut nama angkasawan. Takkanlah tidak dapat membandingkan nama angkasawan dengan nama Menteri? Kalau dahulu nama Menteri Pelajaran, tidak dikenali oleh sesetengah guru pelatih.

Hari ini, tidak dapat dibandingkan antara Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi dan angkasawan kita? Seorang itu sahajalah, Dr. Muzaffar. Aneh, Tuan Pengerusi. Jadi saya mintalah, kadang-kadang saya tengok, celoteh-celoteh juruhebah ini, kadang-kadang keterlaluan. Bagus, bukan tak bagus. Dahulu pun, dekat RTM pun ada DJ yang bagus-bagus. Jadi, sesiapa yang memantau? Kalau sudah keterlaluan sangat pun, membimbangkan kita juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit sahaja lagi Tuan Pengerusi yang akhir sekali. Jadi saya berharap, bukanlah bermakna mereka yang mendapat lesen mengendalikan stesen TV baik, stesen radio baik, mereka boleh melakukan sesuka hati. Jadi saya berharaplah kepada pihak kementerian untuk memantau segala program-program ini, perjalanan stesen ini, termasuklah yang paling serius pada hari ini, stesen-stesen TV luar negara. Umpamanya Stesen TV Al-Jazeera, yang baru-baru ini telah menyiarkan, seolah-olah memburuk-burukkan negara kita ini. Seheinggakan saya menerima panggilan daripada rakan-rakan di luar negara bertanyakan betulkah atau tidak? Kalau kita ditanya sedemikian pun, kalau kita tidak ditanya, sudah tentulah perkara-perkara yang tidak diingini sudah tersiar luas di luar negara lebih-lebih lagi kalau ada pihak pembangkang yang terlibat sama menanggung di air yang keruh.

Jadi saya mintalah kepada pihak kementerian, sama ada kalau ada pemantauan, apakah tindakan yang diambil? Kalau kita tidak mahu, negara kita aman sejahtera, adalah berlaku sedikit-sedikit Tuan Pengerusi, di mana-mana itu biasalah, tetapi tidak seburuk yang dibandingkan oleh pembangkang. Sikit-sikit bandingkan dengan negara lain, seolah-olah negara kita ini tidak bagus, tidak aman, tetapi dia syok duduk di sini juga. Ha, janganlah begitu..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Saya tahu Yang Berhormat bagi Ipoh Timor pun tahu apa maksud saya ya? Jadi saya berharap...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Inilah susahnyanya. Dia tak faham, dia kata dia faham. Ya, Yang Berhormat hendak tanya, sila...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Saya mahu berucap, bukan hendak minta penjelasan..[Ketawa].

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Sedikit lagi Tuan Pengerusi. Jadi saya berharap pihak kementerian, tolonglah, barangkali ada satu penyelarasan untuk mengambil tindakan ke atas mereka yang telah menyimpang. Bukan berada di negara kita ini untuk memberi gambaran yang sebenarnya tetapi memburukkan lagi keadaan. Seolah-olah mereka hendak jadi macam super *power* menentukan keadaan di sesebuah negara itu. Jadi dengan itu Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Serdang.

11.57 pg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya secara ringkas, Butiran 020000 - Perkhidmatan Pembetulan. Tuan Pengerusi, IWK telah diambil oleh kerajaan di bawah Kementerian Kewangan dan telah diuruskan oleh Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi di mana pihak kementerian telah memberi peruntukan sebanyak RM200 juta pada tahun ini dan akan diberi RM150 juta lagi pada tahun hadapan. Namun, sepanjang masa perkhidmatan pembetulan daripada IWK masih tidak puas hati di mana terdapat aduan-aduan masih diterima dari lapisan masyarakat walaupun mereka telah dibayar caj setiap bulan seperti Taman Bangi Permai di Pekan Bangi. Saya terkejut sangat setelah saya menerima aduan daripada para penduduk di situ dan telah meninjau kedudukan sebenarnya.

Kawasan perumahan ini telah wujud 20 tahun lamanya, tetapi tidak diberi subsidi dan di caj setiap bulan wang dan mereka bayar tetapi tidak berfungsi. Setiap kali hujan berbau dan tidak mengalir. Maka itu mereka telah meminta pihak pengurusan IWK memperbaikinya atau membaik pulihkan kerana mereka patut berbuat demikian, kerana bayaran telah diberi. Sepanjang masa ini, masalah ini tidak diselesaikan. Terpaksalah saya tulis surat kepada Ibu Pejabat IWK untuk meminta apa sebabnya aduan dari para penduduk di kawasan itu tidak dilayan dengan baik dan apakah sebabnya perkhidmatan tidak baik diberi hingga kini. Ini satu tanda bahawa ketidakpuasan hati rakyat dan juga telah menimbulkan tidak menjelaskan caj-caj tunggakan yang begitu banyak pada kali ini.

Jadi, satu perkara saya minta penjelasan, cara mana IWK akan memberi perkhidmatan lebih berkesan lagi untuk rakyat supaya penduduk-penduduk yang kena caj itu dapat menikmati perkhidmatan di mana masalah yang dihadapi mereka dapat diselesaikan dan dapat di*upgrade* atau di naikkan taraf saluran najis di kawasan perumahan tersebut.

■ **1200**

Satu lagi, banyak lagi loji kumbahan yang dibina oleh pemaju perumahan yang masih kurang kelengkapan dan sentiasa tidak berfungsi dan mengakibatkan bau busuk. Maka hantar surat pihak pengurusan akan datang untuk membaiki tetapi akan membaiki secara *ad hock* kerana tidak cukup peruntukan untuk meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan atau *equipment* untuk mengatasi masalah tersebut.

Ini satu masalah yang sedang dihadapi dan saya minta penjelasan cara mana untuk membaiki pulihkan atau mempertingkatkan lagi loji-loji kumbahan yang *outdated* itu supaya dapat memberi satu perkhidmatan pembetungan yang lebih memuaskan di sesuatu kawasan tertentu. Satu lagi adakah pihak kementerian akan menimbangkan bahawa IWK tidak akan diswastakan lagi sama ada ini merupakan satu perkara sebagai dasar kerana saya nampak sejak IWK telah menjadi swasta, ianya tidak berjaya dan diserahkan kepada kerajaan dan kerajaan akan ambil alih dengan berjuta-juta.

Adakah selepas pengurusan telah dibaiki oleh kerajaan dan akan dipertimbangkan lagi untuk diswastakan lagi. Ini satu perkara dan untuk diberi penjelasan dan akhirnya Tuan Pengerusi, *reservoir* atau tangki air, kawasan tangki air yang dibina merupakan satu kawasan larangan. Sepanjang masa ini saya nampak banyak tangki air tidak dilengkapkan dengan pengawasan yang baik, kerana banyak tempat terbuka terdedah kepada orang ramai datang ke kawasan larangan itu. Saya rasa kalau satu hari ada penjahat yang akan menggunakan atau meracunkan tangki air akan menjadi isu besar. Jadi apakah caranya untuk mengawal atau menjamin keselamatan tangki-tangki air di seluruh negara kita, ini satu tanggungjawab kerajaan sosial.

Adakah satu perkara untuk kepentingan keselamatan orang ramai untuk mengelakkan sebarang tindakan jahat akan berlaku ke atas tangki-tangki air di negara kita. Ini satu perkara penting. Walaupun diisytiharkan sebagai kawasan larangan, tetapi tidak ada keselamatan yang cukup untuk menjaminnya. Saya minta penjelasan, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Tuaran.

12.03 tgh.

Datuk Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan bagi Butiran 11400 - Rancangan Bekalan Air Sabah. Pertamanya saya ingin mengucapkan banyak terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah memberikan peruntukan sebanyak RM197 juta untuk butiran ini. Sesungguhnya tanpa bantuan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah tidak mampu untuk membangun memberi perkhidmatan bekalan air yang sempurna. Dalam hal ini Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian; bagaimana pihak kerajaan mengagih-agihkan peruntukan ini untuk memaksimumkan atau mengoptimumkan kewangan yang ada untuk menyelesaikan masalah bekalan air bersih di Sabah.

Saya bagi satu contoh, adakah pihak kerajaan sebagai contoh memberi keutamaan untuk menumpukan perhatian kepada pusat-pusat pertumbuhan. Contohnya di antara enjin pertumbuhan adalah pelancongan. Adakah pihak kerajaan mengagihkan peruntukan ini supaya menyelesaikan masalah pembekalan air bersih di pusat-pusat pelancongan yang penting. Contohnya di kawasan Kundasang, persekitaran Kundasang dan sebagainya. Pada hari ini Tuan

Pengerusi saya difahamkan bekalan air digunakan oleh pusat-pusat pelancongan termasuk chalet-chalet yang ada di kawasan Kundasang adalah air yang diambil dari Taman Negara Kinabalu.

Walaupun air ini adalah kelas satu, *first class water*, tetapi *it's not a treated water*. Oleh sebab itu ini tidak menjamin keselamatan pelancong-pelancong yang datang. Air yang digunakan adalah air yang digunakan untuk pertanian iaitu yang digunakan untuk menyiram sayur-sayuran dan sebagainya. Pada hari ini banyak kampung termasuk di Kampung 'Gundu' di mana pengundinya hampir dua ribu tetapi pada saat ini mereka menghadapi masalah bekalan air. Jadi saya ingin tahu berapakah daripada RM197 juta ini diberi peruntukan tempat khususnya di kawasan Kundasang atau tempat pelancongan yang penting ini. Di kawasan Parlimen saya Tuaran ada juga tempat seperti di Pekan Nabal, Pekan Nabal ini adalah satu pusat pertumbuhan pelancongan dan pihak kerajaan telah memberi banyak peruntukan untuk memberi prasarana pelancongan di situ. Saya ingin tahu berapakah peruntukan yang telah diberi untuk pembekalan air bersih untuk Pekan Nabal ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih ke Butiran 03200 - Sabah Electricity Sdn. Bhd. dan Butiran 03202 - Penghantaran dan Pembahagian. Sekali lagi saya mengucapkan banyak terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana telah memberikan peruntukan sebanyak RM62 juta untuk tujuan ini dan dalam hal ini peruntukan-peruntukan yang sudah sekian lama diberi oleh Kerajaan Persekutuan oleh Negeri Sabah kita mengucapkan ribuan terima kasih. Dalam masa yang sama Tuan Pengerusi, saya ingin tahu apakah kejayaan-kejayaan setakat ini yang telah dicapai oleh pihak kerajaan khususnya pihak SESB untuk memastikan supaya dikurangkan masa-masa *black out* ini. *Black out* sekejap ada elektrik, sekejap tidak sepanjang tahun ini sebagai contoh.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di kawasan Parlimen saya Tuaran, *current* melonjak, kadang-kadang tidak ada dan oleh sebab itu menyebabkan kerosakan banyak peralatan seperti komputer dan sebagainya. Jadi saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan supaya masalah-masalah seperti ini dikurangkan ataupun dihapuskan sama sekali. Tentu sekali pihak kerajaan prihatin bahawa jika sekiranya masalah seperti ini tidak ditangani ini akan mengakibatkan daya saing kita dari segi menarik pelaburan, khususnya ke Sabah.

Selain daripada itu saya juga ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan supaya bekalan elektrik melalui talian grid ini sasaran yang telah ditentukan untuk Sabah. Bilakah kita dapat mencapai sasaran itu khususnya di kawasan luar bandar dan juga di tempat-tempat di mana kerajaan sudah kenal pasti untuk perindustrian seperti di kawasan Lahad Datu, di kawasan Kota Kinabalu ataupun tempat-tempat lain sudah dikenal pasti untuk dibangunkan untuk perindustrian. Seterusnya Tuan Pengerusi, saya beralih ke Butiran 020000 -

Perkhidmatan Pembedungan dan Butiran 80000 - Projek Pembedungan Negara. Butiran ini telah diperuntukkan sebanyak RM217 juta.

Dalam hal ini saya ingin tahu berapakah peruntungan pembedungan yang telah diberikan untuk Negeri Sabah. Seterusnya untuk menyelesaikan masalah soal pembuangan kumbahan air. Di pekan-pekan yang belum lagi mendapat perkhidmatan pembedungan. Contohnya di Pekan Tamparuli di kawasan saya. Pekan Tamparuli ini Tuan Pengerusi, adalah salah satu daripada pusat pelancongan juga yang terkenal di Sabah dengan Jambatan Tamparuli dan tempat persinggahan dan sebagainya. Namun, sehingga pada hari ini kita tidak mempunyai pembedungan di sana, kumbahan air dari kedai dari Pekan Tamparuli dibuang terus ke sungai.

Untuk makluman air yang dibekalkan ke Bandar Raya Kota Kinabalu dan sekitarnya diambil terus dari Sungai Tamparuli sebelum dirawat dan tidak jauh dari di mana kumbahan ini dibuang dan tanpa pembedungan untuk Pekan Tamparuli saya ingat kita pun geli juga untuk menggunakan air di Bandar Raya Kota Kinabalu jika perkara ini tidak diselesaikan.

■1210

Jadi saya ingin tahu bilakah pembedungan untuk pekan Tamparuli itu dapat diselesaikan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi saya beralih ke Butiran 70005 – Pusat Perkhidmatan Multimedia Luar Bandar.

Butiran ini telah diberi peruntukan sebanyak RM3 juta dan bukanlah banyak sangat. Jadi saya ingin tahu RM3 juta ini untuk apa dan apa yang dibuat dengan RM3 juta? Saya sebenarnya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana barangkali melalui butiran ini telah diperkenalkan *School-Net* dengan kerjasama kementerian lain seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Sains, Inovasi dan Alam Sekitar dan sebagainya. Di kawasan saya di Parlimen Tuaran kesemua sekolah rendah dan semudahnya lebih 80 buah kecuali satu lagi iaitu S.K Pahu belum mendapat kemudahan *School-Net*.

Yang anehnya Tuan Pengerusi dan ini saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri di manakah penyelarasan di antara kementerian-kementerian yang terlibat dalam pemberian kemudahan *School-Net* ini? Bekalan komputer, bekalan LCD dan sebagainya sudah pun diberikan oleh Kementerian Pelajaran, tetapi kemudahan ICT belum lagi dibekalkan dan oleh sebab itu internet tidak boleh digunakan dan kemudahan-kemudahan yang ada diletak begitu sahaja di sekolah.

Selain daripada itu masalah yang kita dapati di sekolah-sekolah ini ialah apabila kemudahan multimedia itu rosak dan selepas ia rosak ia terbengkalai. Saya ingin tahu apakah pihak kementerian melantik syarikat-syarikat ataupun disediakan satu sistem penyelenggaraan terhadap kemudahan-kemudahan yang telah pun diberikan. Sebab jika tidak, banyak sekolah-sekolah di kawasan saya khususnya di kawasan Parlimen Tuaran, sebahagian besar daripada sekolah-sekolah di luar bandar, kemudahan multimedia khususnya *School-Net* tidak dapat

digunakan. Walaupun pihak guru besar membuat laporan kepada pihak yang berkenaan tetapi berbulan-bulan tidak ada tindakan sehingga pada hari ini.

Baru-baru ini di sebuah sekolah S.K Tiong Perungusan masalah rupanya sudah hampir setahun *School-Net* tidak boleh digunakan, *internet* tidak boleh digunakan. Oleh sebab itu soal pembelajaran matematik dan sains menggunakan bahasa Inggeris, menggunakan *courseware* dan sebagainya tidak berkesan.

Saya telah menghantar SMS kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah ini, itu baru sekolah yang saya temui. Saya juga telah diberi maklum balas daripada guru-guru besar bahawa di sekolah mereka juga menghadapi. Jadi persoalan di sini ialah sistem penyelenggaraan. Sekiranya sudah wujud dan kalau sudah dilantik syarikatnya apakah langkah-langkah untuk memantau sama ada mereka yang bertanggungjawab itu sudah dilantik itu benar-benar menjalankan tanggungjawab ataupun tidak.

Itu sahaja Tuan Pengerusi saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Bera.

12.14 tgh.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 08100, 70018, 09000. Terutamanya mengenai Rancangan Bekalan Air Pahang. Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana banyak meluluskan peruntukan terutamanya pinjaman daripada pihak kerajaan negeri.

Saya ingin bertanya sehingga ke hari ini berapakah jumlah yang telah dipinjam oleh pihak kerajaan negeri daripada pihak Persekutuan. Saya ingin bertanya juga bila selepas SPAN ditubuhkan, bila pengambilalihan bekalan air di Pahang oleh pihak Kerajaan Persekutuan kerana seperti kita tahu air merupakan masalah besar. Paip-paip air yang lama di negeri Pahang telah menyebabkan selalu terjadi masalah bekalan air terputus dan sebagainya.

Jadi harapan daripada rakyat di Pahang terutama di kawasan saya apabila kita memaklumkan bahawa mulai tahun hadapan pihak Kerajaan Persekutuan akan mengambil alih pengagihan air di negeri jadi harapannya besar supaya masalah ini dapat diselesaikan. Soalnya bila, bila akan diambil alih, bilakah penukaran-penukaran paip-paip lama itu akan dijalankan, bilakah penaik taraf loji-loji air akan dilakukan kerana kita takut prosesnya mengambil masa yang begitu lama dan akhirnya masalah air masih tidak dapat diselesaikan.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sila Maran.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Bera. Saya juga berhampiran dengan Yang Berhormat Bera dan masalah

bekalan air di kawasan saya juga berlaku dan sering kali juga terputus dan alasan yang diberi ialah kerana paip-paip air ini telah tidak sesuai lagi dan sering pecah dan sebagainya.

Saya difahamkan oleh kerajaan negeri tidak silap saya Yang Berhormat Bera ialah lebih kurang 12,000 kilometer yang perlu dibaiki, ditukar paip-paip ini. Saya bimbang Yang Berhormat Bera, saya takut kalau kita serahkan pentadbiran air Pahang pada Persekutuan nanti, apakah kita mendapat jaminan daripada kerajaan supaya masalah air di Pahang ini yang masuk ke kawasan kita yang dekat ini tidak akan berlaku lagi? Apakah kerajaan boleh memberi jaminan bahawa paip-paip ini akan diganti bagi memastikan supaya kemudahan air ini tidak lagi dihadapi oleh orang-orang kampung. Saya minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat Maran, jiran saya di Parlimen dan jiran saya di kawasan Parlimen. Jadi inilah masalah yang dihadapi oleh kami, inilah kegelisahan dan kekusaran yang dialami oleh kami. Kita menghebohkan kepada pihak *grassroots* kita, rakyat kita bahawa selepas ini tidak akan timbul lagi masalah air. Jadi soalnya bila, bila boleh diselesaikan?

Yang keduanya ialah saya juga hendak tanya adakah pihak kerajaan akan melantik syarikat swasta untuk mengendalikan air di Pahang seperti yang dilakukan di Selangor misalnya. Jadi jika ada, adakah pihak kerajaan telah pun berbincang dengan pihak swasta tersebut kerana kalau sehingga ke hari ini masih tidak ada perbincangan dan sebagainya saya takut di dalam jangka masa transisi tersebut iaitu daripada selepas kawalan air diambil alih oleh Persekutuan dan dalam masa perundingan untuk melantik syarikat swasta dan sebagainya masalah air masih ditakuk yang lama. Ini akan memberikan gambaran yang salah, akan memberikan signal yang salah kepada pihak rakyat di kawasan saya dan mungkin juga di Maran dan seluruh Pahang.

Yang ketiganya, selain daripada itu saya ingin merujuk kepada stesen-stesen TV swasta. Kalau kita pergi ke panggung-panggung wayang pada hari ini, peraturan adalah ketat untuk membawa anak-anak kita menonton wayang. Dihadkan filem-filem, filem yang sesuai untuk umum dan filem 18 tahun ke bawah.

Filem-filem ganas misalnya dihadkan kepada 18 tahun ke atas. Terima kasih di atas undang-undang tersebut, tetapi masalahnya filem yang tidak dibenarkan ditayangkan dan tidak membenarkan kanak-kanak bawah 18 tahun masuk ke panggung dibenarkan ditayangkan di televisyen. Jadi kita hadkan supaya tidak boleh membawa anak-anak kita melihat dan menonton di panggung wayang, tetapi dalam masa yang sama, di dalam televisyen swasta terutamanya menayangkan filem-filem yang dianggap ganas di panggung-panggung wayang tersebut.

Jadi bagaimanakah pemantauan dibuat terhadap perkara-perkara ini. Apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada syarikat-syarikat swasta kerana terdapat masalah yang kekeliruan di sini. Tidak boleh dipanggung dan boleh di dalam televisyen sedangkan di televisyen kita tidak boleh menghalang anak-anak kita untuk menonton berbanding dengan di panggung-panggung wayang.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maran bangun, bagi jalan Yang Berhormat.

■ 1220

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Sikit sahaja. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan tentang filem ini tadi pun saya sebut masa Larut bercakap tadi. Saya kira Yang Berhormat Bera, kita ada Lembaga Penapis Filem tetapi kita lihat kadang-kadang ada juga filem-filem yang keluar dalam TV ini filem-filem yang boleh merosakkan masyarakat dan anak-anak muda. Saya tidak tahu, takut kita perlu tapis balik yang Lembaga Penapis Filem ini. Saya takut Lembaga Penapis ini pun dia lebih kurang sama dengan filem-filem ini.

Bagaimana pandangan Yang Berhormat? Supaya kita pastikan orang yang menapis filem ini, orang yang betul-betul ada moral dia, bukan saya nak pertikaikan lembaga penapis sekarang, tidak! Tetapi pastikan supaya mereka ini turun ke bawah, dari segi mentaliti, dari segi pemikirannya, supaya masalah-masalah filem yang timbul ini tidak akan menular kepada masyarakat kita termasuk anak-anak muda. Minta pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Saya tidak berani nak jawab dari segi penapis tadi dan saya boleh baca pemikiran Timbalan Menteri sahabat saya ni, mesti dia kata Lembaga Penapis Filem bukan bawah dia. Namun ada Suruhanjaya Komunikasi walaupun pihak Timbalan Menteri kata Lembaga Penapisan Filem bukan bawah dia. Dia sahabat saya, saya boleh baca pemikiran dia tetapi ada Suruhanjaya Komunikasi. Kita nak tahu apa yang dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi di dalam soal ini.

Ini bukan soal filem yang di tayang ditapis. Bagaimana filem yang dibenarkan di panggung untuk ditayangkan kepada mereka di bawah 18 tahun boleh lepas masuk di tayangkan di TV. Adakah tidak ada satu kerjasama ataupun satu perbincangan di antara pihak Suruhanjaya Komunikasi dengan pihak pelarasan filem, dari segi panggung wayang, media-media elektronik dan sebagainya supaya ada persamaan dari segi dasar. Jika kita lihat dasarnya berbeza sedangkan yang lebih merbahaya yang terdedah kepada kanak-kanak terutamanya di bawah 18 tahun adalah di rumah iaitu di televisyen bukan di panggung wayang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sabak Bernam.

12.22 tgh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bera. Kita sebenarnya membicarakan isu yang sangat kritikal dewasa ini. Kita telah memberikan pandangan dan teguran kepada pihak kerajaan banyak kali sama ada melalui kementerian ini ataupun kementerian-kementerian lain seperti KeKKWa, Kementerian Penerangan dan sebagainya. Tetapi nampaknya Yang Berhormat Bera ini sudah mempunyai sesuatu jawapan bahawa pihak kementerian ini sebenarnya secara khususnya tidak ada yang

mempunyai kuasa penuh untuk mengambil tindakan terhadap isu filem-filem ini yang sebenarnya di luar budaya masyarakat Malaysia yang akan mempengaruhi minda anak-anak kita.

Kita harus sedar bahawa musim ini musim cuti sekolah yang sangat panjang, biasanya anak-anak kita akan berkiblatkan kepada televisyen, begitu juga dengan filem-filem yang lain.

Hanya saya lihat, masalahnya ialah termasuklah di kalangan jawatankuasa ataupun di Suruhanjaya Komunikasi ini. Nampaknya ada satu kekaburan sebenarnya, istilah yang boleh melampaui batas norma biasa dengan yang sebaliknya.

Oleh kerana itu saya nak tanya Yang Berhormatlah sehingga kini ada kita dengar ataupun tidak suatu tindakan terhadap umpamanya satu tayangan filem yang melebihi daripada norma biasa itu. Jika tidak apakah cadangan daripada Yang Berhormat sendiri supaya perasaan tidak boleh berbuat apa-apa itu sebenarnya *helpless* itu supaya dapat benar-benar kita ambil tindakan kerana ini akan mempengaruhi minda anak-anak kita masa kini dan akan datang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Bera, minta gulung.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Sabak Bernam. Saya pun bersetuju dengan Sabak Bernam tadi saya tidak mahu komen. Saya nak tanya kepada pihak kementerian, sehingga kini berapa jumlah filem-filem yang di tayangkan yang di dapati melanggar norma-norma yang sepatutnya. Setakat ini apakah peranan Jabatan Suruhanjaya Komunikasi di dalam isu ini? Apakah sebenarnya yang dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi?

Saya agak terkejut juga apabila ada pihak yang mengatakan bahawa ASTRO misalnya terlepas daripada segala kawalan kerana perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani oleh kerajaan dulu apabila membenarkan ASTRO di wujudkan dan sebagainya. Apakah benar? Jikalau benar saya ingin mendapatkan penjelasan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi saya ada satu dua lagi isu yang saya ringkas kalau saya tidak benarkan sahabat saya, susah saya, kalau saya benarkan minta saya sambung sikit sahaja saya secara ringkas. Boleh saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya habiskan Yang Berhormat. Yang Berhormat Puchong, ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Bera. Selalu kita bincang mengenai kualiti filem yang disiarkan oleh TV-TV tertentu dan juga ciri-ciri keganasan, seksual dan sebagainya. Ini satu perkara yang kita tidak bincang dengan secara mendalamnya tetapi sangat mudah ialah waktu siaran dia. Bolehkah Yang Berhormat cadangkan kepada kementerian supaya kalau sesuatu filem itu di anggap satu filem yang 'panas' atau sebagainya kita boleh ubahkan waktu bersiaran dia.

Jika kita hari ini di negara-negara maju filem-filem yang mempunyai ciri-ciri keganasan ataupun mempunyai tahap-tahap seksual tertentu, mereka disiarkan di waktu selepas pukul 12

tengah malam, supaya penonton-penonton mereka ini ialah daripada yang dewasa dan juga yang ada pemikiran yang lebih matang lagi. Apa cadangan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Jika siarkan filem yang bagus, ganas dan seks lepas pukul 12 malam kita takut ramai anak-anak kita akan berjaga lebih daripada pukul 12 malam nak tunggu filem tadi. Saya rasa tidak menyelesaikan banyak masalah. Sebab itulah kita hendak mendapatkan satu gambaran yang jelas daripada pihak kementerian mengenai dasar filem ini. Seterusnya ialah dari segi internet. Kita berbangga negara kita menjadi semakin moden dan internet *penetration* menjadi semakin meluas di negara kita dan di kalangan rakyat kita.

Kita bercakap soal filem, kita ada Lembaga Penapis, kita boleh menapis kita boleh menahan mereka, ada jawatankuasanya. Tetapi bagaimana dengan internet-internet yang langsung tidak ditapis. Dulu kita menyekat anak kita di luar rumah kerana gejala jahat berada di luar rumah tetapi pada hari ini gejala buruk dan gejala jahat berada di dalam rumah kita, berada dalam kamar tidur atau bilik tidur anak-anak kita. Ini kerana jika anak kita mempunyai komputer/internet di dalam bilik mereka, budaya tersebut berada di dalam bilik tidur anak kita tanpa mampu dikawal oleh kita.

Jadi saya nak tahu apakah yang dapat dilakukan oleh pihak kementerian. Di internet mereka boleh *download* dengan izin apa sahaja filem yang ada bertapis atau tidak ditapis, ganas, lucu atau sebagainya. Malah *blue film* dan sebagainya boleh *di download* di dalam internet dan sebagainya. Jadi sekarang kita bercakap soal filem, tadi saya beri gambaran tentang filem sahaja yang kita tidak nampak polisi yang jelas sekarang lebih merbahaya lagi adalah internet yang mana tidak ada penapisan langsung di dalam internet ini.

Jadi saya nak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah yang dapat dilakukan oleh pihak kementerian untuk menyekat gejala-gejala ataupun kebebasan kemasukan internet di dalam masyarakat kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Akhir sekali ialah yang saya hendak sebut dari segi masalah lama yang belum selesai ini di bawah TNB. Dua soalan saya, soalan pertama ialah, ini masalah lama yang diperkatakan di bawah Kementerian Luar Bandar dan sebagainya, masalah lampu jalan. Tidak pernah selesai, yang rosak, yang tidak diganti oleh TNB. Kita menjalankan Kempen 'Menerangkan Kampung', lampu rosak enam bulan tidak diganti. Kementerian Kemajuan Luar Bandar kata wang sudah dikeluarkan, dah dibayar, TNB kata tidak ada *spare part*, bahan ganti untuk ganti mentol dan sebagainya. Jadi saya harap perkara ini dapat dilihat dengan teliti.

Soalan terakhir saya ialah TNB sekarang adalah syarikat bukan lagi Lembaga Letrik Negara (LLN). Di setiap kawasan perumahan, pemaju mesti memperuntukkan satu kawasan

untuk pencawang atau sub stesen TNB, kawasan itu hendaklah diberi secara percuma. *Why?* Soalannya kenapa? Kerana TNB mengambil keuntungan daripada apa yang dibuat sama ada apabila mereka menyalurkan elektrik dan sebagainya mereka mendapat hasil bayaran dan sebagainya tetapi pemaju terpaksa memberikan mereka secara percuma. Jikalau LLN mungkin itu di anggap sebagai untuk *public interest* tetapi TNB sekarang bukan lagi LLN tetapi TNB adalah Tenaga Nasional Berhad iaitu sebuah syarikat. Jadi kenapa masih diberikan percuma? Jadi, terima kasih kepada pihak Tuan Pengerusi. Saya menyokong.

■1230

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Datuk Pengerusi kerana saya membolehkan saya berbahas di bawah Kementerian Tenaga dan Air. Saya terus kepada... saya ada empat butiran di sini. Butiran pertama saya hendak bangkitkan ialah mengenai 70001 - Tabung Pemberian Perkhidmatan Sejagat yang telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta dalam anggaran Bajet 2008 ini. Saya hendak tahu mengapa kementerian memberikan tabung ini... / *mean* sebanyak RM20 juta?

Bukankah ini tabung ini telah dibina ataupun di sumbang oleh daripada syarikat telekomunikasi yang tertentu supaya satu perkhidmatan *connectivity* dengan izin, yang lebih sempurna di antara *cell phones operator* dan mengapa kementerian masih berikan RM20 juta ini? Apakah penggunaan dia kalau dia RM20 juta ini kerana Datuk Pengerusi saya masih ingat memberikan teguran bahawa walaupun sampai hari ini kita yang beroperasi di sini tetapi di tempat-tempat tertentu khasnya di tempat di Lembah Kelang ini ataupun di Putrajaya pun masih tempat-tempat tertentu yang dianggap sebagai *blank spot* yang belum ada *reception* atau kadang-kadang kita sedang bercakap dalam telefon dan terputus.

Sebagai contoh kalau kita guna itu Bukit Lancang tol daripada Damansara. Sebelum tol dari Damansara itu iaitu di atas bukit itu orang tidak dapatlah *reception* dia ataupun kita cakap pun terputus juga. Ini juga termasuk juga kawasan saya di kawasan Puchong, banyak kawasan masih mempunyai *blank spot* ini di mana saya berharaplah kementerian kalau menerusi ataupun pemberian sejagat ini mempertingkatkan lagi pembinaan menara ataupun *equipment-equipment* tertentu ataupun teknologi tertentu supaya kita dapat mempertingkatkan lagi isu *connectivity* dan juga yang paling penting sekali ialah kualiti, *reception* dan juga kualiti-kualiti dan mesti dipertingkatkan.

Saya hendak tahu apakah RM 20j uta ini untuk buat apa? Apakah rancangan di bawah tabung ini untuk mempertingkatkan lagi *connectivity* ini di semua bukan sahaja di Lembah Kelang, di seluruh negara supaya rakyat kita dapat menikmati kualiti *reception* yang memang baik untuk pengguna-pengguna *cell phone*, telefon bimbit ini.

Perkara yang kedua saya bangkitkan dan sini ialah mengenai butiran 70015 - Promosi Penggunaan Infrastruktur Jalur Lebar ataupun *broadband*. Saya pun terkejut kerana kalau di bawah kementerian ini kita hanya memperuntukkan sebanyak RM400 ribu sahaja untuk promosi

ini. Bukan itu terlalu kurang kerana kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain seperti contoh di Korea, aplikasi Internet yang menggunakan jalur lebar ataupun *broadband* ini sangat-sangat kurang. Kenapa kementerian tidak memberikan lebih banyak peruntukkan ini kepada promosi supaya bukan sahaja sekolah-sekolah tertentu, tetapi di kalangan sektor-sektor awam dan juga sektor-sektor swasta di mana kita mesti memberikan kerana kalau tidak buat promosi yang betul berkesan ini bermakna kadar penetrasi penggunaan jalur lebar ini masih berkurangan.

Saya faham jika dibandingkan di negara maju seperti Korea, US, ataupun UK ini, mereka ini maju kerana mereka yang saya panggil dalam Dewan mulia ini ialah mereka mempunyai 3C iaitu mempunyai *content*, mereka mempunyai komunikasi dan paling penting sekali mereka mempunyai komputer. Kalau kita ada komputer kalau kita tidak memberikan promosi kepada *content* dan juga komunikasi, komunikasi saya ingat termasuklah alat-alat *hardware* dan *software* dia dan ini adalah sangat penting. Kalau kita tidak ada 3C kita biar dipromosikan secara selari pun kadang-kadang kita ini menghadapi masalah yang apa yang kita hadapi sekarang ini kerana penetrasi masih kurang.

So, saya hendak tahu mengapa kementerian hanya memperuntukkan *I mean* lebih kurang RM400 ribu sahaja untuk promosi kerana kita boleh mempertingkatkan lagi bajet atau perbelanjaan dia.

Perkara yang ketiga yang saya ingin bangkitkan di sini Tuan Pengerusi ialah mengenai Rancangan Bekalan Air Negeri Selangor iaitu butiran 09100. Di sini saya hendak tahu apakah, mengapa kementerian masih memperuntukkan lebih kurang RM27.5 juta kepada negeri Selangor dan hari ini tugas saya di sini saya ingin mengucapkan syabaslah dan tahniah kepada SYABAS di Selangor kerana bagi saya SYABAS *I think* telah membuat satu kerja yang baik baru-baru ini khususnya di kawasan saya kerana mereka ini telah sentiasa serius mengenai di mana penukaran daripada *bulk* meter kepada individu meter ini. Saya ucap terima kasih kepada SYABAS kerana kerjasama dan juga komitmen mereka untuk membantu rakyat atau penduduk yang khususnya yang duduk di kawasan pangsapuri atau kondominium ini. Cuma satu perkara yang saya ingin SYABAS kalau boleh ubahkan sikit syarat dia kerana dalam pengubahan daripada *bulk* meter kepada individu meter ini kerana kadar yang rendah ini tetapi satu syarat ialah mereka ingin mendapatkan persetujuan 100% daripada *owner* ataupun pemilik-pemilik pangsapuri ini. Memang saya tahu nanti ada syarat-syarat pengecualian tetapi bagi saya kalau bolehlah majoriti daripada pemilik ini setuju untuk tukarkan *bulk* meter ini kepada individu meter ini biarlah mereka buat ini.

Saya juga setuju bahawa syarat yang lain seperti mereka mesti *clear*kan, penjagaan dan seterusnya ini memang saya setuju tetapi kadar persetujuan daripada pemilik-pemilik ini kalau boleh kita bolehlah kurangkan iaitu dengan mungkin satu majoriti janganlah kita *accept* kan 100 kerana daripada *feed back* atau pun maklum balas daripada bangunan-bangunan atau pangsapuri ini berjumlah kurang 80 bangunan di kawasan saya mereka dapati bahawa ini ialah

satu syarat yang sangat-sangat susah untuk di penuhi ataupun syarat-syarat dilaksanakan kerana tidak senang persatuan penduduk mereka mendapatkan 100% daripada pemilik untuk *agree* ataupun bersetuju untuk tukarkan daripada *bulk* meter kepada meter individu. Saya berharaplah kalau boleh SYABAS boleh memberikan sedikit kelonggaran daripada segi penukaran ini.

Perkara yang terakhir sekali saya hendak bangunkan ialah mengenai 80000 - Projek Pembetulan Negara di mana dalam anggaran ini *I think* kementerian telah memperuntukkan lebih kurang RM795 juta iaitu lebih kurang yang saya ingat ini satu jumlah yang besar. Saya hendak tanya apakah perancangan kementerian untuk memperbaiki ataupun mempertingkatkan *maintenance* untuk kolam-kolam kumbahan yang telah lama? Saya difahamkan di bawah kementerian ini dia ada lebih kurang atau melebihi 600 buah kolam-kolam kumbahan yang menggunakan teknologi yang lama yang selalu memberikan masalah kepada penduduk-penduduk persekitaran itu. Apakah rancangan kita untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan *maintenance* kepada kolam-kolam ini kerana kalau kita tidak membuat sesuatu saya kluatir satu hari nanti ia akan memberikan lebih banyak lagi masalah yang lebih serius lagi akan berlaku.

■1240

Pada masa yang sama juga kerana banyak pembangunan di kawasan-kawasan tertentu di kawasan yang baru melibatkan satu *maintenance* yang serius juga. Saya hendak tanya apakah rancangan kementerian mengenai kolam-kolam kumbahan di sini?

Perkara yang terakhir ialah adakah kementerian telah membuat satu kajian mengapa setakat ini orang ramai masih tidak memberikan kerjasama dan juga membuat bayaran-bayaran bulanan kepada IWK walaupun saya difahamkan bahawa telah banyak tindakan-tindakan yang drastik dilaksanakan.

Sebagai contoh ialah menghantar surat-surat peguam kepada mereka ini untuk menuntut bayaran *due* kepada IWK. Selain daripada itu, bagaimana IWK akan membuat sesuatu supaya penduduk kita, rakyat kita secara sistematik dan juga secara rela hati membuat membayar kepada IWK ini? Saya ingat bayaran sebanyak RM6 ataupun RM8 satu keluarga. So, apakah perancangan daripada kementerian supaya jangan lagi IWK ini dianggap sebagai satu syarikat atau syarikat bahagian daripada kementerian ini, yang sentiasa memberikan satu persepsi yang negatif kepada rakyat kita? Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Timor.

12.42 tgh.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Pengerusi, saya sebut Butiran 010000 - Khidmat Bantuan dan Butiran 030000 - Bekalan Air. Yang Berhormat Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi haruslah mengeluarkan satu arahan yang serta-merta untuk mengenakan satu moratorium mengenai potongan pembekalan air, khususnya kepada mereka yang miskin dalam

kawasan Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya oleh SYABAS, syarikat yang dapat *concession* itu. Bulan lalu CAWP atau *Coalition Against Water Privatization* dan MUTC telah melahirkan rasa terperanjat mereka mengenai tahap yang begitu tinggi mengenai insiden potongan pembekalan air di Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya semenjak penswastaan diadakan dua tahun yang lalu, dan mereka adalah konsisten dalam pendirian mereka, dengan izin bahawa *organizing water for profits would lead to high level of disconnection, a notion that by leads people rights and access to clean water and poor and vulnerable communities might be a risk.*

CAWP dan MTUC adalah dilihat bahawa mereka benar dalam perkara ini, khasnya dalam perkara SYABAS. Sudah sampai masanya, satu arahan patut dikeluarkan kepada SYABAS supaya satu pendekatan yang lebih *human* untuk mengutip bil-bil air dan di mana mereka menghormati hak-hak khasnya si miskin untuk mendapatkan bekalan air yang bersih.

Pada bulan April 2007, Yang Berhormat Menteri ada mengumumkan di Parlimen bahawa sejumlah 360,200 *disconnection* berlaku dalam Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya yang melibatkan 257,436 *home disconnection*, 106,100 *industrial consumers* dan 664 yang lain-lain, *miscellaneous*. *Revenue* daripada *reconnection* ialah RM50 per *reconnection* adalah sebanyak RM18.2 juta dalam tempoh dua tahun yang lalu. Di antara Januari 2007 hingga September tahun ini, sebanyak 136,000 *disconnection* dan purata ialah 506 *disconnection* setiap hari dalam dua tahun ini dan *revenue* daripada *disconnection* dalam sembilan bulan pertama tahun 2007 ialah sebanyak RM6.83 juta.

Semenjak penswastaan terdapat 5,800 *disconnection* dengan *revenue* untuk SYABAS ialah sebanyak RM25.04 juta di mana 50% daripada *disconnection* ini adalah akhirnya *direconnected*. Bilangan yang begitu tinggi dalam *disconnection* ini menunjukkan bahawa SYABAS nampaknya lebih berminat untuk mengaut keuntungan daripada untuk *instilkan* satu tata tertib kewangan antara pengguna-pengguna air dalam kawasan *concession* ini. Oleh kerana *revenue* ini sangat tinggi dan SYABAS tidak patutlah ada sikap semacam itu. Nampaknya syabas sangat *busy* untuk potong pembekalan air.

Dalam bulan Ramadhan yang lalu, pihak SYABAS ada menganjurkan *event* berbuka puasa, memberi *charity* kepada mereka yang miskin, tetapi *tangan* yang lain untuk potong bekalan air mereka yang miskin. Ini ialah sangat *hypocritical* dan *water disconnection*, khasnya semasa hari raya dan juga festival-festival agama. Dalam masyarakat majmuk Malaysia kita, ini adalah satu isu yang sangat sensitif dan tidak patut dilakukan. Haraplah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, bolehlah mengeluarkan satu arahan dan juga membuat satu siasatan, kenapa ini begitu berleluasa dan kenapa perlu diadakan *reconnection fee* sebanyak RM50?

Tuan Pengerusi, mengenai komunikasi. Penipuan melalui kandungan SMS. Saya merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri bertarikh 5 September 2007 di mana, menteri berkenaan menyebut hanya terdapat 23 kes daripada 176 aduan orang awam yang telah melanggar Garis Panduan Industri Pembekalan Kandungan SMS, dan hanya sembilan syarikat

pembekal kandungan SMS tersebut yang dikenakan penalti secara pembayaran kompaun. Dalam pada itu, Yang Berhormat Menteri berkenaan juga berkata, semua syarikat telekom selular telah diarah melaksanakan satu *preventive system* untuk membanteras kejadian penipuan yang seumpamanya dan tarikh penamatnya ialah pada 30 September.

New Sunday Times - 4 November, telah melaporkan bahawa sebanyak 712,676 pengguna telefon bimbit telah menjadi mangsa penipuan SMS sejak Januari 2006 dan melibatkan duit rakyat sebanyak RM327,411. Kami mendapat maklumat daripada sumber industri bahawa, sebilangan daripada syarikat pembekal kandungan SMS yang dikenakan kompaun masih belum menjelaskan kompaun mereka setelah melebihi tiga bulan. Malahan kita juga diberitahu oleh sumber industri bahawa, salah sebuah syarikat pembekal kandungan SMS yang telah berkali-kali melanggar Garis Panduan Industri ialah Macro Kiosk Berhad yang dilantik oleh dua syarikat telekomunikasi selular menerusi sebuah anak syarikat yang bernama Top Pro Network Sdn. Bhd. sebagai pembekal dan mengendali *preventive system* yang menteri berkenaan telah janjikan.

Bukankah ini satu kompromi dan satu konspirasi yang bertentangan dengan hasrat *good corporate governance*? Kenapa sebuah syarikat pihak ketiga yang telah berkali-kali melanggar tata tertib industri, yang diberi kepercayaan untuk mengendali *preventive system*, yang melibatkan seluruh industri pembekal kandungan SMS, kenapa pula pihak SCMC tidak mengambil tindakan lebih ketat untuk membanteras syarikat-syarikat yang dikenakan kompaun dan berdegil tidak menjelaskan kompaun tersebut buat selama ini?

Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan betul-betul melihat kepada pegangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya sentiasa telus? Adakah menteri berkenaan berani mengharamkan sama sekali industri pembekalan kandungan SMS ini sama sekali jika:

- (i) *preventive system* tersebut terus diberi kepada syarikat yang melanggar tata tertib kementerian tersebut; dan
- (ii) pihak SCMS tidak berupaya mengutip kompaun sendiri.

Apa maksudnya perlindungan pengguna jika penipuan sebegini terus bermaharajalela dan perosak-perosaknya dimanjakan begitu sahaja.

Mengenai WiMAX, 3G dan jalur lebar. Pada 16 Mac 2007 dengan persetujuan Yang Berhormat Menteri, SKMM telah memberikan spektrum 2.3 giga hertz kepada empat syarikat pilihan untuk dimulakan perkhidmatan WiMAX iaitu Bizsurf (M) Sdn. Bhd., MIB Comm Sdn. Bhd., Redtone-CN X Broadband Sdn. Bhd., Asiaspace Dotcom Sdn. Bhd. Kini lapan bulan sudah berlalu tetapi keempat-empat syarikat tersebut masih belum memulakan perkhidmatan WiMAX yang dijanjikan. Habuk pun tidak ada.

■1250

Bukan itu sahaja, sebelum ini di bulan Mac 2006, dua lesen tambahan bagi perkhidmatan 3G telah diberikan kepada MiTV dan Time Dot Com sebuah GLC, tetapi sehingga sekarang

kedua-dua syarikat masih lagi belum mula membekalkan perkhidmatan 3G yang dijanjikan. Bukankah terdapat syarat-syarat tertentu mengingatkan syarikat tersebut kepada jadual pelancarannya. Apa gunanya menteri tersebut melafazkan mengenai perkembangan jalur lebar tetapi kesemuanya tidak menjadi kenyataan ataupun kesemua ini hanya konspirasi kementerian tersebut untuk melanjutkan *rent-seeking* dalam alam komunikasi dan teknologi. Di mana *spectrum microwave* juga digunakan sebagai simpanan tanah rizab bagi kunci-kunci Kerajaan Barisan Nasional.

Akhirnya Tuan Pengerusi mengenai komunikasi dan ada disebut oleh beberapa Ahli-ahli Parlimen ialah mengenai *telecast* khasnya apa yang berlaku semalam. Kenapa satu dunia boleh tengok apa yang berlaku dan rakyat Malaysia tidak boleh? Rakyat Malaysia perlu bergantung kepada Al-Jazeera, CNN, BBC untuk dimaklumkan apabila yang berlaku di tanah air kita khasnya di ibu kota mengenai Hindraf *Rally* itu. Kita di era ICT. Apa ertinya ICT? ICT ialah satu *information age* tetapi nampaknya ICT yang dilaksanakan, dimaksudkan oleh kementerian berkenaan dan kerajaan berkenaan ialah *miss information age*. *Miss information age* dan *disinformation age* khasnya rakyat tidak tahu apa yang berlaku di negara kita. Bukankah ini satu yang sangat memalukan dan kita tidak rela untuk mengakui bahawa pada masa organisasi kita mesti menerima, menangani isu-isu yang sampai sekarang kita tutup (*undercover*).

Kita tidak boleh teruskan sikap macam katak di bawah tempurung. Tak mahu mengakui semacam ada masalah. 30,000 orang yang berkumpul. Dua minggu selepas 40,000 orang berkumpul dua minggu dahulu, BERSIH supaya adalah satu sistem pilihan raya yang adil, yang bersih. Semalam adalah satu sistem di mana kaum India di Malaysia tidak terus dianaktirikan, tidak dipinggirkan. Ini suara-suara mereka apa yang perlu, patut kalau mereka dibenarkan untuk berkumpul dan menyampaikan memorandum semua akan dijalankan dengan teratur, tidak akan berlaku apa-apa huru-hara atau Utusan Malaysia, Berita Harian kata bahawa bertindak ganas. Siapa yang bertindak ganas? Empat hari *roadblock* di Kuala Lumpur. *Traffic grip log* oleh kerana *miss handling* oleh pihak polis. Kenapa ini perlu berlaku yang menyusahkan rakyat sahaja. Penduduk-penduduk Kuala Lumpur dan memberikan satu gambaran yang buruk kepada negara kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila habiskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya saya gulung. Saya harap bahawa inilah... Saya baru sahaja mendapat maklumat bahawa tiga orang yang diheret ke mahkamah oleh kerana *sedition* pagi ini DNA bahawa mereka adalah *discharge* sungguh pun *not a multi 'total equate'*. Kenapa ini digunakan? Polis menggunakan mahkamah-mahkamah untuk menyekat kebebasan rakyat bersuara. Saya harap inilah, kita mahu menjadi *first world*, mahu menjadi *first world*, kita perlu *first world mentality*. Tengok London, Paris, Washington dan mana-mana. Mereka ada demonstrasi tetapi secara aman.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Menerima *anti Iraq war* dekat satu juta, kerajaan sangat mengalu-alukan, kita perlulah itu. *First world mentality* kalau kita mahu ICT kita memainkan peranan yang benar dengan membenarkan *peaceful demonstration* dan *marches*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krau.

12.54 tgh.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada butiran 050200 – Pasukan Projek Penyaluran Air Mentah Pahang Ke Selangor. Sebagai mana yang telah disebut oleh timbalan menteri dan rakan-rakan yang lain bahawa perjanjian penyaluran air mentah, Pahang ke negeri Selangor telah ditandatangani pada 22 November yang lalu. Saya ingin bertanya berapakah kos projek ini kerana projek ini merupakan projek Rancangan Malaysia Kelapan yang bernilai RM2.9 bilion tetapi saya percaya masuk dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kos ini akan bertambah berlipat ganda lagi.

Soalan saya juga, bilakah projek pembinaan ini akan dimulakan dan di laluan atau jajaran manakah pembinaan-pembinaan tersebut akan dilakukan? Saya juga ingin mendapat tahu berapakah harga dan jumlah sebenarnya akan dibayar kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri Selangor kepada Kerajaan Negeri Pahang? Bilakah Pahang dapat menikmati pembayaran tersebut selain daripada Selangor akan menikmati kemudahan bekalan air di Negeri Selangor. Adakah di negeri Selangor sahaja apakah Kuala Lumpur tidak terlibat kepada bekalan air bagi penyaluran air mentah Pahang ke Selangor ini.

Yang seterusnya, perkara kedua 050300 - JBA dan 08100 – Rancangan Bekalan Air Negeri Pahang. Sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Bera dan Yang Berhormat Maran, kita juga negeri Pahang juga selalu berlaku kejadian paip pecah dan juga kehilangan air di tengah jalan. Saya ingin tahu berapakah kerugian yang telah ditanggung oleh kementerian ini akibat daripada kejadian paip-paip pecah dan kehilangan air di tengah-tengah jalan ini bagi negeri Pahang dan di seluruh negara.

Satu perkara lagi tentang Loji Batu Sawal iaitu di dalam kawasan saya. Sebenarnya loji ini terletak di dalam kawasan kampung-kampung tradisional seperti di Gunung Senyum, di Kampung Batu Sawal dan juga kampung-kampung yang lain, tetapi malangnya bekalan air di kampung-kampung tradisional yang sekitar dengan itu tidak mendapat bekalan air sempurna tetapi disalurkan kepada bekalan-bekalan air khususnya di dalam daerah Maran sedangkan loji ini di dalam Batu Sawal daerah Temerloh. Walaupun loji itu berada di kampung tradisional tetapi mestilah di kampung tersebut dapat menikmati bekalan air secukupnya sebagaimana kampung-kampung yang lain.

Satu perkara tentang projek-projek pembesaran jalan sama ada dibuat oleh agensi-agensi yang lain JKR dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan supaya agensi-agensi yang

lain memaklumkan kepada JBA dan JBA mengambil tindakan proaktif apabila kerja-kerja pembesaran jalan, penggantian-penggantian paip air yang baru mestilah dengan pemantauan pihak JBA itu sendiri. Kerana ini berlaku di projek pembesaran jalan di laluan 98 Temerloh ke Jerantut di mana dua kampung melibatkan 1,000 orang telah tergendala bekalan air selama dua tahun iaitu di Kampung Paya Sok dan juga Kampung Gong Hok akibat daripada projek-projek pembesaran jalan dan juga tidak tepatnya pemasangan paip-paip air menyebabkan tekanan air menjadi rendah dan sebagainya. Cuma, alhamdulillah terima kasih JBA Negeri Pahang kerana baru dua bulan ini projek ini telah dapat dilaksanakan dan saya berharap perkara-perkara ini tidak akan berlaku lagi di masa-masa hadapan.

Perkara ketiga, yang akhir ialah 00100 - Projek Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui sebagaimana Yang Berhormat Bera juga telah beritahu bahawa projek jalan atau lampu jalan kampung ini masih lagi tergendala dan kita difahamkan oleh Ahli Tindakan Daerah sama ada di Temerloh atau di Maran bahawa projek-projek ini telah diserahkan kepada TNB dan tetapi bilakah projek penggantian lampu-lampu jalan ini dapat dilaksanakan dan kosnya melibatkan berjuta-juta ringgit bagi daerah Temerloh.

Yang seterusnya tentang kecekapan tenaga juga, saya juga melihat kepada banyaknya kabel-kabel elektrik telah berada di dalam semak samun, di dalam belukar dan tidak ada kerja-kerja pemangkasan atau cantasan pokok dan juga dahan-dahan kayu yang dibuat oleh pekerja-pekerja TNB. Baru-baru ini ada sistem untuk menyenaraikan semula nombor-nombor tiang TNB tetapi hanya dibuat di keliling tiang-tiang sahaja tetapi tidak dibuat di bawah pendawaian elektrik TNB. Ini juga berlaku di bawah kabel-kabel Telekom kerana sudah banyak kabel-kabel Telekom berada dalam semak samun dan kejadian-kejadian curi kabel-kabel Telekom semakin menjadi-jadi dan saya percaya berjuta-juta ringgit kerugian Telekom terhadap kejadian kecurian kabel-kabel telekom ini dan sekiranya dapat dicadangkan kepada kementerian ini supaya kerja-kerja pembersihan kabel daripada semak samun ini dapat diberikan kepada penduduk tempatan dan kontraktor kelas F. Selain itu juga mereka mendapat k-ekonomi dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sabak Bernam.

1.00 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam hendak mula dengan butiran 010000 dan 001000 dengan menunjukkan telefon orang biasa ini. Yang penggunaannya dalam seminggu RM10 sahaja tetapi sekarang di dalam telefon ini jumlah yang ada bakinya Tuan Pengerusi ialah RM172.21 dan *valid till* 28 September, maknanya dalam beberapa hari lagi dia akan tamat tempoh. Jadi apabila tamat tempoh maka tidak boleh digunakan. Saya rasa dalam Parlimen ini telah disebut tidak kurang daripada dua kali

supaya baki di dalam telefon ini, *prepaid* ini harus boleh digunakan sampai habis. Walaupun sampai RM0.10.

Tuan Pengerusi, yang teraniaya ini sebenarnya ialah orang biasalah. Ini telefon orang kampung ini. Sekarang ini bayangkan ada RM172.21, kalau bolehlah dituntut balik, saya ingat macam-macam perkara yang berfaedah ini boleh digunakan tetapi nanti menjelang 28 hari bulan untuk ia menggunakan dia terpaksa dengan izin, *top up* sekali lagi. Jadi oleh kerana itu saya sangat berharap pihak kementerian, kalau inilah di bawah SK ataupun Suruhanjaya Komunikasi sewajarnya tindakan segera diambil perhatian supaya manfaat kepada rakyat biasa ini dapat dimanifestasikan. Jadi nampaknya Suruhanjaya Komunikasi ini sendiri nampak tak berapa ada gigilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat hendak habiskan ke hendak sambung petang?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Saya tak boleh habiskan ada dua tiga lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sambung petang.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Kalau diizinkan saya hendak sambung di sebelah petang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik. Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis sekarang dalam Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi: Mesyuarat disambung dengan Kementerian Tenaga, Air dan Telekomunikasi dengan Sabak Bernam menyambung ucapan.

2.33 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Tuan Pengerusi, sebagai permulaan Sabak Bernam ingin mengalu-alukan perwakilan mahasiswa Sabah, Pejabat Hal Ehwal Pelajar, Universiti Teknologi Mara Skudai, Johor.

Tuan Pengerusi, Sabak Bernam memulakan tadi ucapannya dengan menyentuh mengenai Butiran 01000 mengenai *prepaid*; yang saya pegang ini yang saya kata pengguna ini menggunakan dalam satu minggu RM10 sahaja tetapi sekarang yang berada di dalam *prepaid* telefon dia diberi kepada saya RM172.21. Ini hanya *valid* sehingga 28 November nanti selepas 28 dia kena *top up* lagi untuk memastikan bahawa dia boleh menggunakan.

Oleh sebab itu, Sabak Bernam mencadangkan supaya oleh pihak kerajaan membenarkan *prepaid* ini digunakan sampai akhir, sampai habis dia punya baki di dalam telefon dia. Ini akan memberi suatu manfaat yang sangat besar kepada rakyat jelata dan kalau boleh ini akan menjadi satu hadiah tahun baru, Insya-Allah pada masa akan datang. Kalau dinilai saya ingin bertanya pihak kerajaan berapa banyak agaknya syarikat *prepaid* ini yang mendapat keuntungan sehingga mereka terpaksa umpamanya, mengekalkan baki itu sampai begitu banyak.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: [*Bangun*]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Kalau ini bagi orang kampung Tuan Pengerusi, RM172 ini sangat banyak. Jadi oleh sebab itu, saya harap pihak kerajaan yang telah ditegur di Parlimen ini tidak kurang daripada dua kali saya tengok hansard supaya mengambil tindakan segera. Sila Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Saya tadi tidak sempat hendak bertanya tentang berkaitan dengan syarikat telekomunikasi yang terlibat dalam *handphone*, SMS dan sebagainya. Saya hendak tanya Tuan Pengerusi, tentang SMS yang diedarkan oleh syarikat-syarikat berkenaan, umpamanya yang menyentuh tentang SMS lucah, sebab yang memegang telefon seperti ini termasuk remaja kita kanak-kanak.

Umpama saya sebut di sini, '*Free Massage, what you need to know about sex. Type on and then space sex to 32100, free register*' dan satu lagi *free massage, 'Do you want porn pictures, please send to'*. Jadi kalau ini berlaku kepada kanak-kanak kita di mana kawalannya? Kalau katakan syarikat itu tidak bertanggungjawab menggunakan nama syarikat berkenaan, apakah tindakan syarikat berkenaan, kerana ini akan boleh merosakkan, menjuruskan kepada remaja kita.

Ini perkara lumrah ertinya boleh dapat di mana-mana tetapi kalau mesej seperti ini semata-mata untuk mengaut keuntungan akhirnya yang rugi adalah anak bangsa kita, anak masyarakat kita, generasi yang akan datang yang memerlukan bimbingan apa yang kita lakukan. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang mesej-mesej seperti ini, apa tindakan yang diambil

oleh syarikat terbabit. Kalau kata syarikat itu tidak melakukannya Tuan Pengerusi tetapi takkan hendak biarkan dia merosakkan nama syarikat ini.

Tuan Pengerusi: Baik, cukuplah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Yang Berhormat bagi Larut telah membangkitkan isu yang sangat penting dalam konteks inilah kita membudayakan media, anak kita generasi muda. Oleh sebab itu saya serahkan kepada pihak kerajaanlah. Pihak Timbalan Menteri ada di sini memberikan perhatian yang khusus, harus memberikan jawapan.

Hanya pagi tadi pun Sabak Bernam sempat menyebut wujudnya Suruhanjaya Komunikasi ini yang nampaknya tidak ada gigi. Kalau ada gigi pun mungkin gigi palsu dia tanggal sekejap, selepas itu bila sesuai dia gunakan balik. Oleh sebab itu apa yang disebut oleh Larut itu seharusnya diambil tindakan segera oleh pihak kementerian begitu juga dengan saranan daripada Sabak Bernam. Perkara yang keduanya...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat mungkin Yang Berhormat setuju sedikit Yang Berhormat. Bagaimana bersetuju, kita mesti ada satu badan untuk memantau kita tidak boleh biarkan sahaja; memantau, ambil tindakan. Masalah kita ini selalu bila terhantuk baru tengadah selepas itu kita senyap. Kemudian berlaku balik baru bertindak lagi, akhirnya tidak ke mana-mana. Kita hendak supaya kita tegas dalam hal ini. Walaupun kebebasan diberikan oleh kerajaan, bagus kerajaan kita bagi kebebasan, *freedom* tetapi bukan kita hendak salahkan kebebasan yang ada. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih, kita serah kepada kementerian, 'jangan nasi menjadi bubur'. Jadi seterusnya Sabak Bernam ingin menyentuh perkara yang kedua, Sabak Bernam ada menyebut tiga sahaja, Butiran 00100. Jadi kita difahamkan bahawa kecurian kabel telefon ini menjadi-jadi khususnya di negeri Selangor. Jadi yang menjadi masalah selain daripada kabel itu dicuri di mana lokasi kejadian itu berlaku, orang di kawasan tempatan orang kampung mendapat nama buruk dan kita dengar. Jadi ini saya minta kementerian jawablah.

Sebenarnya ini diuruskan oleh orang dalam, sebab apa gunanya bagi orang kampung kabel telefon ini tetapi kita difahamkan yang penting di dalam kabel itu ialah *copper* dengan izin ataupun suasanya. Pihak kerajaan seharusnya, pihak kementerian harus melihat, yang membelinya saya ingat kita boleh cari agaknya ini. Jadi oleh sebab itu saya ingin bertanya dalam konteks penguatkuasaan siapakah yang telah didakwa dan kalau ada yang didakwa seharusnya dibuat hebahan supaya kecurian seperti ini yang saya difahamkan saya gunakan istilah lagi sekali, berleluasa. Mungkin nilainya berapa banyak kalau boleh diberitahu kepada pihak kerajaan.

Akhir sekali Sabak Bernam ingin menyentuh khusus mengenai PID yang ada di Sabak Bernam iaitu Pusat Internet Desa. Suatu masa Pusat Internet Desa ini Tuan Pengerusi, di Sabak

Bernam disebut di antara yang terbaik dalam negara tetapi sekarang ini nampaknya dari segi rankingnya sudah jatuh jauh ke bawah. Jadi oleh sebab itu bagi tahun lepas sahaja yang mendapat ilmu celik IT dari kawasan itu ada 250 orang sahaja. Kita difahamkan bahawa komputer yang ada di situ ada enam, sekarang sudah rosak dua dan laporan tentang perkara ini pun telah diberi. Saya harap pihak kementerian dapat mengambil tindakan segera dan supaya PID ini diberikan perhatian yang khusus oleh rakyat.

Dato' Hasan bin Malek [Kuala Pilah]: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Kita berharap supaya orang yang hadir itu tidak perlu dikenakan bayaran. Sekarang ini dikenakan bayaran RM25 untuk buku panduan. Jadi kalau boleh pihak kementerian, RM25 ini diberi percuma dan kita yakin bahawa pihak rakyat khususnya yang ada di sekitar Sabak Bernam akan lebih ramai datang ke tempat ini untuk menghadiri kursus-kursus yang diadakan. Silakan, Kuala Pilah.

■1440

Dato' Haji Hassan bin Malek [Kuala Pilah]: Tuan Pengerusi, sahabat saya dari Sabak Bernam. Saya tertarik hati berkenaan dengan suara dari Sabak Bernam berkenaan dengan kecurian kabel-kabel bukan sahaja Telekom tapi TNB, kecurian ini bukan sahaja berleluasa di Sabak Bernam tetapi juga di tempat saya di Kuala Pilah ataupun umumnya di Negeri Sembilan. Kecurian ini kerap kali berlaku, sungguh pun ada tangkapan dibuat tetapi perkara ini berulang alik bermakna ada satu sindiket besar yang membuat kerja-kerja mencuri kabel-kabel ini kerana harganya mahal. Oleh sebab itu, bersetuju tak Yang Berhormat Sabak Bernam supaya tindakan menangkap mereka yang bertanggungjawab dalam soal kecurian ini dapat diuar-uarkan kepada masyarakat ramai supaya orang tahu dan akan lebih berhati-hati kepada mereka-mereka yang tidak dikenali yang datang ke kampung-kampung *in the pretext of* jadi pelawat tetapi sebenarnya dia membuat kerja-kerja yang tidak baik. Jadi bersetuju tak dengan pandangan?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang Berhormat Kuala Pilah, Sabak Bernam sangat bersetuju apa sahaja tindakan pencegahan yang boleh dibuat, seharusnya pihak kementerian mengambil tindakan. Nampaknya Kuala Pilah ini macam seperti mengesahkan yang Sabak Bernam dengar di negeri Selangor macam ada pihak tertentu daripada dalam mengaturnya. Yang ini kita serah kepada pihak kementerian.

Yang paling akhir Tuan Pengerusi, Sabak Bernam sebenarnya menyokong. Sila sahabat saya daripada Pendang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat sekiranya terdapat Ahli Dewan Negeri di satu negeri yang pergi menjamin anak-anak nakal yang mencuri kabel Telekom ini. Apa tindakan yang sepatutnya kita lakukan kepada Ahli Dewan Negeri yang bersikap demikian iaitu membela anak-anak nakal yang mencuri kabel sehingga orang kampung pun boikot marah kepada wakil rakyat tersebut. Apa tindakan yang sepatutnya kita kena buat?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Pendang.

Tuan Pengerusi: Rantau Panjang.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Minta maaf Rantau Panjang ya, itu perkara yang khusus. Saya ingat kita menolong orang sebenarnya jangan kita lihat orang itu mencuri atau seseorang itu menjadi penagih dadah maka kita tidak menolongnya. Kita kena lihat *detail* perkara itu, jadi saya tidak layak menjawab perkara itu. Dan yang paling akhir, saya harap

...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, berapa kali akhir dah?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Ini yang paling akhir.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, cukuplah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Sebenarnya Sabak Bernam menyokong sekatan terhadap media ini pada tahap tertentu. Saya tidak dapat bayangkan Tuan Pengerusi, kalau sesuatu perkara yang tidak baik berlaku di kawasan Kuala Lumpur ini termasuklah yang disebut demonstrasi aman yang telah menjadi tidak aman yang ganas itu, disiarkan di televisyen, orang Sabak Bernam tengok umpamanya. Saya ingat ini boleh menyentuh satu gagasan yang tidak baik. Oleh sebab sekatan yang terhad ini harus diberikan malah Sabak Bernam sebenarnya melihat apabila ada *Hindraf*, *Hindu Rights Action Force* ini, mungkin ada yang menubuhkan *Jawa Action Force* ataupun *Banjar Action Force*, *Bajau Action Force* kalau semuanya atas justifikasi untuk mewujudkan satu demonstrasi aman, saya ingat negara kita menjadi tidak aman. Oleh sebab itu, Sabak Bernam menyokong langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan keamanan kita terjamin. Terima kasih dan Sabak Bernam menyokong.

2.43 ptg.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu perkara yang penting khususnya di kawasan terpencil. Baru-baru ini kita mendengar banyak rungutan, kompelin dan sebagainya oleh pihak masyarakat luar bandar. Saya menyentuh 010100 - Pentadbiran Am. Saya nak bertanya sahaja yang pertama, Timbalan Menteri ada sini, saya tidak nampak pun di bawah kementerian ini, siapa yang mengawal pos sekarang ini? Tidak ada pun, hanya sikit sahaja di muka 387 program *Universal Service Provision Industry Post*, itu sahaja yang dikeluarkan di sini. Jadi saya nak sentuh dua ini, bersama dengan ini supaya tidak terkeluar daripada butiran.

Yang pos ini Tuan Pengerusi, sekarang tidak lagi membuat *social contribution* dengan izin. Bukan saya mengatakan semuanya tidak baik, yang tidak baik itu memang banyak, yang baik itu ada. Kalau umpamanya saya menyarankan kepada semua orang, termasuk kawan-kawan saya dan termasuk Ahli Parlimen di sini, kalau nak hantar barang yang cepat dari satu negeri ke satu negeri, Kuala Lumpur ke mana-mana negeri, yang tercepat sekali di Malaysia

ialah Pos Laju. Tidak boleh lawan, Tuan Pengerusi sebutlah apa sahaja benda-benda lain itu, EPL kah, DHL kah, tidak boleh lawan Pos Laju, *it's the best express service* di Malaysia. Tetapi kalau hantar pos biasa Tuan Pengerusi, minta maaf daripada hujung jalan Saratok ke penggal jalan Saratok makan dua minggu. Ini yang saya hairan, jadi minta tolonglah timbangkan sedikit dia punya pelaksanaan. Jadi apakah tindakan yang boleh kementerian yang sepatutnya *oversee* pelaksanaan pos ini.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Santubong. Saya ingin minta penjelasan Santubong, Yang Berhormat telah menjadi wakil rakyat di Batang Lupar. Di Batang Lupar, sistem pos memang tidak ada sistem, ada orang yang membawa surat ini dari pejabat pos dan diletakkan di rumah panjang, kadang-kadang di kedai, berselerak sahaja. Jadi orang terus tidak ada keyakinan kerana tidak ada sistem langsung untuk mengedarkan surat rasmi, surat yang tidak rasmi juga. Jadi nampak sistem pos ini *it's a complete failure*, gagal langsung. Jadi apakah pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Santubong. Saya melihat pejabat pos kecil di pekan kecil di Sabah, perkhidmatan pos tidak *friendly* langsung. Bayangkan Yang Berhormat beli satu setem, kena berbaris dengan mereka yang berurusan dengan yang lain, urusan dengan bil lampu, bil elektrik, ASN, ASB dan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain dan *queue* nya panjang. Tidak ada servis yang boleh *categorize* kan, setem-setem, nak berurusan dengan ASN, ASB-ASN, ASB, ia tidak *service friendly*. Inilah kerana mereka lihat tentang keuntungan, tidak melihat tentang sama ada *friendly*, tidak *friendly*, susah tak orang nak beli sekeping setem RM0.30, bukan senang. Tidakkah melihat perkara ini menjadi masalah di kawasan Yang Berhormat?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Ini perkara yang dibangkitkan oleh Beluran ini yang saya hendak bangkitkan Tuan Pengerusi. Sebenarnya, satu *line* sahaja yang Yang Berhormat bagi Beluran dah sebut dengan jelas tadi, di sanalah beli setem, di sanalah bayar bil, semua sekali di satu *line* itu sahaja. Jadi kenapa pula kalau tidak di pos-pos yang besar diatarkan *line* yang tertentu. Kita menerima kalau di kampung kecil-kecil itu bolehlah satu *line* itu menyelesaikan masalah tetapi kalau di tempat-tempat yang besar nak beli satu setem, dua setem pun kita kena *queue* begitu panjang. Jadi ia tidak *friendly*, nampaknya dan hakikatnya pos hanya melihat sumber kewangan. Itulah sebab perkataan awal sekali saya sebut ialah tidak ada *social contribution* langsung. Jadi saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Beluran.

Yang kedua, Sri Aman bangkitkan soalan orang kampung ini. Tuan Pengerusi, minta maaf kalau nak jemput budak-budak daripada kampung nak pergi ke sekolah, pergi universiti, memang tidak boleh menggunakan pos, tidak sampai surat. Orang dapat tawaran pergi universiti, tidak terima tawaran, orang yang menerima temu duga, tidak menerima tawaran, lepas temu duga dah habis dua bulan, baru surat sampai. Jadi ada orang akan jawab pada saya Tuan

Pengerusi, saya minta maaf kalau Timbalan Menteri nak jawab kata kenapa tidak pakai internet. Ha ini saya nak sentuh ini, mana *electricity* nya, mana komputernya, mana duit orang kampung, rumah panjang boleh nak beli komputer dan sebagainya. Jadi kalau benda itu tidak ada, jangan dulu difikirkan bahawa benda yang boleh dilaksanakan di bandar, boleh juga dilaksanakan di luar bandar.

Itulah kenapa kita kena melihat pos ini sepatutnya lebih efisien lagi. Mekanisme kalau tidak ada kereta, tidak ada motosikal, jalan tidak ada, kena gunakan bot, bot laju pun boleh pakai di kampung-kampung. Ini satu lagi, Yang Berhormat Sri Aman sebut tadi, fasal surat yang ditabur di sana, saya tidak tahu ini. Di kawasan Batang Lupar dulu, 120 buah rumah panjang, bila dah sampai orang pos simpan dekat saya punya ini, dekat tangga, sudahlah berhadapan orang semua tengok, kalau angin tiup, semua tiup, habis semua keluar.

■ 1450

Jadi pada satu ketika, enam tahun yang lepas mungkin Timbalan Menteri sudah jadi Menteri saya tak tahu. Enam tahun lepas sebelum penggal ini, dicadangkan supaya tiap-tiap rumah panjang, tiap-tiap kampung mempunyai *pigeon box* dengan izin, tetapi malangnya Tuan Pengerusi, Ahli Parlimen dan ADUN yang diminta keluarkan duit untuk buat *pigeon box* orang kampung. Kenapa pula pos tak boleh buat. Yang saya hairankan ini kita pula yang jadi bebanan. Bahkan kerajaan tak bagi pun duit untuk kita buat *pigeon box*. Kalau kita minta dengan HDO, HDO kata tak boleh. Itu bukan duit untuk buat *pigeon hole* untuk pos. Jadi akhirnya kita tak boleh buat. Sampai sekarang pun tak laksana, jadi mintalah Timbalan Menteri beritahu dengan pos kalau hendak buat *pigeon hole* itu buatlah sendiri jangan suruh wakil rakyat buat. Jadi itu yang kedua.

Saya hendak tanya kawalan pos ini tadi. Minta tolong kementerian ambillah tindakan, lihatlah supaya semua pos ini boleh bergerak laju sebagai pos laju juga. Pos laju itu *is betul-betul par excellent* boleh atasi semua ekspres lain.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi: Cukup mengenai pos itu.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Pos cukup. Ini soal tabung pemberian perkhidmatan sejagat. Tuan Pengerusi, yang ini kalau boleh dilaksanakan cepat dan boleh dirundingkan dengan kerajaan-kerajaan negeri di seluruh Malaysia akhirnya *penetration* kita di luar bandar boleh dipertingkatkan dengan syarat pelaksanaan tabung pemberian perkhidmatan sejagat di bawah 70001 ini boleh dilaksanakan dengan cepat. Kalau tidak Tuan Pengerusi, digital *divide* yang kita sebut di antara orang bandar dengan orang luar bandar ini akan membesar jurangnya.

Tetapi jurang pembesaran, digital *divide* di antara orang bandar dengan orang luar bandar ini tidak menggerunkan saya tetapi apa yang menggerunkan saya ialah digital *divide* ini

akan membesarkan jurang di antara orang bumiputera dengan bukan bumiputera oleh kerana di luar bandarlah bumiputera padahal *contribution* ini adalah untuk kita mengurangkan jurang ini, menolong orang luar bandar, minta pihak telekom *company* ini jangan melihat kepada *dollar and cent* sahaja. Dia hendak untung banyak sahaja.

Jadi Tuan Pengerusi saya hendak sebut juga mengenai Yang Berhormat Sabak Bernam sebut soal *prepaid* ini. betul. *Prepaid* ini berlandaskan *timing*. Kalau orang beli sesuatu kad itu berharga RM100 tapi dia juga dihadkan mesti digunakan dalam masa satu bulan umpamanya. Kalau tak habis satu bulan itu *you* kena *top-up* walaupun RM10 baru pakai. Tinggal RM10 itu akan kepunyaan syarikat. Maknanya syarikat ini akan mendapat kewangan yang begitu besar. Fikirkan berapa jumlah. Jadi saya hendak tanya dengan Timbalan Menteri berapa jumlah *accumulated prepaid collection* tiap-tiap bulan dalam masa satu tahun dan inilah *accumulation* yang dibayar dahulu dan lepas itu dilabur oleh pihak syarikat mendapat untung begitu besar lepas itu *prepaid* ini pula tidak mendatangkan hasil sebenarnya. Tiap-tiap kali kalau *period* itu sudah habis, lupus kena *top-up* lagi. Belum habis pun *top-up* ini *period* itu pun habis juga. Sudah lupus juga *period* ini *top-up* lagi. Duit ini bertambah-tambah, itu bukan pengurangan tapi pertambahan sentiasa begitu.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Santubong. Saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Santubong. Sebenarnya kita nampak setiap orang di Malaysia ini berasa dia mesti memiliki *handphone*, telefon mudah alih ini lebih-lebih lagi orang dalam zaman remaja mereka. Mereka rasa tidak sempurna kalau tidak memiliki *handphone*. Jadi macam mana pendapat Yang Berhormat kalau kita cadangkan kita minta syarikat-syarikat dan juga kerajaan menurunkan kadar bayaran dan juga kalau dapat turunkan harga telefon mudah alih ini supaya semua orang dapat diberi bantuan untuk memiliki *handphone*.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila tamatkan.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya akan tamatkan Tuan Pengerusi selepas habis mengulas Sri Aman. Masalah kita ialah oleh kerana glifoli iaitu banyak syarikat yang diberi melaksanakan satu kemudahan yang sama. Jadi oleh kerana dasar inilah yang membuatkan mereka ini berunding kerana dia boleh berunding sesama sendiri dan dia kata dia tak akan menurunkan caj dan sebagainya. Akhirnya yang terkena ialah masyarakat. Jadi kerajaan tak mahu campur tangan. Dia kata biarlah ini diserahkan kepada syarikat itu dan *market force*. Tapi kalau diserahkan kepada *market force* dan syarikat ini pula berunding sesama sendiri dan akhirnya *charges* semua tidak menurun, kos tidak menurun padahal untung mereka sentiasa naik ke atas. Dalam keadaan sedemikian saya bersetuju supaya kerajaan campur tangan dalam soal pentadbiran komunikasi di negara kita ini supaya masyarakat akhirnya tidak terkena sangat oleh pihak pemikir untuk dapat banyak wang dan kaya-raya ini kepada segelintir yang kecil padahal masyarakat keseluruhannya terkena. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kubang Kerian.

2.56 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertama saya ingin membangkitkan perkara 010200 dan juga tentang 040100 tentang Dasar Baru dan juga perancangan dan dasar. Pertama sekali tentang isu *prepaid*. Adakah kementerian yang berkenaan ini memantau dengan serius tentang penggunaan *prepaid* ini sebab *prepaid* ini adalah satu perkara yang memang dimiliki oleh rakyat pada hari ini. Ia satu keperluan dan adakah kementerian pernah mengadakan satu kaji selidik bagaimana *prepaid* ini, RM10 katakan yang dibeli itu adakah kadar itu benar-benar menepati perjanjian yang dikemukakan oleh syarikat-syarikat yang mengeluarkan *prepaid* ini.

Sebab saya merasakan ramai pengguna yang tertipu dengan kadar bayaran itu. Satu panggilan telefon yang menggunakan perkhidmatan *prepaid* ini daripada Kuala Lumpur ke Melaka sebagai contoh bercakap dua minit kadang-kadang boleh habis sampai RM7 dan ini pernah dialami dan banyak aduan yg telah dibuat. *Prepaid* tidak menepati syarat atau pelan yang dikemukakan kepada pihak pelanggan dan ini berleluasa dan mereka mengaut keuntungan yang sangat besar. Jadi persoalannya, adakah kementerian ada satu pasukan ataupun *team* khas yang pada saya perlu untuk memantau perkhidmatan *prepaid* ini supaya tidak berlaku satu penipuan dan pelanggan akan menerima satu akibat yang tidak sewajarnya akibat daripada bayaran tertentu tetapi masa bayaran itu dilaksanakan dengan sewenang-wenangnya. Itu yang pertama.

Yang kedua tentang Astro. Saya minta supaya kementerian memandang serius yang baru-baru ini Astro telah menukar pelannya. Tak ada lagi *channel* 1 sampai 100 tapi ada *channel* 101 sampai kalau tak silap saya sampai 900 lebih dan apa yang telah berlaku sekarang ini Tuan Pengerusi adalah Astro menambah bayaran RM10 atau RM20 dengan sewenang-wenangnya dan tanpa *consent* atau tanpa persetujuan daripada pelanggan-pelanggan yang melanggan dengan Astro ini. Jadi saya merasakan ini juga mungkin satu helah ataupun satu cara untuk Astro dengan sewenang-wenangnya menambahkan bayaran dalam bil-bil sejak mutakhir ini setelah *channel* itu ditukar daripada rangkaian 1 hingga 100 kepada 101 maka kita melihat terdapatnya bayaran yang dikenakan dalam bil tanpa persetujuan daripada pelanggan-pelanggan.

Yang ketiganya Tuan Pengerusi tentang program kecekapan tenaga dan tenaga diperbaharui 00100, 02600 dalam projek hidroelektrik Bakun dan juga 09000 - Program Pembangunan Industri elektrik.

■1500

Saya ingin mendapat penjelasan hari ini dari kementerian yang berkenaan ini, berapa peratus lagi tenaga yang digunakan oleh Tenaga Nasional ini masih bergantung pada IPP? Ini suatu jawapan yang saya merasakan sangat perlu diketahui oleh rakyat kerana rakyat akan

menanggung kos kenaikan bil elektrik ini, kadar tarif ini pada tahun hadapan dan tahun-tahun seterusnya.

Saya difahamkan bahawa IPP masih lagi menikmati subsidi harga gas yang diberikan kepada mereka, tawaran yang cukup istimewa dan IPP akan menjual tenaga ini kepada Tenaga Nasional. Tenaga Nasional wajib membeli, *compulsory* untuk beli tenaga ini daripada IPP ini. Sudahlah mereka mendapat satu layanan ataupun mendapat subsidi yang begitu besar daripada harga gas ini dan menjual kepada Tenaga dan apakah kesannya terhadap pengguna dalam negara kita?

Adakah di bawah Perkara 02600 - Projek Hidro Elektrik Bakun – Pusat Penempatan Sg. Asap ini telah siap sepenuhnya dan adakah projek yang begitu besar, yang telah menjadi kontroversi satu waktu dahulu, dan kita harapkan telah siap dan dikatakan boleh menampung keseluruhan bekalan tenaga yang diperlukan oleh negara. Apakah ini telah berlaku dan kalau telah berlaku, berapa peratus sebenarnya pergantungan TNB kepada syarikat-syarikat IPP ini?

Yang akhir sekali Tuan Pengerusi, saya mengharapkan supaya perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi akan dapat satu penjelasan untuk rakyat dalam negara kita supaya dapat menikmati perkhidmatan-perkhidmatan ini di samping kita melihat kepada betapa perlunya kerajaan untuk *review* kembali perjanjian-perjanjian dengan konsesi-konsesi ini dan saya tidak mahu supaya di antara TNB dengan IPP ini macam kerajaan dengan konsesi tol. Tidak boleh *review*, tidak boleh hendak buka perjanjian, segala-galanya *private and confidential*, segala-galanya sulit, tidak boleh hendak *review* balik yang akhirnya rakyat juga yang menanggung kenaikan harga-harga ini semua. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Pasir Puteh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ha?? [Bangun].

Tuan Pengerusi: Pasir Puteh, Pasir Puteh. [Ketawa].

3.02 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada orang keliru. Tidak apalah dia selalu buat keliru kita. Hari ini dia keliru.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sebenarnya, dia kelirukan kita.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh, sahabat saya. Tuan Pengerusi, Timbalan Menteri, saya cakap sebutir sahaja. Hanya 030000. Saya hendak tanya benarkah *water filter*, Kelantan tidak ada *water filter*? Dia daripada sungai, daripada takungan air, terus tangki besar salur ke rumah. Tak ada *filter*, penapislah. Tak ada rawatan. Benarkah?

Yang kedua, bila Kelantan boleh tukar paip? Selepas Perang Dunia Kedua. Macam Johor, saya terima air tiga kali seminggu, air putus. Apabila disambung, merah macam darah, macam susu. Katanya kerana paip lama, teh 'O'.

Jadi saya hendak tahu itu. Saya tidak hendak marah kementerian. Saya puji kementerian inilah yang membawa, menyambung nyawa manusia, khususnya orang Kelantan, tetapi Kelantan banyak 'rongok'. Kajian yang dibuat oleh Kementerian Kesihatan... dahululah, la ni tak 'rongok' dah kerana kerajaan PAS itu satulah memerintah. Tak ada duit, dia kata nak tukar paip. Kalau paip air kotor, kita minum air kotor, gigi jadi 'rongok'. *[Ketawa]*. Tetapi syukur 5A baru-baru ini, Kelantan bangga Tuan Pengerusi. Dalam keadaan 'rongok' pun bijak. Orang Kelantan ini bijak-bijak, tetapi yang bijak, hak bijak sebenarnya, yang bijaknya duduk di luar dari Kelantan. Banyak bijak termasuk lah 'KU LI' kita. 'KU LI' kita, Yang Berhormat *[Ketawa]*, minta maaf Gua Musang, dia cukup bijak.

Yang akhir sekali Tuan Pengerusi, Pos bilakah agaknya pejabat pos comel? Kerana Pasir Puteh sudah 100 ribu lebih penduduknya Tuan Pengerusi. Masih lagi pejabat pos juga lepas perang dunia kedua. Sempit, satu kaunter sahaja. kata Datuk Wan Santubong tadi, saya hendak menyambung sedikit. Di situlah bayar air, di situlah bayar api, di situlah ASM, hendak buat keluar ASB ini lama, 5 minit, 10 minit seorang. Ada tunggu kaunter yang satu, mengambil masa yang panjang. Tidak *economical*, maka saya cadangkan kalau boleh siap kaunter-kaunter khas.

Saya kata, *delivery system* yang Pak Lah hendak ini, yang perdana menteri sebut ini, benar. Kalau *delivery system* yang teratur, sistematik, Insya-Allah kerja cepat. Saya puji sesetengah bank. Kita tidak payah turun pergi kaunter. Dengan kereta sahaja, minta cek, ambil duit. Ini hebat. Bayar telefon sekarang, CELCOM tidak payah masuk kaunter, singgah kereta, serah. Jalan. Ini satu benda yang patut kita *upgrade*.

Jadi saya rasa tidak banyak Tuan Pengerusi, saya minta pejabat pos baru. Pasir Puteh, sekarang ini sudah putih, Insya-Allah. Saya rasa PAS pun sokong Rantau Panjang. Dia pergi ceramah Pasir Puteh. Tidak berapa ramai la ni. *[Ketawa]*. Kadang-kadang dia kata dah PAS Kelantan, cukup dah ceramah, banyak sangat. La ni orang tak mendengar ceramah. Dia tengok, siapa boleh takbir, siapa boleh menyayat hati rakyat, saya tak pujilah diri saya. Insya-Allah rakyat akan sokong.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, saya rasa kasihanlah ...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Tak saya belum beri, bangun dah...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ..di kawasan Barisan Nasional pun, tak ada pejabat. Tidak cukup pejabat pos? Apa ini?? Jadi, masuk parti kami.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya belum bagi dia bercakap Tuan Pengerusi tetapi saya jawablah, kasihan dia. Bukan tidak cukup. Sudah cukup, saya hendak tempat yang lebih selesa. Kalau dahulu tidak ada *air-conds*, la ni buat pejabat pos biar ada *air-conds*. Rakyat pergi dalam keadaan berpeluh, masuk dalam sejuk. Dia senyum. Ha, itu

sahajalah Tuan Pengerusi. Tidak usah kiralah parti pembangkang dia suka komen, dia buat tidak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

3.07 ptg.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran B.29, di bawah Butiran 020000 di bawah tajuk Perkhidmatan Pemetungan. Saya ingin merujuk Dewan ini Tuan Pengerusi, ke Seksyen 86. Seksyen 86 Akta Perkhidmatan dan Industri Air yang telah diluluskan oleh Dewan ini bersama-sama dengan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara tahun lalu.

Saya merujuk Seksyen 86 ini, kerana saya percaya bahawa mungkin Seksyen 86 ini merupakan satu *time bomb*, dengan izin Tuan Pengerusi. Saya sebut *time bomb* kerana Seksyen 86 ini ia membenarkan tunggakan bil pemetungan iaitu bil IWK sekarang dimasukkan ke dalam bil air. Jika bil air itu tidak dibayar sepenuhnya oleh pengguna, maka tindakan pemotongan bekalan air boleh dilakukan. Ini bermaksud Tuan Pengerusi, jika pengguna memilih untuk membayar bil air, tidak cukup. Dia mesti membayar bil pemetungan juga supaya dia boleh menjelaskan satu bil secara menyeluruh. Barulah dia boleh mengelakkan dari tindakan pemotongan bekalan air. Saya telah pun menyemak *hansard*, saya dapati apabila dalam peringkat Perbahasan Bacaan Kali Kedua, kementerian tidak menyatakan secara *positive statement* bahawa kita boleh campurkan bil pemetungan ke dalam bil air dan rakyat ataupun pengguna haruslah membayar kedua-dua bil sekali gus.

■1510

Apa yang dijelaskan oleh Menteri pada masa itu hanya menyatakan bahawa, bil IWK boleh dikutip hanya selepas pelaksanaan undang-undang ini jika diluluskan pada masa itu. Jadi saya rasa di samping itu pada masa yang sama, saya dapati dalam proses perbahasan peringkat bacaan kali kedua, pun jika tidak silap saya Tuan Pengerusi, tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membawa isu ataupun menyentuh seksyen 86 ini, hanya ada yang menyentuh seksyen 85. Saya sendiri pun terlepas pandang seksyen 86. Saya hanya rujuk kepada seksyen 88, 89 dan tidak ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun menyentuh seksyen 86 yang saya percaya, jika ada sesiapa yang telah pun menyentuh seksyen 86 maka, ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mungkin tidak akan bersetuju dengan seksyen 86 ini.

Di samping itu dari segi Perlembagaan, saya tidak pasti sama ada kita boleh mengambil tindakan pemotongan bekalan air, jika pengguna tidak membayar bil pemetungan kerana air ini merupakan hak asasi manusia dan saya rasa tidak seharusnya kita menggabungkan ke dua-dua bil ke dalam satu bil iaitu bil pemetungan campur dengan bil air, dan kita harapkan supaya pengguna menjelaskan bil be kedua-dua pemetungan dan juga bil air ini. Saya tidak ingin memberikan satu gambaran seolah-olah saya mempertikaikan hak IWK untuk mengutip bayaran

mereka. Saya cuma hendak mengetengahkan dalam peringkat Jawatankuasa ini Tuan Pengerusi, bahawa memang wujud ramai pengguna yang tidak mahu membayar bil bukan dalam kes *central* ... tetapi dalam kes *septic tank* individu.

Bagi *septic tank* individu, jika tidak ada perkhidmatan yang diberikan oleh IWK memang tidak ada sebabnya mengapa pengguna itu harus menjelaskan bayaran kepada IWK. Jadi jika kita laksanakan seksyen 86, semua orang kena menggunakan air. Jadi jika kita melaksanakan seksyen 86 dengan tegasnya, ini bermaksud semua orang kena bayar bukan sahaja bil air seperti biasa tetapi juga suka tidak suka termasuk bil pembetulan iaitu bil IWK juga. Jadi saya ingin tanya... silakan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Kota Melaka Tuan Pengerusi. Ada satu kes mungkin boleh dia jawab. Air bocor sebelum meter, air bocor selepas meter. Sekiranya selepas meter ini berat. Ada rakyat mengadu kepada saya, tetapi seorang sahaja. Sebanyak RM300 naik bil air dia, rupanya paip bocor selepas meter sedalam tiga kaki dalam tanah, dia tidak tahu. Selepas dia *check* baru dia tahu. Jadi bil dia kata kena bayar RM300 sebulan, berat orang kampung. Macam mana pandangan Kota Melaka, selepas meter boleh kita tunjuk bil biasa, ada yang RM30 bayar RM30 sahaja, dimaafkan RM100. Macam mana pandangan, Timbalan Menteri angguk sahaja, barangkali setuju kerana zalim kalau kita kena bayar sebanyak itu kerana kita tidak guna, air bocor dalam tanah, terima kasih.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Sebenarnya Tuan Pengerusi, atas masalah ini, saya rasa jika dari segi penyelesaian undang-undang, saya rasa jika dia sebelum meter memang itu tanggungjawab pembekal, iaitu syarikat air tetapi jika dia selepas ini bermaksud ini tanggungjawab pengguna. Namun begitu satu penyelesaian dari segi politik saya rasa, kita haruslah membuat rayuan supaya kita boleh dapat ihsan daripada pembekal air tidak mengenakan satu jumlah yang begitu berat, yang sebenarnya bukan tanggungjawab dan juga kesilapan ataupun kesalahan daripada pengguna.

Jadi Tuan Pengerusi, saya cuma ingin tahu daripada Kementerian setakat mana yang saya sebutkan tadi itu benar, dan jika ya, sama ada kementerian akan menanggungkan pelaksanaan seksyen 86 ini supaya ia tidak akan membebankan rakyat dan menjadi satu isu yang begitu besar dalam negara kita.

Satu perkara lagi Tuan Pengerusi saya ingin rujuk kepada P.29 di bawah Butiran 03202 - Penghantaran dan Pembahagian. Saya ingin tahu mengapa sehingga kini selepas 50 tahun kita mencapai kemerdekaan, masih wujud lagi kes-kes di mana bekalan elektrik kita terputus seperti mana yang kita alami minggu lalu sehinggakan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang terjejas. Sama ada itu disebabkan oleh masalah mekanikal ataupun masalah teknikal ataupun masalah sabotaj oleh mana-mana pihak. Jadi saya ingin tahu apakah cadangan dan tindakan untuk jangka masa panjang bagi kementerian untuk memastikan bahawa negara kita

betul-betul bebas daripada masalah bekalan elektrik terputus dari semasa ke semasa. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sri Aman.

3.15 ptg.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya menyentuh satu Butiran sahaja iaitu Rancangan Bekalan Air Sarawak. Di Sarawak kita mengejar pembangunan, kita banyak rancangan pembangunan tanah. Jadi sumber air tercemar, dahulu air dari sungai itu boleh diminum, sekarang tidak boleh lagi oleh kerana sungai itu termasuk dalam *plantation area*, di mana ditanam dengan kelapa sawit. Saya selalu mendapat aduan apabila saya pergi ke tempat-tempat itu, orang mengadu air mereka tidak boleh diminum lagi, dan ada yang mengatakan mereka terpaksa membeli *mineral water* dari kedai. Jadi dalam kita mengejar kesejahteraan, kita sendiri menderita. Kadang-kadang orang yang membuat perancangan, mereka tidak turun ke padang, mereka tidak tahu.

Di Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, mereka ada memberi kebebasan kepada Ahli Parlimen untuk mengenal pasti kawasan di mana kita boleh membina jalan kampung. Jadi saya mencadangkan di sini, mungkin kementerian ini juga memberi penglibatan kepada Ahli Parlimen mungkin satu tahun, buat cadangan sebanyak RM1 juta atau RM2 juta untuk menunjuk di mana kita boleh membuat bekalan air ini. Oleh kerana orang yang membuat perancangan mereka tidak tahu, tetapi Ahli Parlimen tahu oleh kerana kita setiap minggu pergi ke kawasan ini, kawasan itu dan mendengar di mana tempat yang memang memerlukan bekalan air dengan segera. Itu yang saya minta, minta kementerian mungkin boleh mengagihkan RM1 juta atau RM2 juta kepada setiap Ahli Parlimen supaya penderitaan rakyat itu dapat diselesaikan dengan segera. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ledang.

3.18 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menjurus kepada Butiran 010200 - Perancangan dan Dasar. Iaitu tentang tenaga elektrik dan tenaga-tenaga lainlah terutamanya tenaga elektrik. Sekarang sama ada TNB ataupun IPP banyak bergantung kepada bahan api gas, selain daripada hidro, hidro ada pun sedikit dan kalau ada pun di Bakun. Jadi persoalan saya ialah sejauh mana usaha dan kejayaan kementerian di dalam mencari sumber tenaga baru selain daripada gas. Hidro kita ada mungkin terhad, tetapi seperti solar. Mungkin IPP telah mempunyai tanah ataupun simpanan yang cukup untuk membangunkan sumber tenaga baru. Jadi tidaklah bergantung kepada gas yang selama ini kepada saya telah membebankan semua pihak, itu kita tahu. Jadi persoalan saya ialah sejauh mana usaha kerajaan yang telah dibuat oleh pihak berkenaan?

Begitu juga Tuan Pengerusi, baru sahaja kita difahamkan dan kita telah mendapat berita bahawa bekalan elektrik daripada Bakun akan disalurkan ke Semenanjung melalui dasar laut.

■1520

Dari Bakun terus ke Johor. Saya tidak pasti berapa kosnya, tapi daripada sumber-sumber yang diberitahu, kosnya hampir mencecah RM10 bilion.

Ramai yang bertanya Tuan Pengerusi, adakah RM10 bilion ini ekonomik jika dibandingkan dengan membina jana kuasa baru ataupun pusat hidro ataupun pusat penjanaan baru di Semenanjung berbanding dengan menyalurkan bekalan elektrik daripada Bakun ke Semenanjung. Ataupun mungkin kos penyaluran itu lebih ekonomi, tetapi ramai yang berkata bahawa kos membina penjanaan elektrik baru di Semenanjung mungkin lebih murah daripada menyalurkan tenaga elektrik daripada Bakun ke Semenanjung yang berjumlah hampir atau mungkin lebih RM10 bilion.

Yang ketiga Tuan Pengerusi, perkhidmatan *cellular* ataupun perkhidmatan tanpa wayar (*wireless*) atau komunikasi, *cellular* dan lain-lain lagi. Telah pun mencapai usia 10 tahun lebih kurang, tetapi umum mengetahui bahawa perkhidmatan yang disediakan walaupun ada di mana-mana tetapi tidak konsisten. Saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini banyak kali kalau kata berjalan, kalau kita bergerak daripada selatan ke utara di Semenanjung Malaysia ini, dari utara ke selatan, timur dan barat, terutamanya di lebuhraya oleh kerana lebuhraya itu dikatakan mempunyai perkhidmatan yang terbaik, tetapi perkhidmatan yang diberikan tidak konsisten. Sekejap ada, sekejap tidak ada, macam biskut. Ada di sini terang tiba-tiba dalam masa seminit hilang kemudian ada balik, jadi perhubungan itu sentiasa terputus.

Begitu juga Tuan Pengerusi, perkhidmatan jalur lebar, kalau kita akses dengan izin *internet*, kebanyakannya tidak juga konsisten. Perkhidmatan yang kita terima kalau saya cuba di Dewan inilah mendapatkan perkhidmatan TV melalui *internet* pun tidak konsisten dengan izin *buffering* sangat *slow* dan kadang-kadang terus tak dapat. Jadi dengan usaha yang 10 tahun Tuan Pengerusi saya tidak nampak perkhidmatan yang cekap yang disediakan.

Tuan Pengerusi akhir sekali oleh kerana saya datang daripada negeri Johor, saya perhatikan Butiran Bekalan Air daripada 06500 sampailah 11600 tidak ada satu pun peruntukan untuk negeri Johor, tidak ada. Saya difahamkan tidak ada peruntukan untuk negeri Johor kerana Johor telah pun memproses dan menyalurkan air secara penswastaan. Maksudnya negeri Johor telah pun merawat dan telah pun menyalurkan air secara penswastaan, kedua-duanya diswastakan.

Berbanding dengan negeri Selangor. Selangor pun sama juga, tapi Selangor dapat peruntukan walaupun sebahagian bekalan airnya juga diswastakan, sebahagian rawatan dan penyaluran juga diswastakan, seperti negeri Johor, Selangor dapat, Johor tidak dapat. Itu saja. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Seputeh.

3.24 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 09100 – Rancangan Bekalan Air Negeri Selangor.

Tuan Pengerusi, saya menerima satu aduan semalam tentang satu masalah yang berlaku di pusat perindustrian di kawasan Kinrara di mana bekalan air dipotong kerana tempat tersebut adalah *low occupancy* di mana hanya 30% daripada kedai di sana yang dimiliki dan diguna pakai dan mereka menghadapi masalah dengan pihak pengurusan dan ini menyebabkan mereka tidak bayar bil air kepada pengurusan. Jadi pemilik kedai memang ingin membayar terus kepada SYABAS. Mereka juga ingin mengadakan satu sistem *direct billing* dengan SYABAS, tetapi atas syarat SYABAS yang ketat iaitu SYABAS hanya membuat *direct billing* dengan para pengguna air sekiranya 95% daripada pengguna air setuju dan habis bayar bil mereka. Keadaan ini telah menyebabkan mereka tidak dapat mengadakan sistem *direct billing* dengan SYABAS.

Jadi saya ingin mencadangkan bahawa tentang sistem *direct billing* ini, SYABAS harus mengkaji permintaan dari *case to case*, jadi ia haruslah ada lebih kelonggaran. Bagi sesetengah projek yang setengah terbengkalai itu, ia mesti ada kelonggaran supaya pengguna air dan juga penduduk dan pemilik kedai tersebut tidak akan terjejas.

Isu yang kedua ialah tentang Empangan Krau. Saya difahamkan bahawa adanya satu projek yang bernilai RM9.3 bilion yang menyalurkan air dari Pahang ke negeri Selangor. Soalannya, apakah kementerian pernah menjalankan kajian tentang kadar *waterfall* dan *rain fall* bersamaan dengan perubahan cuaca ataupun dengan *climax change*.

Laporan EIA Empangan Krau ini telah diadakan dua, tiga tahun yang lepas. Jadi apakah kajian pernah dilakukan berkenaan dengan pembinaan Empangan Krau tersebut dengan *climax change*? Selain itu, kenapakah Kerajaan Negeri Selangor hanya ingin mengambil kira bekalan air daripada Pahang, memandangkan Menteri Besar Perak pernah berkata, kalau kita bawa air masuk dari Perak ke Selangor, ia adalah lebih murah daripada bawa air dari Pahang. Jadi kenapakah cadangan ini tidak diambil kira oleh pihak kerajaan?

Satu isu lagi ialah 10 Orang Asli di Empangan Krau telah pun mencabar kerajaan mengenai kajian EIA yang mana mereka katakan bahawa sesetengah maklumat di dalam EIA itu adalah tidak tepat dan mereka telah pun bawa kes ini ke mahkamah. Jadi saya ingin tahu apakah pendirian kerajaan terhadap kompelin mereka dan bagaimana kerajaan mengatasi aduan mereka?

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 03200 - Sabah Electricity Sdn. Bhd dan 02600 – Projek Hidroelektrik Bakun. Saya pernah membangkitkan isu TNB Coal-Fired Power Plant di Lahad Datu di Sabah dan kesan negatif loji elektrik ini terhadap alam sekitar di sekitar Lahad Datu khususnya terhadap hutan Persimpanan Danum Valley, Tanah persimpanan

Tabin Wildlife dan Davey Bay yang mempunyai kehidupan *coral* dan *marine* yang amat sensitif serta indah pandangannya.

Penubuhan kilang penjana elektrik arang batu di Lahad Datu sudah tentu akan merosakkan alam sekitar dan pemandangan yang indah di tanah-tanah persimpanan tersebut selama-lamanya. Mengikut satu pengiraan, *coal-fired power plant* yang akan membakar lebih kurang 750,000 tan arang batu setahun. Kesan pembakaran arang batu di Lahad Datu akan menghasilkan berjuta-juta kilogram karbon dioksida, sulfur dioksida dan juga nitrogen oksida dan merkuri dan juga *sludge* dan juga *toxic waste* yang beratus-ratus kilogram setahun. Jadi ia tentu akan menghasilkan satu impak yang besar bukan sahaja terhadap *environment* dan ekosistem di alam sekitar, tetapi juga akan menghasilkan kesan buruk terhadap *global warming*. Banyak tempat di negara kita telah mengalami banjir yang begitu kerap pada bulan dan tahun-tahun yang lepas. Ini adalah salah satu hasil daripada kesan *global warming*. Jadi saya minta pihak kementerian untuk mengkaji semula cadangan *coal-fired power plant* di Lahad Datu ini.

Saya juga faham tentang masalah bekalan elektrik yang kerap berlaku di banyak tempat di Sabah. Di sini saya ingin bertanya pihak kementerian tentang projek Hidroelektrik Empangan Bakun di Sarawak. Apakah rancangan kementerian terhadap Empangan Bakun ini dan seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ledang tadi yang mengatakan memang tidak praktikal bagi aliran elektrik di bawa daripada Sarawak ke Johor. Jadi saya hendak tanya apakah kementerian pernah mengkaji dan mengadakan kajian supaya bawa lebih aliran elektrik yang dihasilkan oleh Hidroelektrik Bakun itu ke Sabah dan jaraknya juga lebih dekat berbanding dengan jarak dari Sarawak ke Johor. Jadi apakah pihak kementerian telah membuat kajian ini dan apakah situasi tentang Empangan Hidroelektrik Bakun sekarang? Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Rembau.

■1530

3.30 ptg.

Dato' Firdaus bin Harun [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terus pergi kepada tajuk Butiran 70005 – Pusat Perkhidmatan Multimedia Luar Bandar.

Saya ucapkan terima kasihlah kepada pihak kementerian yang mengadakan program ini yang sangat baiklah pada hemat saya dalam usaha kita untuk mengurangkan jurang digital antara bandar dan luar bandar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Cuma saya berharap dapat kiranya pihak kementerian menambah peruntukan pada tahun-tahun yang akan datang sebab di luar bandar ini rata-rata masyarakat luar bandar tidak mampu untuk membeli komputer.

Jadi dengan adanya Pusat Perkhidmatan Multimedia ini yang ditempatkan di desa, kita harap masyarakat luar bandar khususnya anak-anak kita yang masih belajar akan dapat akses kepada ilmu pengetahuan selaras dengan usaha kita di zaman k-ekonomi ini. Saya juga berharap dapat kiranya pihak kementerian memberikan butir-butir di manakah Pusat Perkhidmatan Multimedia ini akan di wujudkan pada tahun depan dan adakah termasuk juga kawasan Parlimen Rembau.

Keduanya saya nak pergi kepada Butiran 07800 – Rancangan Bekalan Air Negeri Sembilan iaitu peruntukan sebanyak RM289 juta. Jadi saya juga berharap pihak kementerian dapat memberikan butiran adakah program ini untuk meningkatkan perkhidmatan yang sedia ada ataupun hendak mengganti paip-paip lama. Kita sedia maklum kadang-kadang di musim perayaan selalu bekalan air terputus khususnya termasuk juga kawasan saya Rembau. Saya harap dapat kiranya pihak kementerian memberikan butir terperinci mengenai perkara ini.

Begitu juga dengan Butiran 11200 – Penyaluran Air Antara Negeri. Begitu juga harap pihak kementerian memberikan butir-butir peruntukan dan negeri manakah yang akan dibekalkan dan perjanjian yang telah ditandatangani serta butir-butir yang berkaitan dengannya. Dengan ini saya menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat ada tiga lagi, empat. Siapa nak cakap bangun dulu? Yang membuat keputusan Yang Berhormat Rembau. Yang Berhormat Ipoh Timor hendak berucap juga ya? Kalau sudah cakap boleh keluarlah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Boleh keluar?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh, sila keluarlah. Selepas ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat berucap Maran, Rantau Panjang, Bagan dan Batu Gajah Menteri boleh jawab. Jadi Maran, sila.

3.32 ptg.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh beberapa perkara dalam bajet kementerian ini.

Pertama ialah Butiran 030000 – Bekalan Air. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, air merupakan sumber penting bagi masyarakat. Kita dapati sekarang masih terdapat lagi masyarakat kita terutama di luar bandar yang tidak menikmati bekalan air bersih.

Saya ingin tahu dengan kerajaan walaupun sebahagian daripada bantuan-bantuan bekalan air telah melibatkan Kementerian Luar Bandar dan Kemajuan Wilayah tetapi saya kira kementerian ini bertanggungjawab menentukan supaya masyarakat keseluruhannya mendapat bekalan air bersih. Saya ingin tahu berapa ramaikah atau berapa peratuskah lagi masyarakat kita di seluruh negara ini yang belum mendapat bekalan air bersih daripada mana-mana sumber.

Biasanya kalau kita lihat masyarakat Orang Asli ini sering ketinggalan, sekarang ini Jabatan Orang Asli diletak di bawah Kementerian Luar Bandar dan Kemajuan Wilayah. Saya kira tidak ketinggalan kementerian ini juga bertanggungjawab bagi menentukan supaya peruntukan dan juga faedah ataupun keperluan bekalan air ini juga dapat sampai kepada masyarakat yang berada di kawasan pedalaman ini.

Berikutnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi ialah tentang - saya ingat ada juga disuarakan oleh sahabat-sahabat saya, saya kira kita perhatikan di kawasan-kawasan luar bandar termasuk di kawasan-kawasan perkampungan masih banyak bekalan-bekalan air ataupun paip-paip pecah. Saya kira kalau dulu kita dimaklumkan lebih kurang 45% daripada air-air ini terkeluar terbuang begitu sahaja yang kita kenali NRW ataupun dengan izin *non-revenue water* atau air yang tidak di jadikan hasil.

Berapakah sebenarnya mengikut pecahan negeri air-air ini telah keluar begitu sahaja, maknanya rugi tidak menjadi hasil kepada kerajaan. Apakah tindakan yang sewajarnya dan bilakah dijangkakan masalah ini dapat di selesaikan oleh pihak kerajaan.

Satu lagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi ialah tentang kakitangan Jabatan Bekalan Air di peringkat negeri dan sebagainya. Saya perhatikan kita banyak mendapat rungutan daripada masyarakat luar bandar pengguna-pengguna bahawa terdapatnya pegawai-pegawai ataupun kakitangan di jabatan-jabatan ini yang tidak lagi efisien menjalankan kerja.

Walaupun bekalan air ini lebih merupakan adalah masalah negeri tetapi kementerian tidak harus melepaskan begitu sahaja tanggungjawab ini. Ini disebabkan masalah kekurangan kakitangan Jabatan Bekalan Air dan apa tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan supaya bekalan air ini satu ketika nanti tidak lagi di hadapi oleh masyarakat di seluruh negara kita. Terutamanya melibatkan masalah kakitangan yang tidak cekap dan sebagainya.

Berikutnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi ialah Butiran 11200 – Penyaluran Air Antara Negeri. Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana ada usahanya mengalirkan air dari sebuah negeri ke negeri lain. Inilah menunjukkan betapa adanya perpaduan dan persepakatan antara negeri-negeri dalam negara kita. Inilah kecekapan yang wujud dalam perikatan Barisan Nasional.

Saya nak sentuh sini Yang Berhormat Tuan Pengerusi ialah bekalan air dari Pahang ke Selangor. Saya kira memanglah banyak faedah-faedah dapat kita lihat daripada bekalan air ataupun pengaliran air dari Pahang ke Selangor ini antaranya ialah dapat mengeratkan perpaduan ataupun hubungan yang lebih erat antara Kerajaan Negeri Pahang dengan Kerajaan Negeri Selangor.

Kedua ialah membantu negeri Selangor yang mungkin kekurangan air untuk menyempurnakan ataupun meluaskan lagi bekalan air ke kawasan-kawasan yang di perlukan.

Ketiga faedahnya ialah mungkin dapat mengawal kadar kelebihan air di negeri Pahang kerana Pahang ini sering banjir dan sebagainya. Mungkin oleh kerana air yang banyak itu

dengan ada sistem pengaliran antara negeri ini maka kelebihan air di negeri Pahang akan disalurkan ke negeri lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Nanti Tuan Pengerusi, minta izin sekejap.

Di samping itu menambahkan pendapatan kepada Kerajaan Negeri Pahang. Saya minta kementerian berikan perhatian di samping faedah-faedah yang kita dapat lihat tadi jangan lupa kesan-kesan buruk yang mungkin dihadapi oleh masyarakat.

Pertama saya ingin bertanya, bagaimanakah pampasan-pampasan yang akan dibayar kepada mereka yang terlibat kepada masalah penyambungan bekalan air ini termasuklah kawasan FELDA kawasan Orang Asli.

Saya yakin bahawa kerajaan Barisan Nasional adil walaupun disebutkan oleh pembangkang tetapi mereka menyebut hanya pampasan sahaja; tetapi saya yakin bahawa kerajaan akan membayar pampasan ini kepada masyarakat yang terlibat. Namun bilakah, bagaimanakah pendekatan yang dibuat dan berapakah jumlah pampasan ini yang akan ditentukan oleh kerajaan kepada masyarakat yang terlibat. Berikutnya ialah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Satu lagi fungsi ialah tentang perkara, saya minta supaya kerajaan memastikan supaya apabila adanya penyambungan air dari Pahang ke Selangor ini, Kerajaan Negeri Pahang tidak akan mengalami kerugian dan segala masalah yang dihadapi oleh Pahang akan dapat diselesaikan termasuklah terutamanya dari segi bekalan air kepada masyarakat-masyarakat luar bandar ini.

Satu lagi ialah program kesedaran yang terdapat di bawah kementerian ini. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, kita dapati kalau kita lihat di kawasan-kawasan bandar, di FELDA, di luar bandar banyak paip-paip pecah yang kadang-kadang terbiar begitu sahaja tidak diendahkan oleh masyarakat. Apabila mereka tidak ada air barulah mereka mungkin buat laporan kepada kementerian dan sebagainya.

Saya ingin tahu kepada kerajaan apakah program-program yang dibuat oleh kementerian ini dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: ..supaya bertanggungjawab memberikan laporan kepada kementerian ataupun jabatan-jabatan kerajaan dalam mengatasi masalah ini.

Saya nak mencadangkan kepada kerajaan supaya kalau boleh program-program kesedaran ini bukan sahaja diadakan di TV ataupun radio tetapi kalau boleh turunkan ke peringkat-peringkat bawahan termasuklah di kawasan-kawasan Parlimen dan juga kawasan-kawasan daerah dengan Jabatan Bekalan Air ini mengadakan kursus bagi kesedaran kepada

pengguna-pengguna air dan juga masyarakat setempat. Tuan Pengerusi saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik Rantau Panjang.

3.59 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya ingin tahu Butiran 70001 – Tabung Pemberian Perkhidmatan Sejagat.

Pada tahun 2006 di peruntukan RM6 juta pada 2007 di Peruntukan RM120 juta kemudian pada tahun 2008 ini hanya RM20 juta. Kenapakah perkara ini dipotong sebanyak RM100 juta?

Saya ingin mendapat penjelasan Tabung Pemberian Perkhidmatan Sejagat ini diberi kepada negeri mana atau syarikat mana ataupun siapa yang mendapatnya?

■1540

Seterusnya ialah 07000 - Rancangan Bekalan Air Negeri Kelantan yang menjadi sebutan oleh beberapa Ahli Parlimen di Kelantan termasuk Tanah Merah, Pasir Puteh, Kuala Krai yang setiap kali bangun berdiri inilah perkara yang tidak puas hati oleh mereka. Saya ingin tahu dari Menteri, dua minggu lepas Syarikat Air Kelantan yang mengendalikan pengurusan air Kelantan ini telah mendapat di anugerahkan ISO dua minggu lepas. Dapat kah pihak kementerian bagi tahu kepada saya pada Dewan ini apakah kelebihan sesebuah sesuatu jabatan yang membuat pengurusan sehingga mendapat ISO itu? Adakah kerana dia bodoh, tidak cerdik, tidak pandai, atau mempunyai banyak kesalahan-kesalahan yang menimbulkan prasangka buruk terhadap syarikat itu maka ianya diberi ISO ataupun kerana kecemerlangan pentadbirannya, pengurusannya baik maka ianya diberi ISO. Ataupun kerana kecemerlangan pentadbirannya, pengurusannya baik dan wang diberi pinjaman oleh Kerajaan Pusat ditadbir dengan baik barulah ia diberi ISO. Ataupun wang diberi pinjaman oleh kerajaan itu dihentam dia buat urusan lain dia buat kempen untuk parti memerintah atau sebagai mana ia juga mendapat ISO. Minta penjelasan daripada Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh [Kuala Langat]: ISO prosedur kerja sahaja.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Sehingga perkara ini disebut oleh Timbalan Ketua Pemuda UMNO Malaysia di Tanah Merah dua tiga hari lepas meminta BPR menyiasat penyelewengan yang berlaku di dalam Syarikat Air Kelantan itu. Sehingga beliau mengambil alih tugas yang sepatutnya diambil alih oleh Ahli Parlimen Padang Rengas dalam perkara ini. Tapi barangkali mereka ini angan-angan cepat sangat hendak jadi menteri ataupun sebagainya dia pula yang mendesak pada BPR supaya mengambil tindakan cepat ataupun terhadap pentadbiran ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Bukan, tidak habis lagi. Nanti anggapan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya anggap Yang Berhormat sudah habis, sebab terkeluar dari tajuk.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Tidak habis lagi, Cuma hendak bagi tahu saya bimbang lepas pada ini cakap lagi air Kelantan. Saya minta Menteri yang bertanggungjawab itu beri penjelasan, supaya lain kali kalau orang bangun juga itu modal lapuk. Tiap-tiap tahun cakap air Kelantan sehingga mendapat ISO.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat perkara ini telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Ramai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah tentu Menteri akan jawab nanti.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Saya hendak Menteri jawab tapi tidak ada. Yang bercakap, yang mempertikaikan pentadbiran air Kelantan tidak seorang pun dalam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Kalau Menteri jawab dia tidak tahu pula, minggu depan dia bangkit pula. Ini memalukan saya, malu kepada pegawai lagi. Saya meminta Menteri memberi penjelasan sebaik-baiknya perkara ini. sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh berkenaan satu tajuk iaitu mencuri tenaga. Telah beberapa kali saya bawa dalam Dewan ini tetapi perkara ini masih belum diselesaikan di negeri Pulau Pinang. Terdapat ribu-ribu kes pengguna yang dituduh mencuri tenaga melalui jangka meter TNB dan apa yang merunsingkan pengguna ialah TNB apabila mengata mereka mencuri tenaga, TNB boleh memotong bekalan kepada premis-premis yang disyaki mencuri tenaga dan TNB adalah satu syarikat yang memonopoli sekiranya bekalan telah dipotong maka mereka tiada dapat bekalan siang dan malam dan tidak boleh berniaga, menduduki rumah itu dan bermasalah. Saya berharap Yang Berhormat boleh memperhatikan perkara ini dan saya pernah mendengar bahawa akta akan dipinda supaya TNB tidak boleh memotong bekalan dengan sewenang-wenangnya. Saya ingin tahu apa kedudukan pada masa sekarang. Saya pernah membangkitkan dalam dasar iaitu talian pengaduan 15454 tapi saya tidak mendapat satu jawapan yang memuaskan. Saya ingin membangkitkan sekali lagi bahawa setiap negeri perlu ada satu talian asing untuk negeri sendiri buat siang dan malam, bukan sahaja melalui 15454. Pada pengalaman saya apabila pengguna-

pengguna menelefon saya dia kata kawasan dia tidak ada bekalan, dan saya Cuma mencontact 15454 dan saya dapat dalam jawapan komputer dia kata giliran nombor anda ialah 25 atau 30. Takkan saya hendak penggang sana tunggu sampai 25 giliran atau 30 giliran dan tambahan panggilan ini kena caj apabila kita meneliti bil kami, bil telefon kami, baik talian baik talian tetap atau *handphone* dia 15454 kena cas bukan *toll free*. Jadi saya berharap Yang Berhormat juga mengambil teliti dengan perkara ini supaya sesiapa atau setiap negeri ada taliannya masing-masing. Kami tahu, saya sebagai wakil rakyat tahu nombor berasingan dan nombor sendiri di tempat saya tetapi kepada orang ramai mereka tidak tahu sebab dalam bil TNB dia tulis 'segala pengaduan sila, 15454'. Jadi mereka tidak tahu. Jadi saya berharap nombor setiap negeri boleh dicatat dalam bil-bil TNB itu. Satu perkara lagi Rancangan Bekalan Air 10300 Pulau Pinang RM118 juta, saya ingin tahu apa guna jumlah peruntukan ini. Terima kasih

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, beberapa perkara yang ingin saya bangkitkan 70015 - Promosi Penggunaan Infrastruktur Jalur Lebar. Kita semua sedia maklum TM Berhad menguasai dan memonopoli talian tetap. Apakah kalau ingin menggalakkan penggunaan jalur lebar bolehkah TM Net mempertimbangkan untuk mengurangkan caj bayaran sewa. Buat sekarang ini *residential* ialah RM25 dan komersial RM45. Bukan sahaja nilai sewa itu dan juga bergantung kepada pakej yang diambil tapi ada syarat, syarat yang menetapkan bahawa penggunaannya minimum satu tahun. Saya rasa ini tidak adil, ini menyebabkan mereka tidak boleh menamatkan perkhidmatan TM Net jika mereka tidak puas hati dan satu masalah yang timbul yang saya percaya ramai Ahli juga akan prihatin iaitu masa pilihan raya Tuan Pengerusi. Mungkin pusat perkhidmatan kita ingin memohon talian tambahan untuk membuat carian semakan data pemilih. Tapi satu syarat menetapkan satu tahu bagaimana boleh kita memberi satu perkhidmatan kepada orang ramai. Ini satu realiti, saya telah bangkitkan hal ini dengan cawangan di Ipoh. TM di Ipoh, mereka kata akan mempertimbangkan dan kesalnya jawapan secara bertulis masih belum saya peroleh. Kalau TM memonopoli bekalan talian tetap patutlah menjalankan tanggungjawab kebajikan *corporate responsibility* kepada masyarakat. Ini perkara yang saya ingin saya bangkitkan. Perkara kedua ialah berkenaan lantikan, lantikan TM untuk mengutip tunggakan bil. Ini amat mengejutkan bila ada ramai pengadu menerima, tiba-tiba menerima surat kononnya peguam tapi bukan surat peguam sebenarnya lantikan syarikat-syarikat oleh TM untuk mengutip tunggakan-tunggakan yang lebih ada kes yang lebih sepuluh tahun. Apabila kita membantu mereka memberitahu bahawa mengikut *Limitation Act* lepas tujuh tahun tidak boleh tuntutan tapi TM kata mereka berhak menuntut walaupun telah melebihi tujuh tahun. Saya pohon satu jawapan berkenaan ini. Perkara kedua ialah berkenaan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan, bekalan elektrik, bil yang tiba-tiba diperoleh pemilik premis menyatakan bahawa telah terusik atau terkurang cas kerana meter itu sudah lama selepas ditukar bil melonjak tinggi. Apakah pihak,

saya masih terima aduan Yang Berhormat Timbalan Menteri dan banyak kali kita bangunkan. Sekarang dia sudah tukarlah kandungan surat terkurang cas. Tapi apakah pihak kementerian boleh meneliti semula Akta Bekalan Elektrik 1990, seksyen 37 dan 38 yang memberi kuasa kepada pegawai untuk memotong bekalan elektrik apabila pendapatnya satu pelanggaran atau satu kesalahan telah dilakukan.

■ 1550

Saya percaya kesalahan hanya boleh dikatakan telah dilakukan melanggar akta ini, kesalahan haruslah dijatuhkan oleh mahkamah. Kalau mereka didapati telah mengusik meter atau sengaja merosakkan meter, hadapkan mereka ke mahkamah dan bukannya mengugut memotong bekalan elektrik mereka. Ada banyak kes. Walaupun TNB berjaya, mereka ingat telah berjaya mengutip tunggakan terkurang caj itu sebenarnya ramai pemilik premis yang enggan membayar sebenarnya terpaksa membayar. Terpaksa membayar kerana mereka perlu bekalan elektrik untuk menjalankan perniagaan dan TNB memonopoli bekalan elektrik.

Saya percaya kalau ada persaingan, tentu mereka tidak akan berterusan mahu menerima perkhidmatan TNB. Tengok kita ada Digi, Maxis dan Celcom, pelbagai tawaran. Jadi ada persaingan, orang ramai dapat faedahnya. Tetapi dalam kes TNB, monopoli dengan cara taktik-taktik memotong bekalan elektrik itu amatlah tidak munasabah.

Perkara di bawah TNB juga, apakah ada satu tabung bantuan kepada mana-mana mangsa kebakaran. Saya bagi satu contoh kes yang berlaku bulan Ogos yang lalu di Kluang. Lima orang ahli keluarga – ibu bapa dan tiga orang anak – mati kebakaran kerana mereka tidak mampu membayar bekalan elektrik, terpaksa menggunakan lilin kerana bekalan elektrik telah dipotong. Langsung tiada sikap perikemanusiaan oleh TNB walaupun telah diberi hak untuk memonopoli pembekalan elektrik. Jadi dalam aspek ini, apakah dasar TNB dalam kes-kes ahli keluarga yang tidak mampu membayar.

Akhirnya, baru-baru ini ada laporan mengatakan bahawa di Manjung akan dibina dan sedang dalam pembinaan, loji arang batu dan telah diumumkan oleh menteri sebelum ini, dasar kerajaan sekarang adalah peningkatan penggunaan bahan api arang batu. Mengapakah bahan api dari arang batu ini menjadi pilihan walhal ia adalah bahan api yang paling kotor di seluruh dunia ini.

Saya ingin tahu berkenaan loji di Manjung, Perak ini, apakah keputusan EIA, apakah kosnya dan apakah ia tidak akan menjejaskan alam sekitar walaupun apabila hendak menjalankan atau mengadakan projek ini akan memberi pekerjaan membangunkan kawasan tetapi apabila ada pencemaran, sebenarnya ia lebih merugikan masyarakat setempat di situ. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

3.53 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:
Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya mewakili Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada 21 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan pada peringkat Jawatankuasa belanjawan kementerian ini bagi tahun 2008.

Saya bercadang untuk menjawab secara satu persatu. Pertamanya menjawab dari segi tenaga, kemudian air dan seterusnya komunikasi. Mana-mana jawapan yang tidak saya jawab ketika saya menjawab tenaga ini, akan saya jawab di peringkat akhir kerana saya masih lagi menunggu beberapa jawapan yang belum disampaikan kepada saya oleh pegawai-pegawai yang bertugas pada hari ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat daripada Tuaran telah menanyakan masalah *blackout* di Sabah dan langkah-langkah yang diambil oleh Tenaga Nasional atau SESB untuk menyelesaikan masalah di negeri Sabah. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, beberapa langkah telah diambil oleh SESB untuk meningkatkan lagi kapasiti penjanaan tenaga. Contohnya peningkatan kapasiti Powertron daripada 120 megawatt kepada 190 megawatt, Powertron II yang kapasitinya nanti 190 megawatt, Sepanggar Bay 100 megawatt dan Lahad Datu Coal 300 megawatt, di samping itu membina sistem grid timur-barat yang mana belanjanya adalah lebih kurang RM503 juta.

Selain daripada itu meningkatkan prestasi sistem penghantaran dan pengagihan bekalan elektrik sejumlah RM124 juta telah diluluskan untuk tahun 2008 bagi melaksanakan pelbagai projek peningkatan tersebut di Sabah. Di samping itu saya juga ingin memaklumkan dalam Dewan ini bahawa Indeks AIDI ataupun Sistem *Average Interruption Duration Index* telah menunjukkan penurunan yang ketara di negeri Sabah iaitu kalau kita lihat sebagaimana yang direkodkan iaitu pada tahun 2006, jumlah gangguan yang berlaku di negeri Sabah adalah 3,849 minit per pengguna setahun, manakala bagi tahun 2007, setakat ini ialah 2,717 minit per pengguna. Ini menunjukkan bahawa bekalan elektrik di negeri Sabah telah berjaya ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Kemudian Yang Berhormat Kubang Kerian menanyakan peratusan tenaga yang dijanakan oleh IPP, isu-isu harga jualan elektrik IPP dengan Tenaga Nasional Berhad, semakan PPA – jangan dikatakan ia *confidential* dan tidak boleh dimaklumkan kepada orang awam dan yang keempat, bekalan daripada Projek Hidroelektrik Bakun – bila siap dan berapa jumlah bekalannya.

Suka saya maklumkan bahawa pada hari ini peratusan tenaga elektrik daripada penjanaan IPP di Semenanjung Malaysia adalah sekitar 62% hingga 65% dan IPP dikatakan mengaut untung yang tinggi, khususnya IPP *first generation*, dengan izin. Oleh itu TNB sedang terus mengadakan rundingan dengan IPP untuk mengurangkan pembayaran kapasiti caj

sebahagian daripada CAPEX. Perkara ini suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat Kubang Kerian, PPA ini untuk membuat *negotiation* ini mengambil masa yang agak lama kerana kebanyakan PPA yang ada pada hari ini telah diserahkan hak *assign* kepada peminjam-peminjam bank. Di samping itu bagi IPP yang mempunyai pemegang saham asing, *bond holders*, rundingan semula PPA pula perlu dibuat dengan berhati-hati. PPA adalah ditandatangani di antara TNB dengan IPP.

Projek Hidro Bakun dijangka siap pada tahun 2010 ataupun pertengahan 2011. Perbincangan sedang diambil mengenai penyaluran elektrik dari Bakun ke Semenanjung Malaysia, jumlah bekalan elektrik dari Bakun dianggarkan sebanyak 1,800 megawatt dan ianya boleh menampung permintaan Semenanjung sehingga tahun 2014.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. 62% ke 65% ini saya rasa adalah satu jumlah yang tinggi yang pergantungan TNB kepada IPP. Jadi bolehkah Yang Berhormat memperjelaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa di samping perundingan demi perundingan diadakan, apakah sifat perundingan itu? Adakah ada *progress*, ada kejayaan yang diperolehi sebab saya rasa *bottom linenya* adalah tarif harga elektrik itu. Kalau begini besarlah hanya pergantungan TNB kepada IPP ini, jadi saya bimbang bahawa kenaikan harga tarif elektrik ini tidak akan terkawal. Apakah perancangan masa depan kementerian supaya pergantungan ini tidak menjadi begini besar, 62% hingga 65%. Terima kasih..

■1600

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kubang Kerian. Sebagai mana yang saya nyatakan tadi bahawa untuk mengadakan rundingan antara Tenaga Nasional Berhad dan juga IPP ini, maka ianya tidaklah semudah yang kita sangkakan atau kita jangkakan kerana sebagai mana yang saya nyatakan kebanyakan dia punya PPE ini diserahkan kepada... *they assign* kepada bank supaya bank boleh beri pinjaman kepada IPP ini. Maka, seperkara lagi kita buat rundingan ini kalau dengan gesaan, paksaan, ia menggambarkan seolah-olah negara ini boleh memindahkan *coal post* kita. Bila kita dah siap sesuatu ini kita rasa hendak pindah kita pindahkan. Sebab itu kita kena jaga imej negara kita. Jangan kerana kita hendak memperbetulkan keadaan *imperfect system* yang kita ada pada hari ini sampai boleh menjejaskan pandangan masyarakat antarabangsa tentang sistem pentadbiran yang ada pada negara ini.

Dalam konteks ini, rundingan yang dilakukan di antara IPP dan Tenaga Nasional ini, perlu dijalankan berhati-hati yang mana kedua-dua pihak IPP dan Tenaga Nasional perlu ada

semangat untuk bersama-sama membantu negara supaya harga yang ataupun takrif yang dikenakan kepada pelanggan-pelanggan Tenaga Nasional Berhad adalah harga yang sepatutnya dan tidak terdapat mana-mana IPP yang mengaut keuntungan sebagai mana yang sering diuar-uarkan. Itu yang dapat saya maklumkan kepada Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Penjelasan. Yang Berhormat saya ingin tanya dengan siapnya Bakun nanti. Adakah kita akan dapat tenaga yang lebih murah jika dibandingkan dengan sekarang? Sebab seperti kita tahu sekarang kita terpaksa bergantung dengan IPP.

Yang keduanya, kita terpaksa menggunakan minyak dan sebagainya dan dengan itu harganya lebih tinggi untuk mendapatkan bahan elektrik. Jadi dengan adanya Bakun nanti, apakah jumlah yang akan dibayar oleh pihak TNB untuk membeli tenaga daripada Bakun nanti dan adakah mungkin kita akan mendapat harga lebih murah? Itu sahaja.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih kepada Yang Berhormat Bera. Di sini suka saya menjelaskan kepada Yang Berhormat Bera dan kepada Dewan. Harga yang dicadangkan oleh Bakun kepada Tenaga Nasional Berhad di Bentong apabila sudah siap kabelnya nanti adalah di sekitar antara RM0.17 dan RM0.18. Walaupun harga itu pada ketika ini dilihat tidak tinggi dan tidak rendah, harga berpatutan.

Suka saya jelaskan kepada Yang Berhormat, harga ini secara peribadi yang saya nampak adalah harga yang begitu murah bagi masa yang akan datang. Kerananya, ingin saya nyatakan kepada Yang Berhormat, pada hari ini walaupun Tenaga Nasional Berhad membeli tenaga daripada IPP yang menggunakan gas ataupun *coal* lebih kurang harga RM0.15, RM0.16, RM0.17 dan sebagainya tetapi perlu diingat harga yang dibekalkan oleh IPP ini kepada Tenaga Nasional Berhad adalah harga yang dibeli, minyak ataupun gas...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kenapa tak mahu pandang ke sini?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya hendak cerita dekat dia supaya dia nampak muka saya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tentu Dewan pandang ke sini.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Okey, terima kasih. Tuan Pengerusi pun saya hendak cerita dekat dia. Cerita dekat Tuan Pengerusilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Jadi harga yang dibeli, gas yang dibeli IPP ini daripada Petronas adalah RM6.40. Jadi bayangkanlah, harga pasaran gas pada hari ini adalah sekitar kalau ikut *sell and purchase gas* di pasaran antarabangsa adalah lebih kurang RM30 bagi satu unit MMBTU. Maknanya kalau dinaikkanlah harga gas ini ke harga pasaran sudah pasti harga bekalan elektrik yang perlu dibayar kepada Tenaga Nasional kepada IPP ini akan pergi jauh, jauh lebih tinggi daripada harga bekalan elektrik yang akan dihantar oleh Bakun nanti. Apatah lagi harga gas dan juga harga bahan mentah seperti minyak terus meningkat tetapi

sebaliknya jika kita memberi fokus kepada hidro. Hidro ini apabila kita dah buat kita memerlukan belanja selalunya *inertial capital investment* nya iaitu modal permulaannya begitu besar tetapi kos *maintenance* nya rendah. Kemudian kita tidak perlu bimbang dari segi kenaikan harga minyak dan gas.

Ini menguntungkan negara, menguntungkan kita di masa yang akan datang. Begitu juga dengan harga *coal*. Kita masih ingat ketika jana kuasa-jana kuasa di negara ini buat dahulu, kita katakan *coal fire plan* sebagainya. Pada ketika itu harga *coal* di pasaran antarabangsa hanya sekitar USD25 tetapi harga *coal* pada hari ini telah meningkat sampai USD80. Jadi walaupun kita nampak harganya agak tinggi tetapi dari segi Bakun, tetapi sebenarnya yang rendah dari segi gas dan juga *coal* ini adalah kerana bantuan subsidi kerajaan yang begitu banyak kepada rakyat Malaysia. Sebab itu harga elektrik masih rendah tetapi sekiranya nanti, satu masa nanti kerajaan mengizinkan *pass through*, katakanlah selepas ini tidak ada lagi subsidi daripada kerajaan dalam bentuk gas, maknanya Tenaga Nasional Berhad boleh... apabila IPP membeli gas daripada Petronas dengan harga pasaran, maka Tenaga Nasional terpaksa membeli dengan harga yang tinggi sudah pasti harga bekalan elektrik daripada Tenaga Nasional Berhad kepada pengguna juga akan meningkat dengan banyak sekali. Ini satu pemahaman yang perlu difahami oleh semua pengguna-pengguna tenaga elektrik di negara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebab saya minta Yang Berhormat pandang di sini bukan untuk Bera sahaja.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ala Tuan Pengerusi pun tak *handsome* buat apa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: *[Ketawa]*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat cakap siapa? Cakap siapa?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ah? Dia tak ada cakap fasal ini IPP.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya ada cakap fasal Bakun. Saya ada cakap tentang Bakun.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Apa yang *you* mahu tanya?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya mahu tanya sama ada kerajaan mengadakan cadangan untuk mengalirkan arus elektrik daripada Bakun ke Sabah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mungkin belum sampailah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Belum sampailah Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Belum sampai saya sudah cakap tunggulah jawapan daripada saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Kerana Yang Berhormat cakap fasal Bakun. Jadi saya tanya sekarang. Sudah ada jawapan ke?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Belum lagi, belum sampai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Belum sampai.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Okey, okey, I tunggu.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sabar, sabar. Sabar, sabar. Yang Berhormat daripada Bera sekali lagi bangun dan menanyakan tapak pencawang untuk kawasan perumahan. Mengapa diberi percuma tapak pencawang kepada TNB untuk kawasan perumahan? Pada masa ini semua tapak pencawang-pencawang di kawasan perumahan diperolehi daripada pemaju dengan pembayaran nominal lebih kurang RM10 sahaja. Bagi pencawang-pencawang PMU, PPU yang dibina disebabkan ada peningkatan beban di sesuatu kawasan, pihak TNB akan membuat bayaran kepada tuan tanah kerajaan mengikut kadar yang dipersetujui. Kaedah pengurusan tanah adalah mengikut *Land Acquisition Act*. Ini adalah sesuatu yang telah dipersetujui.

Seperkara lagi kerana apabila wujudnya sesuatu kawasan perumahan baru, maka permintaan tenaga elektrik bagi kawasan itu akan meningkat dan sekiranya tenaga terpaksa membayar kos-kos untuk pengambilan tanah dan sebagainya ini daripada pemaju, maka sudah pasti bil elektrik juga tidak dapat dikekalkan pada harga yang kita ada pada hari ini.

Kemudian Yang Berhormat daripada Kota Melaka ada bertanya status terkini laporan *black out* di Penang. Sebenarnya berhubung dengan *black out* di Penang ini, suka saya menyatakan di Dewan ini, mengikut laporan yang diberikan oleh Tenaga Nasional Berhad kepada saya, dia mengatakan bahawa ini merupakan kali pertama berlakunya perkara *black out* yang disebabkan oleh *bus bar* yang berhampiran dengan *city* iaitu satu alat yang menyambungkan antara jana satu dan dua itu untuk disambungkan ke Pulau Pinang terputus *strip*. Akibatnya sebahagian daripada Pulau Pinang itu mengalami masalah bekalan elektrik dan dia juga menyebabkan jana kuasa yang ada di Gelugor itu tidak dapat beroperasi.

■1610

Itu dia kata dan mengikutnya ini adalah kali pertama berlaku di dalam Tenaga Nasional Berhad dan Tenaga Nasional Berhad juga masih lagi sedang membuat penyiasatan bagaimana perkara ini boleh berlaku kerana *bus bar* yang digunakan ini adalah satu *bus bar* yang berkualiti, daripada negara Perancis dan mereka juga mencari jawapan bagaimana perkara ini boleh berlaku, kerana belum pernah berlaku dalam sejarah Tenaga Nasional Berhad.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Itu menurut laporan daripada Tenaga Nasional Berhad. Ini Yang Berhormat bagi Kepong bangun sebab apa?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat bagi Kepong, Tampin pun dia tidak tahu buat apa saya hendak bagi, Tampin bukan dekat Johor Tampin dekat Negeri Sembilan. Hari itu dia kata Tampin dekat Johor.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia hendak tanya perkara berkaitan dengan TNB bukan hendak tanya dekat Tampin.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Kalau dia hendak tanya Tampin dekat mana saya hendak cakap Tampin dekat Negeri Sembilan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya ingat dia ada di Tampoi, saya ingat dia ada di Tampoi.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Okey, okey. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dua perkara dengan TNB Tuan Pengerusi. Yang pertama, walaupun kita tidak tahulah alat daripada Perancis ini berkaitan dengan *trip* yang sentiasa berlaku. TNB ini, *trip* banyak terlalu banyak. Adakah alternatif, sekiranya berlaku *trip*, kalau ikut amalan TNB *trip* di Melakalah, di banyak tempat ada berlaku *trip*. Di kawasan saya tiap-tiap bulan pun kita ada satu, dua *trip*. Adakah alternatif kerana apabila tergendala, sudah menjejaskan lebih separuh daripada negeri Pulau Pinang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, pandang sini.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Yang kedua ini penting sebab di Tampin dan Tampoi ini kadangkala dia kaburlah, itu samar-samar, masalah itu. Walau bagaimanapun, Tampin dengan Singapura tidak jauh sangat. Orang Singapura kerana di Johor itu masalah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, TNB macam mana boleh kaitkan dengan Tampoi atau Tampin?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia sengaja hendak kaitkan dengan Tampin dan Tampoi, bukan saya yang mulakannya. Tuan Pengerusi, saya hendak tanya, penjelasan Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, memang daripada 17,957 megawatt di Semenanjung yang kapasitinya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sekarang hendak berucap atau minta penjelasan?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Bukan, bukan minta penjelasan, kerana kalau saya tidak terangkan sedikit dia pun keliru. Bukan berucap hendak tanya sahaja. Daripada 17,957 megawatt kapasiti kita, daripadanya 67.4% dari IPP penjana bebas. Kita pun pernah adakan rundingan di antara TNB dengan IPP. Kita ada Jawatankuasa Pemandu, Jawatankuasa Teknikal dan selepas itu kita tidak dengar apa-apa rundingan untuk kita hendak kurangkan caj elektrik ini. Caj elektrik, bil itu hendak dikurangkan, tetapi pihak IPP kata kalau kita kurangkan itu memang menjejaskan masalah sektor swasta, saham pun terjejas dan sebagainya.

Jadi apakah Yang Berhormat Tampin tahu, apakah tindakan yang hendak kita ambil selain daripada dia ada ini, Tuan Pengerusi dia memang ada apa yang dipanggil Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) dan apakah keadaan sekarang di antara pihak kerajaan dan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini semua isu baru ataupun?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *No, no* bukan baru ini isu lama, sejak Ogos tahun lepas.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya anggap menteri hanya boleh menjawab tentang perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang bangkitkan IPP sudah dibangkit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau ada bangkitkan mungkin jawapan ada belum sampai sahaja, betul Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dia tidak ada jawapan sekarang. Saya hendak bagi peringatan sahaja. Apakah terjadi sekarang, kedudukan di antara kedua-dua jawatankuasa kita di kementeriannya dengan IPP sekarang. Apakah tindakan selanjutnya?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun... betullah Kepong cakap Tuan Pengerusi, saya bila Kepong bangun saya pun jadi lagi keliru sebab tadi saya sudah cerita dekat Yang Berhormat bagi Kubang Kerian dari segi status runding antara IPP dan juga Tenaga Nasional Berhad. Mungkin dia baru masuk, tetapi saya tidak terkejutlah kalau dia keliru sebab bila saya lihat, saya ada nota-nota yang saya tulis, Yang Berhormat bagi Kepong dia tanya pada hari itu dia tidak ada masuk IPP, dia tanya saya mengenai AMDEC. AMDEC sebenarnya Yang Berhormat bagi Kepong di bawah MOSTI. Lain kali, AMDEC di bawah MOSTI.

Yang Berhormat tanya sekolah bestari, sekolah bestari di bawah Kementerian Pelajaran. Ingat Yang Berhormat! Dua isu ini bukan di bawah kementerian ini tetapi tidak apa, dia ada minat hendak ambil tahu. Saya sudah jelaskan tadi Yang Berhormat bahawa pada hari ini rundingan diteruskan antara Tenaga Nasional Berhad dengan pihak IPP yang mana sebagaimana saya nyatakan ia perlu dilakukan dengan berhati-hati kerana kita juga tidak mahu ada satu tanggapan nanti yang mengatakan bahawa kita di peringkat awal telah bersetuju, kita sudah sains kontrak antara Tenaga Nasional Berhad dengan ini tetapi tiba-tiba kita hendak pindahkan kontrak ini. Ini gambaran yang tidak baik.

Kita juga tidak hendak nanti bila kita kata kita hendak turunkan harga *key pack* yang Tenaga Nasional Berhad kena bayar kepada IPP ini tetapi, yang mana *first generation in agreement* yang hendak tamat lagi tujuh atau lapan tahun ini, kita kena panjangkan terlalu lama yang akhirnya menguntungkan IPP. Kita tidak hendak Yang Berhormat bagi Kepong, sebab itu *we are very careful in attending to this particular issue*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Bagi Puchong pula.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini ada berkaitan dengan kapasiti, *electrical capacity* dalam negara kita. Kalau tidak silap saya ingat semalam atau kelmarin, CEO Tenaga Nasional Berhad pernah menyatakan bahawa mereka ini terpaksa bergantung pada *hydro capacity* daripada Bakun.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ganggu sedikit. Saya hendak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah perkara-perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat dan akan dijawab?

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tidak ini ada berkaitan dengan IPP.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apa sebab ramai yang berucap, seramai 21 orang yang berucap. Kalau perkara-perkara telah dibangkit hanya tunggu jawapan, saya ingin mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat membenarkan Timbalan Menteri menghabiskan jawapan dan selepas itu kalau ada apa-apa yang tidak dapat dijawab perlu minta penjelasan barulah kita bagi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya tidak pastilah benda ini dibangkitkan tidak ada tetapi saya ingat...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau saya benarkan ini buka semula mungkin lagi tiga jam jawapan tidak dapat kita selesaikan untuk kementerian ini.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Tetapi ini penting Tuan Pengerusi, ini penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak kata tidak penting hanya minta Timbalan Menteri, adakah perkara-perkara ini semua ada dalam jawapan Yang Berhormat yang akan diberikan?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih. Kebanyakan perkara-perkara ini sudah dibangkitkan dan dari segi Bakun tadi mungkin Yang Berhormat bagi Puchong tidak ada saya sudah jelaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu sebab semua tadi sudah jelaskan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Saya hendak tanya dia punya kapasiti dia macam mana?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya sudah ceritakan tadi.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Semasa kita ada perbincangan menyatakan bahawa kita ada lebih kurang 40% lebih daripada kapasiti kita dan sekarang hari ini kerana harga minyak naik dan kita terpaksa beralih kepada hidro pula, Bakun pula.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ini saya sudah terangkan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Puchong, tadi semasa apa yang diminta oleh Bera, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah jelaskan tentang Bakun dan sebagainya. Mungkin Yang Berhormat baru masuk.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong apa lagi hendak tanya?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Memang, sambungan kepada jawapan itu, sambungan kepada penjelasan Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat mengatakan pihak mengambil pendekatan untuk tidak akan menjejaskan keadaan ekonomi negara, memang dia cakap macam itu. Dengan demikian saya berpendapat bahawa pihak kementerian tidak mahu runding sekarang, kalau dia runding secara zahir sahajalah. Adakah Yang Berhormat, ini bermakna pihak kementerian akan menumpukan perhatian kepada pembangunan industri bekalan elektrik

dan juga menjalankan tanggungjawab sosial untuk pembangunan sosial ekonomi negara dan bukan untuk merunding bagi mengurangkan caj elektrik kita.

■1620

Memang dia punya pendekatan tadi itu menyatakan dia tidak akan berbuat demikian. Tuan Pengerusi, kadang kala pun kita mesti memberikan peringatan kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya fikir lain hari bila Yang Berhormat ucap, saya pindah kerusi ke belakang sanalah. *[Dewan ketawa]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sekali lagi saya jelaskan kepada Yang Berhormat Kepong, saya tidak katakan kita berhenti rundingan, cuma saya katakan pada hari ini yang meneruskan rundingan adalah antara Tenaga Nasional Berhad sendiri dan juga IPP yang meneruskan rundingan ini. Yang mana kita mahukan rundingan ini dilakukan dengan satu semangat iaitu bagaimana untuk menjaga kemakmuran negara ini, bagaimana untuk memastikan bahawa semua pihak tidak ditindas dan semua pihak boleh mendapat keuntungan yang sepatutnya dalam industri tenaga elektrik ini.

Yang Berhormat daripada Bera menanyakan masalah kerosakan lampu jalan kampung yang lambat diperbaiki. Suka saya nyatakan semua permasalahan gangguan biasanya boleh dilakukan aduan kepada nombor seperti mana yang dinyatakan oleh Bagan tadi 15454. Tempoh pembaikan adalah dalam tempoh yang segera setelah mendapat maklumat tetapi kadang-kadang kelewatan adalah disebabkan oleh TNB tidak mendapat maklumat yang lengkap dari segi lampu jalan yang rosak, kawasan yang tidak dapat dilalui oleh kenderaan Tenaga Nasional Berhad. Bagi projek lampu jalan kampung yang di bawah pembayaran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, kemajuan projek adalah seperti berikut fasa 1 adalah 100% siap, fasa 2 100%, fasa 3 95% siap. Yang Berhormat daripada Seputeh ...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Penjelasan. Yang Berhormat, saya nak minta penjelasan mungkin TNB tidak memberikan gambaran yang sebenar. Adakah kelewatan ini kerana TNB cuba mengurangkan kos dengan itu mengurangkan pekerjaanya. Saya nak beri contoh di kawasan saya, cuma seorang pekerja untuk lampu-lampu jalan, seorang pekerja, seorang pemandu dan sebuah lori sahaja. Sebuah lori untuk menjaga seluruh daerah Bera yang luasnya seluas negeri Melaka. Seorang pemandu yang mungkin tidak mampu menjalankan servis, yang boleh menjalankan servisnya seorang sahaja. Jadi saya takut kerana TNB hendak menunjukkan keuntungan, jadi terpaksa mengurangkan pekerja. Dan kesannya ialah rakyat di bawah menjadi mangsa.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat dari Bera, saya akan melihat perkara ini cuma saya ingin maklumkan mengikut laporan yang diberikan oleh Tenaga Nasional Berhad kepada saya, lazimnya ia mengambil masa tidak lebih dari tiga hari untuk membantu menyelesaikan masalah lampu-lampu jalan yang menghadapi masalah sama ada tidak menyala dan sebagainya. Sekiranya kelewatan berlaku, kadang-kadang seperti mana saya

katakan ada terdapat kawasan-kawasan kampung yang mana masyarakatnya minta diadakan mentol di tiang itu, dibayar RM10 bulan-bulan tetapi bila berlaku kerosakan, Tenaga Nasional Berhad nak pergi sampai ke kawasan ini, kawasan ini tidak ada kemudahan jalan raya, jalan itu tidak masuk. Jadi kren yang bawa *tower* untuk Tenaga Nasional Berhad itu tidak boleh sampai, jadi terpaksa menggunakan perkhidmatan biasa, lori biasa atau kenderaan biasa yang bawa tangga dan ini akan mengambil sedikit masa untuk menyelesaikan masalah kerosakan lampu jalan kampung.

Yang Berhormat daripada Ledang, menanyakan, menjelaskan usaha untuk membangunkan sumber tenaga baru untuk mengurangkan pergantungan kepada bahan api gas. Projek hidro Bakun, berapa kos penyaluran elektrik ke Semenanjung, adakah kos ini ekonomik berbanding pembinaan jana kuasa baru yang boleh dibina di Semenanjung. Saya rasa saya telah menjawab dari segi ekonomi, kita menggunakan hidro pada masa akan datang kalau hendak kita bandingkan dengan gas dan juga arang batu. Kerajaan memang sedang mengambil tindakan untuk membangunkan sumber tenaga alternatif (*renewable energy*) seperti *biomass*, solar dan angin begitu juga sumber hidro. Mengikut perancangan sehingga tahun 2015, kerajaan akan membangunkan projek hidro iaitu Ulu Jerai dan Ulu Terengganu yang mempunyai jumlah kapasiti 600 megawatt. Di samping itu, tindakan sedang dijalankan untuk menghadapi sebarang kemungkinan membangunkan sumber hidro lain dari negeri Sarawak iaitu Balih dan juga di Palagus.

Yang Berhormat daripada Bagan menanyakan dari segi nombor 15454. Semua panggilan melalui 15454 dari mana-mana tempat di Malaysia akan dijawab oleh pusat pengurusan panggilan (*call management center*) yang berada di pejabat TNB di Pulau Pinang, di Kuantan, Johor Bahru atau Petaling Jaya. Kos panggilan melalui telefon talian tetap TM akan dikenakan caj *local call*, jika panggilan dibuat melalui *hand phone*, caj akan dikenakan mengikut caj kadar yang dikenakan oleh *service provider*. Buat masa ini, perkhidmatan SMS juga boleh digunakan, tiada caj dikenakan apabila laporan dibuat melalui SMS. skrg mmg msh bole Yang Berhormat daripada Seputeh ...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya rasa *something is very wrong* dengan izin. Apabila isu dibangkitkan oleh Ahli Parlimen, seolah-olah dijawab oleh Timbalan Menteri adalah pemberian maklumat. Berapakah caj, di manakah pusat, bukan itu isu yang kami bangkitkan. Isu yang kami bangkitkan adalah keperluan untuk menunggu jawapan daripada pihak TNB bahagian aduan apabila kita mendail 15454. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya sendiri pernah mengalaminya. Saya menelefon dia kata *voice mail*, sampai *voice mail*, pukul 8 lebih saya telefon. Orang ramai penduduk bukan kawasan saya, tetapi mereka meminta bantuan

saya, saya telefon sebab bekalan elektrik terputus. Saya telefon, *voice mail* kata, "*Giliran anda adalah ke-21*". Lepas saya letak gagang telefon, telefon lagi 10 minit, "*Giliran anda ke-20*".

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu suara sedaplah.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukan isu itulah Yang Berhormat, kalau hendak berjenaka, kita berjenaka di luar. Yang saya bangkitkan ialah kenapa sedemikian? Sebelum ini tidak ada masalah ini Tuan Pengerusi. Dan juga kalau saya ambil kesempatan untuk bangkitkan, *voice mail* operator, telefon, Telekom juga bila ada perayaan, dia ucap selamat perayaan, baru dia kata "*Panggilan anda ini akan dirakamkan untuk membolehkan kami memperbaiki perkhidmatan*".

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh pergi jadi operator.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Apa ini Tuan Pengerusi? Walaupun ada kaunter di luar, saya telah sampaikan tetapi masih sama sehingga hari ini. Mengapa sedemikian? Apabila kita menelefon operator, operator hanya boleh bagi satu nombor.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukup jelas.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dia kata kalau hendak nombor yang lain, telefon semula. Jadi ini dua isu, bukan kami minta maklumat, kita minta perbaiki perkhidmatan, itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, faham-faham.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat daripada Batu Gajah, Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan bahawa 15454 ini adalah satu kemudahan yang diberikan oleh Tenaga Nasional Berhad. Tidak bermakna jika berlaku kerosakan ataupun berlaku gangguan bekalan tenaga elektrik, Yang Berhormat ataupun mana-mana pelanggan Tenaga Nasional Berhad tidak boleh membuat panggilan itu kepada pejabat Tenaga Nasional Berhad di daerah itu sendiri. Maknanya bukan satu sahajalah ikhtiar, kalau dah tak ada itu, kita kata kita matilah, tidak boleh. Kita kena ikhtiar, tuhan bagi kita otak, kita guna, tak boleh *call* 15454, kita cuba telefon pejabat itu, pejabat itu selalunya ada kakitangan Tenaga Nasional yang bertugas 24 jam. Ini hanyalah satu kemudahan tambahan.

Walau bagaimanapun, sekiranya kemudahan ini tidak lagi mencukupi, maka bagi pihak kementerian saya akan minta Tenaga Nasional Berhad supaya menyiasat semula betul ke Yang Berhormat Batu Gajah ini telefon dapat nombor 30, kena tunggu 30 minit. Saya yakin sekarang ini kalau kita buat panggilan telefon, macam mana suara Yang Berhormat buat tadi "*pet-pet-pet*", dia kata mungkin panggilan ini sentiasanya direkodkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Itu "*pet-pet-pet*", suara tidak sedaplah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Berapa lama Yang Berhormat ini kena tunggu. Ini sebagaimana yang saya katakan, kita boleh perbaiki, kita siasat dan kita perbaiki bagaimana kemudahan-kemudahan ini boleh meningkatkan lagi perkhidmatan tenaga kepada orang ramai.

■1630

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri yang kita bangkitkan adalah kesulitan yang telah diberi oleh TNB dan Telekom. Kalau sebelah sana Telekom dan TNB di bawah bidang kuasa Menteri, Timbalan Menteri kalau ada guna otak...*[Dewan riuh]* Tadi dia kata kita tak guna otak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Banyak kasarlah, banyak kasarlah itu.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tadi dia kata...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ..orang ramai boleh telefon bahagian daerah. Kalau sebelah sana yang menerajui bahagian ini di bawah bidang kuasa kementerian ada menggunakan otak apabila kami membangkitkan perkara ini jelaslah ia adalah satu kesulitan. Ini persoalannya. Kalau ada bagi 15454 untuk kemudahan orang ramai jadikan ia betul-betul satu kemudahan. Itu persoalannya.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya tak tahu hendak cakap Cina saya tak pandai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat dia bukan cakap Cina.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebab saya cakap Melayu dia tak faham. Saya kata ini satu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. saya fikir dia faham tetapi tak memuaskan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya terangkan lagi sekali. Ini satu kemudahan tambahan dan saya katakan tadi sekiranya kemudahan tambahan ini tidak mencukupi kita siasat. Kalau dia kata ada rekod dia panggil lebih daripada 30 minit atau 20 minit kena tunggu kita minta Tenaga Nasional Berhad perbaiki perkhidmatan ini. mudah sahaja. Bukan kita kata kalau tak baik kita biar dia terus tak baik. Kita perbaiki kemudahan perkhidmatan tambahan yang diberikan kepada orang ramai ini tujuannya untuk memudahkan orang ramai. Saya sudah cakap bukan kata kita biarkan dia kalau silap biar silap macam itu. Kita berusaha untuk memperbaiki keadaan. Ini yang hendak kita buat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, 15454 tujuan lima angka adalah untuk memberi kemudahan orang ramai mengingat nombor itu. Sebab itu saya kata ia bukan telah jadi satu kemudahan...

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebab itu saya kata...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ia telah jadi satu kesulitan. Ada fahamkah Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, minta Timbalan Menteri jawablah Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya sambung ya.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Okey.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Timbalan Menteri, saya sambung. Bolehkah menjadikan talian ini sebagai *toll free*. Tak apa kita tunggu setengah jamkah, 20 minitkah jadi *toll free*.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Itu saya kena bincang dahulu dengan Tenaga Nasional Berhad supaya dia bersetuju boleh beri satu perkhidmatan *toll free* kalau ada kerosakan sebagai mana yang hendak dilaporkan oleh Yang Berhormat.

Yang Berhormat Batu Gajah bertanyakan pemotongan bekalan elektrik; adakah usaha di dalam meminda Akta Pemotongan Bekalan Elektrik. Ingin saya nyatakan Tenaga Nasional Berhad tidak boleh sewenang-wenangnya memotong bekalan elektrik di mana-mana rumah kecuali terbukti berlakunya pengusikan meter. Jika disyaki ada kes-kes kesalahan di bawah seksyen 37(2), 37(3) dan 37(14) Akta Bekalan Elektrik 1990, kes kecurian arus KKA satu notis tuntutan *Letter of Demand* akan dikeluarkan kepada pengguna. Pengguna akan diberi tempoh selama 14 hari untuk menjelaskan tuntutan. Jika tiada respons daripada pengguna di dalam tempoh 14 hari yang dinyatakan maka satu notis pemotongan bekalan elektrik akan dikeluarkan kepada pengguna. Walau bagaimanapun, jika pengguna memohon secara bertulis selepas menerima notis tuntutan pengguna akan dijemput untuk mengadakan rundingan dan ianya boleh dianggap sebagai rayuan pengguna.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat daripada Batu Gajah...

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: [Bangun]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: ...Bagan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Berkenaan dengan kecurian ini siapa yang boleh menentukan sama ada pihak TNB betul atau pelanggan betul. Dia kata saya curi, saya kata saya tak ada curi. Jadi siapa boleh jadi *arbitration* atau boleh bawa kes ini ke mahkamah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Bagan. Lazimnya kes-kes yang mana Tenaga Nasional Berhad menyatakan bahawa ada gangguan atau usik meter ini lazimnya Tenaga Nasional Berhad akan datang bersama dengan gambar-gambar dan bukti-bukti yang kukuh. Terdapat satu atau dua kes yang dibawa kalau tidak silap saya Yang Berhormat Bukit Mertajam yang mula-mulanya kata tidak ada gangguan usikan meter tetapi bila disiasat oleh Tenaga Nasional Berhad dengan bukti-bukti gambar akhirnya pihak itu mengaku sebenarnya ada berlaku usikan meter dan sebagainya. Ini setelah ditunjukkan bukti-bukti. Ini

menunjukkan bahawa Tenaga Nasional Berhad juga tidak ada niat untuk menganiaya mana-mana pihak.

Walau bagaimanapun, sekiranya pihak pengguna dan Tenaga Nasional Berhad tidak mendapat penyelesaian, maka boleh dibawa rundingan kepada Suruhanjaya Tenaga untuk menjadi sebagai orang tengah untuk menyelesaikan masalah ini. Sekiranya masih lagi tidak bersetuju maka terpulanglah kepada pengguna untuk membawanya ke mahkamah untuk penyelesaian dan sebagainya.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih. Adakah pihak kerajaan boleh menimbang supaya menubuhkan satu tribunal seperti *consumer tribunal*, *tribunal housing* seperti itu supaya ada apa-apa kerunsingan ini boleh dirujuk kepada tribunal dan tak perlu pergi ke mahkamah untuk tunggu masa yang lama.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat dari Bagan. Buat masa ini kementerian belum bercadang untuk mengadakan satu tribunal khas berhubung dengan perkara ini. Sebagai mana yang saya katakan sekiranya berlaku perkara ini kita boleh meminta pandangan dan nasihat daripada *Energy Commission* dan sekiranya tak dapat diselesaikan, maka terpulang kepada pengguna untuk dibawa ke mahkamah. Namun, di masa akan datang tidak mustahil jika kita ada juga satu tribunal untuk menjaga kepentingan orang ramai. Terima kasih. Yang Berhormat daripada...

Datuk Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Yang Berhormat, sekejap.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Masa sudah suntuk. Kita sudah lama pasal isu ini. Banyak lagi soalan isu Batu Gajah. Isu jana kuasa arang batu Lahad Datu. Ingin saya nyatakan teknologi jana kuasa arang batu Lahad Datu menggunakan '*clean cold technology*' secara perbandingan *emission standard* dan kesimpulannya pula teknologi jana kuasa arang batu Lahad Datu tidak mencemarkan alam sekitar dan ianya terlebih dahulu perlu mendapatkan kelulusan EIA dan kita juga standard yang digunakan oleh EIA ini memenuhi WHO (*World Health Organization*). Ini yang kita lakukan di negara ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri macam mana *clean* pun dia masih ada partikel yang masuk ke dalam *atmosphere* alam sekitar dan merosakkan alam sekitar kerana loji itu berada selama 20 hingga 30 tahun tentu seluruh tempat itu *environment* itu akan rosak. Jadi adakah ini bercanggah dengan pendirian kerajaan yang ingin menyokong tentang usul-usul *climate change* dan sebagainya. Kalau kita ada loji arang batu seperti ini bukankah ini bercanggah dengan dasar kerajaan?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, pertamanya saya ingin menyatakan kita tidak bercanggah dengan dasar kerajaan dan bila dikatakan '*clean cold*' yang paling pentingnya kita memenuhi spesifikasi yang telah diputuskan oleh EIA yang ada di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Kalau kita sendiri sebagai agensi yang ada bawah kerajaan seperti Tenaga Nasional Berhad kalau kita sendiri tidak yakin dengan keputusan

daripada EIA Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar baik kita cadangkan tutup Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Sebab itu Yang Berhormat perlu ada keyakinan. Keyakinan bahawa keputusan laporan yang diberikan oleh EIA ini nanti oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengambil kira semua pandangan sebagai mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Seputeh tadi.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Mengenai loji ini saya ingin tahu apakah kedudukan laporan EIA, apakah ia telah disediakan dan juga untuk loji di Manjung dan apabila telah siap adakah dia akan diberi untuk maklumat umum dan sejauh mana pihak kementerian telah membuat *consultancy* dengan organisasi pencinta alam berkenaan pembinaan loji-loji ini. Bolehkah pihak kementerian memberi satu statistik apakah keperluan *demand and supply* sehinggakan keperluan kementerian ini untuk mengadakan kedua-dua loji ini. Apakah ada kajian impak persendirian oleh pihak kementerian ke atas *eco-tourism* di persekitaran Lahad Datu ini apabila loji ini telah dibina.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat dari Batu Gajah. Sekali lagi saya katakan bahawa saya tidak ada data yang khusus berhubung dengan itu. Cuma yang boleh saya tegaskan sekali lagi bahawa kementerian tidak sekali-kali akan membenarkan Tenaga Nasional Berhad melaksanakan projek ini sekiranya ia tidak mematuhi garis panduan-garis panduan EIA yang ditetapkan oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Malahan dari segi *detailnya* tidak ada pada saya.

■1640

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Boleh Yang Berhormat Menteri bagi satu jawapan bertulis, kedudukan EIA *report*, apakah kandungannya?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya akan sertakan maklumat-maklumat yang boleh saya dapati kepada Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat, ini adalah perlu kerana SCSB di Sabah, mereka membuat kenyataan seolah-olah projek ini akan diteruskan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, Yang Berhormat, suka saya nyatakan. Sebelum saya jawab pun, kalau Yang Berhormat hendak tanya, Yang Berhormat tunggulah Tuan Pengerusi bagi laluan. Kita..

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Yang Berhormat popular. Di kalangan perempuan, sangat popular.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Kalau macam pasar malam, susahlah, ya. Yang Berhormat bagi Kota Melaka, bertanyakan dari segi caj pembedaan yang dimasukkan ke dalam bil air seksyen 86 Industri Perkhidmatan Air. Tunggakan caj pembedaan sebelum pelaksanaan bil bersepadu air dan pembedaan tidak akan dimasukkan ke dalam bil bersepadu. Walau bagaimanapun pelanggan yang mempunyai tunggakan perlu membayarnya secara berasingan

kepada IWK. Bil bersepadu air dan pemetungan adalah sejajar dengan dasar kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan air dan pemetungan yang lebih efektif dan efisien.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka juga bertanyakan kesan seksyen 86 ke atas premis-premis yang menggunakan tangki septik yang tidak diberi perkhidmatan pemetungan tangki septik tetapi terpaksa membayar caj pemetungan. Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 akan dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2008. Mulai tarikh ini, IWK tidak akan bertanggung jawab untuk menyediakan perkhidmatan pemetungan tangki septik secara berjadual, pemilik premis yang menggunakan tangki septik adalah bertanggung jawab untuk memastikan tangki septik disenggara dengan sempurna. Pemilik mempunyai pilihan untuk melantik kontraktor-kontraktor yang memegang permit yang dikeluarkan oleh SPAN atau IWK untuk menyediakan perkhidmatan pengosongan tangki septik. Oleh sebab IWK tidak bertanggung jawab untuk memberi perkhidmatan pemetungan tangki septik berjadual, tiada caj pemetungan akan dikenakan oleh IWK.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka juga bertanyakan seksyen 86, Akta Industri Perkhidmatan Air yang membenarkan pemotongan bekalan air dibuat jika bil pemetungan tidak dibayar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat hampir kesemua air yang diambil untuk dilepaskan adalah akan dilepaskan semula ke sistem pemetungan. Pemotongan sistem pemetungan tidak dapat dilaksanakan tanpa mendatangkan masalah kepada pemilik premis yang tidak membayar bil pemetungan. Adalah lebih mudah memotong bekalan air bagi pemilik-pemilik yang tidak menjelaskan bil pemetungan. Maknanya Yang Berhormat Kota Melaka, bahawa mana-mana caj tertunggak IWK tidak akan dimasukkan secara terus dalam bil air nanti. Cuma satu ketika nanti, apabila industri air dan industri pemetungan ini disatukan, maka ketika itulah bil-bil air dan bil pemetungan ini akan disatukan. Maknanya caj-caj tertunggak pada hari ini tidak akan dibawa tetapi mereka masih lagi bertanggung jawab untuk membayar caj-caj tertunggak ini kepada IWK. Ini yang dilakukan di masa akan datang.

Tuan Wong Nai Chee [Kota Melaka]: Yang Berhormat boleh minta penjelasan? Tuan Pengerusi, saya tahu kesan undang-undang iaitu dia mempunyai kesan perspektif, dia tidak ada kesan retrospektif. Saya boleh faham. Cuma apabila kita melaksanakan seksyen 86 ini, ia tidak akan menyelesaikan pertikaian tetapi ia akan menjadikan pertikaian di antara IWK dengan pengguna itu lagi meruncing. Kerana buat masa kini, masalah dia bukan dalam isu *central sewage plan*, tetapi masalahnya ialah melibatkan *septic tank* individu. *Septic tank* individu yang mana pengguna-pengguna tidak mahu perkhidmatan daripada IWK tetapi mereka lebih rela untuk melantik kontraktor-kontraktor yang biasa. Jadi jika kita terus masukkan bil IWK, suka tidak suka, dan ini secara tidak langsung kita akan memaksa pengguna-pengguna untuk terus membayar bil IWK. Jadi ini, *we are actually going through the back door*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kota Melaka. Di sini saya ingin jelaskan bahawa bagi pengguna-pengguna *septic tank individual*, terpulung kepada mereka sama ada mereka ingin menggunakan perkhidmatan IWK ataupun kontraktor-kontraktor yang telah diberi permit nanti oleh SPAN pada tahun hadapan. Bagi yang dimaksudkan akan dikenakan bil bersama ini adalah pengguna-pengguna yang menggunakan *central septic*. Ini yang kena faham.

Ada perbezaan di sana. Bagi mereka-mereka yang menggunakan individual, mereka boleh menggunakan kontraktor-kontraktor yang mempunyai permit yang dikeluarkan oleh SPAN tetapi akhirnya kontraktor-kontraktor ini terpaksa membuang hasil-hasil yang telah mereka ambil, *dislodge* di tangki-tangki kepunyaan air IWK atau mana-mana tangki-tangki lain yang mendapat kebenaran daripada pihak SPAN sendiri. Ini yang akan berlaku. Jadi Yang Berhormat tidak perlu bimbang dari segi bil itu datang *together* ataupun tidak? Terima kasih. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Kuala Krau bertanyakan mengapakah kawasan kampung yang berdekatan dengan loji air Batu Sawar tidak mendapat bekalan daripada loji berkenaan? Loji air Batu Sawar membekalkan air ke kawasan FELDA manakala bagi perkampungan di sekitar Loji Air Batu Sawar mendapat air dari punca yang lain dari Loji Lubuk Sawah, Temerloh. Perancangan telah dibuat oleh JBA Pahang untuk menyambung bekalan bagi kawasan kampung tersebut dengan rangkaian bekalan air yang dibekalkan oleh loji air Batu Sawar yang dijangka siap pada tahun 2008.

Yang Berhormat bagi Kuala Krau juga bertanyakan berapakah kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pahang akibat daripada kebocoran paip air pada tahun 2005 sebanyak 48.2% air bersih yang dihasilkan dari loji air seluruh Pahang telah hilang manakala tahun 2006 pula adalah sebanyak 46.37%. Kehilangan air ini boleh ditafsirkan kerugian sebanyak RM69.2 juta bagi tahun 2006 kerana kos penghasilan air terawat bagi negeri Pahang adalah sebanyak 58.3 sen semeter padu. Yang Berhormat bagi Maran bertanyakan apakah jaminan kerajaan supaya tidak timbul masalah bekalan air di negeri Pahang. Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sebanyak RM674.3 juta kepada negeri Pahang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi projek-projek penukaran paip, naik taraf loji dan naik taraf sistem agihan air. Peruntukan ini dijangka dapat mengatasi masalah gangguan bekalan air di negeri Pahang sekiranya dirancang dengan teliti.

Yang Berhormat bagi Larut bertanyakan projek penyaluran air mentah Pahang ke Selangor. Terdapat pengambilan tanah di mana ada tanah yang diambil tetapi masih kena bayar cukai tanah. Memohon perlindungan kepada peneroka FELDA dan Orang Asli. Tidak puas hati dengan pampasan. Setakat bayaran pampasan, ke mana mereka hendak pergi dan tidak ada lagi hutan-hutan dan kayu akar. Isu tidak puas hati dengan kadar pampasan berikutan tuntutan di mahkamah oleh peneroka-peneroka FELDA Lembah Krau masih dalam tindakan mahkamah

dan sebarang komen boleh menyebabkan *subjudice* terhadap kes tersebut. Untuk makluman, sehingga kini belum ada penilaian terhadap tanah-tanah yang akan diambil balik, namun demikian peneroka telah menuntut nilai pampasan yang jauh melebihi nilai pasaran.

Untuk makluman juga, pelaksanaan bagi pengambilan balik tanah masih di peringkat permohonan. Masyarakat Orang Asli di kawasan projek yang terlibat adalah dari suku kaum Temuan dan sungai Temir dan berjumlah 112 keluarga dan setiap keluarga akan dipindahkan ke rumah kediaman baru diberi lot tanah ekonomi untuk mengusahakannya. Pampasan lain berupa bayaran ganti rugi, tanaman dan pokok-pokok serta akar kayu juga diberi kepada mereka yang terlibat.

Suka saya nyatakan di dalam Dewan ini bahawa Orang Asli tidak pernah dipinggirkan apabila projek ini hendak dilaksanakan. Yang mana antaranya kerajaan memberi mereka lot ekonomi iaitu sama ada getah atau kelapa sawit di samping itu kawasan untuk tempat tinggal dan kawasan untuk mereka bergerak-gerak ataupun untuk mencari tumbuhan, akar kayu dan sebagainya yang berada di kawasan penempatan baru yang bakal disediakan kepada mereka.

■ 1650

Yang Berhormat dari Kuala Krau menanyakan berapakah kos keseluruhan projek bagi pemindahan air daripada Pahang Ke Selangor. Berapakah dan bilakah bayaran oleh Selangor kepada Pahang akan mula dibayar, apakah jajaran yang terlibat pada projek penyaluran air mentah ini. Untuk makluman, projek ini melibatkan empat komponen utama yang terdiri dari satu terowong penyaluran air dari Karak ke Hulu Langat sejauh 44.6 kilometer yang nilainya RM1,934,000,000.00. Empangan Klau yang nilainya RM281 juta, muka sauk dan rumah pam, saluran paip berkembar sepanjang 11.8 kilometer dan jumlahnya RM756 juta dan kos perunding pengambilan tanah penempatan semula dianggarkan RM970 juta yang mana keseluruhannya adalah sebanyak RM3,935 juta ataupun RM3.935 bilion.

Kos keluaran projek adalah sebanyak RM3,935 juta, pembinaan terowong dijangka bermula pada Jun 2008 manakala lain-lain komponen dijangka bermula pada Ogos 2009 dan dijangka siap pada pertengahan 2013. Jumlah bayaran bagi setiap meter padu adalah sebanyak RM0.10 dan akan mula dibayar setelah penyaluran telah dibuat dan kos ini hanya bagi kos air mentah dan tidak termasuk kos operasi dan penyelenggaraan. Penyaluran air mentah dari Pahang ke Hulu Selangor di Selangor seterusnya akan diproses di loji pembersihan di sebelah Selangor untuk diagihkan di sekitar Selangor.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, adakah...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ... saya hendak tanya dari segi syarikat yang mendapat konsesi tersebut. Akan diswastakan?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Konsesi mana?

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Untuk menjual air ke Selangor ini, syarikat yang menguruskannya, adakah ianya diswastakan ataupun pihak kerajaan negeri yang akan kendalikan?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Untuk pengetahuan Yang Berhormat ini adalah antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Negeri Pahang sebagaimana yang dimeterai kira-kira tiga hari yang lalu. Yang Berhormat Hulu Langat.

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan sama ada keputusan untuk membekalkan air mentah dari Negeri Pahang ke Negeri Selangor masuk ke kawasan Hulu Langat ini kaedahnya telah dimuktamadkan iaitu dengan cara terowong bawah tanah dan adakah satu kaedah lain boleh dipertimbangkan misalnya dengan menggunakan saluran paip di atas permukaan bumi dan sebahagiannya melalui terowong-terowong yang tidak keseluruhannya melalui terowong bawah tanah yang dikatakan hampir satu kilometer di bawah permukaan bumi. Saya diberitahu bahawa kos untuk kaedah yang saya sebutkan tadi jauh lebih murah tidak pun sampai RM3.935 bilion seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan kalau itu dapat diijamatkan, sudah tentu ia akan mengurangkan kos yang kemudiannya nanti akan ditanggung oleh pengguna-pengguna air dan termasuk Kerajaan Negeri Selangor juga. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat supaya kosnya direndahkan dan sebenarnya terowong ini merupakan jalan terbaik hari ini di mana pada hari ini kita di peringkat mengenal pasti kontraktor-kontraktor mana yang layak. Memang separuh daripada projek ini sebenarnya merupakan paip di muka bumi. Terowong itu hanyalah apabila untuk melalui banjaran Titiwangsa...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bera Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: .. yang panjangnya lebih kurang 40.6 kilometer panjang yang lainnya digunakan paip di atas muka bumi.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya masih keliru tentang pihak yang akan menguruskan air dari Pahang ke Selangor. Yang Berhormat kata negeri dengan negeri. Setahu saya mulai tahun hadapan negeri tidak lagi akan menguruskan penjualan air. Negeri hanya menjual air mentah kerana itu adalah persetujuan di bawah SPAN nanti bahawa negeri tidak ada kuasa lagi untuk menguruskan air selepas daripada punca air. Maknanya Pahang cuma menjual air mentah, tetapi yang menguruskan selepas itu, hendak menghantar dan sebagainya. Saya rasa bukan kerajaan negeri, tentu pihak lain. Yang saya hendak tahu adakah ianya merupakan syarikat, kalau syarikat yang dipilih, apakah syarikat tersebut, tentu pihak kerajaan sudah tahu syarikat tersebut sebab seperti Yang Berhormat kata ianya akan bermula 2008. Bermakna tentu sudah ada syarikatnya, 2008 tidak lama lagi.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat, di sini saya jelaskan bila SPAN bermula tugas, SPAN tidak sekali-kali menjadi ataupun menjadi syarikat yang menjalankan operasi pengendalian bekalan air bagi mana-mana negara. Cuma SPAN merupakan satu badan kawal selia. Maka Negeri Pahang mereka akan mengkorporatkan bekalan air Negeri Pahang. Maka syarikat yang dikorporatkan ini yang mana saya yakin majoritinya adalah kepunyaan Kerajaan Negeri Pahang ialah akan menjadi sebagai *front liner* bagi urusan bekalan air bagi Negeri Pahang dan ia juga akan menjadi *front liner* untuk menjaga urusan perniagaan bekalan air mentah antara Negeri Pahang dan Negeri Selangor. Bukan Kerajaan Negeri tetapi syarikat bekalan air Pahang yang dikorporatkan yang mana majoritinya dipegang oleh Kerajaan Negeri kerana SPAN bukanlah satu identiti operator yang menjalankan perniagaan. Cuma ia menjadi *regulator* untuk seluruh syarikat-syarikat yang membekalkan bekalan air di negara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan. Apa yang saya timbulkan cuma, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang 10 sen bagi setiap meter padu. Saya tanya adakah Yang Berhormat ada maklumat terhadap berapakah anggaran yang telah dipersetujui akan dibekalkan air mentah dari Negeri Pahang ke Negeri Selangor pada setiap hari? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, saya tidak ada maklumat pada masa ini, saya akan berikan kepada Yang Berhormat selepas ini dari segi jumlah berapa hari hendak diambil dari Negeri Pahang dan saya yakin jumlahnya akan berubah dari masa ke semasa, terima kasih. Untuk pengetahuan daripada Yang Berhormat Kuala Krau juga 10 sen ini adalah perjanjian yang dipersetujui antara kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Selangor dan ia boleh dibuat *review* ataupun semakan semula selepas setiap lima tahun, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bangun]

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Hendak bagi mana Yang Berhormat, Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih ya.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Hulu Langat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hulu Langat, Seputeh sila duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Mengeluh] Ladies first ma...

Dato' Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Sekejaplah Seputeh sabar-sabar. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mendapat tahu, selepas air ini dibekalkan daripada Negeri Pahang dan dirawat di kawasan Hulu Langat, saya ingin mendapat penjelasan di manakah pusat logi rawatan ini akan diadakan kerana saya bimbang masalah yang berterusan di kawasan Parlimen Hulu Langat akan berterusan walaupun kita mendapat bekalan air mentah yang lebih banyak daripada Negeri Pahang. Sekarang ini di

kawasan Parlimen Hulu Langat pun sudah ada dua empangan yang cukup besar, empangan Semenyih dan Empangan Ponsun, tetapi sebahagian daripada pembekal air mentah ini di kawasan saya sendiri, di sebahagian kawasan Dewan Undangan Negeri Dusun Tua tidak mempunyai bekalan air yang dirawat.

Alasannya kerana pusat loji bekalan air ini diletakkan jauh di bawah di sekitar Cheras dan sebagainya. Apabila rawatan ini dibuat ia tidak boleh dipamkan balik ke kawasan yang lebih tinggi di kawasan-kawasan pedalaman, di kawasan-kawasan hulu sungai dan sehingga sekarang masih terdapat lagi perkampungan dalam kawasan Hulu Langat yang tidak mendapat air yang dirawat dan akhirnya untuk tujuan kegunaan harian, orang-orang kampung ini menggunakan air yang diturunkan daripada bukit secara tradisional. Kita masih lagi banyak membekalkan poly-poly paip untuk tujuan kegunaan masyarakat kampung. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat sama ada dengan adanya bekalan air mentah daripada negeri Pahang ini masalah ini boleh diselesaikan di peringkat kawasan Parlimen saya sendiri, terima kasih Yang Berhormat.

■ 1700

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau boleh habiskan jawapan Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Hulu Langat. Saya ingin nyatakan bahawa loji rawatan ini akan didirikan di kawasan Yang Berhormat di Hulu Langat.

Sebagaimana yang saya jelaskan kepada Yang Berhormat bagi Bera tadi bahawa SPAN ia tidak bertanggungjawab dari segi segala bekalan air. Ia hanya *regulatory body*, tetapi ia akan berbincang dengan Kerajaan Negeri Selangor atau pembekal air negeri Selangor iaitu bagaimana untuk memastikan bahawa seluruh kawasan negeri Selangor ini mendapat mutu bekalan air yang baik kerana kadang-kadang orang masih lagi keliru dan *confuse*, orang ingat bahawa bila SPAN yang ada kuasa untuk menjadi operator kepada bekalan air. SPAN hanyalah satu badan suruhanjaya yang mengendalikan segala *player-player* ataupun pemain-pemain dalam industri air ini.

Saya yakin dengan adanya bekalan air daripada Pahang ke Selangor ini sudah pasti kawasan Yang Berhormat merupakan loji *treatment* air ini yang utama akan dapat membantu menyelesaikan masalah Yang Berhormat di Hulu Langat. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, bagi jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Seputeh ringkas saja.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ringkas, ringkas. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah kementerian pernah fikir untuk ambil air dari negeri Perak

dan bukan dari negeri Pahang memandangkan Menteri Besar Perak mengatakan bahawa air di negeri itu lebih murah?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sahaja kita dengar ada air daripada mana-mana negeri yang kata murah kita pasti akan buat satu kajian. Ini termasuklah kajian yang mana mengatakan ada air bawah tanah di negeri Perak sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Menteri Besar Perak baru-baru ini. Maka kementerian ini telah meminta pihak yang bertanggungjawab supaya membuat kajian berapa banyakkah kapasiti air yang ada di bawah tanah. Kita tak nak kita rasa ada air bawah tanah, kita pasang paip yang kita belanja begitu banyak daripada Perak sampai ke Selangor, kita buat paip besar, pasang enam bulan air daripada Perak pun sudah kering, nanti kosong. Kita tak nak membazir macam itu, besok Yang Berhormat menjerit lagi dalam Dewan ini. Kita tak nak Yang Berhormat menjerit tidak tentu fasal sebab Yang Berhormat kadang-kadang kuat menjerit.

Yang Berhormat daripada Bera menanyakan berapakah jumlah pinjaman oleh Kerajaan Negeri Pahang bagi projek bekalan air setakat ini dan bilakah penukaran paip lama dan loji rawatan air akan dibuat.

Negeri Pahang telah diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM693 juta iaitu 15.3% daripada keseluruhan peruntukan sektor air. Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM687.3 juta iaitu 64% dari peruntukan keseluruhan sektor air, jumlah hutang setakat 31 Disember 2006 ini adalah RM1.26 bilion.

Bilakah penukaran paip lama dan loji rawatan ini akan dibuat, peruntukan di atas sememangnya merangkumi projek penukaran paip-paip lama, naik taraf loji rawatan air dan projek-projek baru bekalan air seluruh negeri Pahang. Ianya tertakluk kepada program kerja yang dirancang sendiri oleh Jabatan Bekalan Air Pahang. Program-program ini sedang berjalan dan berterusan.

Yang Berhormat daripada Tuaran menanyakan pembedungan di Pekan Tamparuli masih belum dibina dan bilakah ia akan dibina. Peruntukan untuk pembangunan sistem pembedungan di negeri Sabah adalah dalam bentuk pinjaman oleh Kerajaan Persekutuan, sejumlah RM272.7 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Cadangan projek-projek pembedungan disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah dan dilaksanakan berperingkat. Untuk sistem pembedungan bagi Pekan Tamparuli sejumlah peruntukan syiling RM21 juta telah disediakan dan akan mula dilaksanakan setelah prosedur tawaran tender dipersetujui.

Yang Berhormat daripada Serdang menanyakan apakah langkah-langkah kementerian bagi membaik pulih loji-loji rawatan kumbahan. Sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah peruntukan RM207 juta bagi kerja-kerja membaik pulih sistem pembedungan di negara ini. Program membaik pulih ini dijalankan berperingkat-peringkat Yang Berhormat dan kosnya amat tinggi. Sehingga kini sejumlah 285 buah loji kumbahan telah dibaik pulih dan kerja-

kerja ini akan berterusan. Saya mengharapkan Yang Berhormat faham bahawa ia tidak boleh disiapkan dalam masa setahun kerana belanjanya terlalu tinggi untuk membaik pulih loji-loji ini.

Yang Berhormat daripada Serdang juga menanyakan aduan perkhidmatan pemetungan tangki septik di Taman Bangi Permai, Bandar Baru Bangi. Sehingga kini IWK telah menyediakan perkhidmatan pemetungan tangki septik berjadual ke atas 31 buah rumah di taman ini sejak tahun 1996. Walau bagaimanapun, banyak rumah di kawasan ini enggan menerima perkhidmatan pemetungan tangki septik berjadual yang ditawarkan.

Bagi premis yang dikenakan caj pemetungan, tidak menerima perkhidmatan pemetungan tangki septik, IWK akan membatalkan caj pemetungan yang dikenakan. Pelanggan boleh berhubung dengan IWK untuk menyelesaikan masalah ini di talian 1-800-88-3495. Ini tol *free number*.

Yang Berhormat daripada Tuaran mencadangkan agar kerajaan menumpukan bekalan air di kawasan pertumbuhan baru seperti kawasan pelancongan di Kundasang. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, bekalan air Kundasang telah diperuntukkan RM10 juta. Sekarang ianya dalam peringkat proses pelantikan konsultant bagi menjalankan kajian dan reka bentuk. Projek ini dijangka bermula Jun 2008 dan siap pada tahun 2010.

Yang Berhormat Larut menanyakan beliau difahamkan peruntukan lebih kurang RM600,000 telah diluluskan oleh projek bekalan air bersih kampung Tersusun Redang Panjang, Taiping. Beliau ingin tahu status projek ini. Pihak AAD telah memaklumkan bahawa projek ini adalah di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Peruntukan telah diluluskan dan perunding telah dilantik oleh Kementerian Luar Bandar dan begitu juga kontraktor. Sekarang ini dalam peringkat reka bentuk dan dijangka projek akan dimulakan pada awal tahun 2008.

Lembaga Air Perak hanya akan mengambil alih setelah projek disiapkan sepenuhnya oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Boleh tanya sikit Yang Berhormat? Saya ingat maklumat dapat itu mungkin tidak betul daripada Lembaga Air kerana maksud saya tadi ialah segala barang-barang semua sudah ada. Cuma kenapa penyelarasan tidak ada di antara kontraktor dengan jururunding dengan pihak Lembaga Air. Mereka sepatutnya telah memulakan projek ini bila-bila masa cuma saya bertanyakan tadi kenapa tidak ada penyelarasan di antara perunding kontraktor dengan pihak lembaga itu sahaja. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih daripada Yang Berhormat Larut. Saya akan semak perkara ini kerana mengikut laporan daripada pegawai projek ini baru di peringkat akhir reka bentuk, sedangkan Yang Berhormat katakan bahan-bahan binaan telah dihantar ke tapak pembinaan. Jadi saya akan siasat dan saya akan kemukakan semula pada Yang Berhormat.

Yang Berhormat daripada Puchong menanyakan adakah SYABAS dapat melonggarkan syarat 100% persetujuan daripada penghuni apartmen sebagai syarat pertukaran kepada meter pukal kepada meter individu. Masalah yang sering dihadapi oleh operator air ialah keengganan sebilangan penghuni-penghuni apartmen ataupun kondominium untuk menjelaskan bil air. Oleh sebab itu di bawah garis panduan pemasangan meter individu, pihak SYABAS telah mensyaratkan di mana kelulusan daripada penghuni apartmen perlu diperoleh terlebih dahulu dalam permohonan pemasangan meter individu dipertimbangkan.

Ini penting kerana penggunaan air juga diperlukan untuk kawasan-kawasan guna sama di kondominium berkenaan. Walau bagaimanapun pihak kementerian telah dimaklumkan bahawa pihak SYABAS bersedia untuk melonggarkan syarat berkenaan sebagaimana yang diminta oleh Yang Berhormat daripada Puchong.

Yang Berhormat daripada Puchong juga menanyakan apakah kerajaan bercadang untuk menswastakan semula IWK. Pada masa sekarang kerajaan tidak mempunyai apa-apa hasrat untuk menswastakan semula IWK. Walau bagaimanapun di bawah penstrukturan semula industri perkhidmatan air negara adalah menjadi hasrat kementerian untuk mengintegrasikan sektor air dan pembedungan di dalam satu *value chain*. Ini adalah selari dengan dasar semasa kerajaan untuk memastikan industri perkhidmatan air negara di Malaysia diuruskan secara holistik dengan menggabungkan kedua-dua sektor ini dan air dan pembedungan.

Yang Berhormat daripada Puchong menanyakan apakah rancangan kementerian ke atas kolam-kolam oksidasi yang masih terdapat di negara ini. Kolam oksidasi merupakan salah satu jenis sistem pembedungan di negara ini. Sistem ini diperkenalkan pada tahun 70-an dan 80-an kerana ianya mudah diselenggarakan di mana pada ketika itu pihak berkuasa tempatan tidak mempunyai kemampuan teknikal untuk selenggara sistem pembedungan bermekanikal. Pada masa ini tiada lagi kolam oksidasi baru yang dibina. Kolam oksidasi yang sedia ada sedang dinaik taraf secara berperingkat-peringkat sebagaimana yang saya nyatakan kepada Yang Berhormat daripada Serdang sebentar tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habis Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebentar. Yang Berhormat daripada Ipoh Timor, mengapa kerap berlaku pemotongan bekalan air selepas SYABAS mengambil alih air di Selangor dan di Putrajaya dan apakah tindakan kementerian seperti mengeluarkan arahan kepada pihak SYABAS untuk memastikan caj penyambungan semula tidak membebankan golongan berpendapatan rendah.

■1710

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Ipoh Timor, pemotongan bekalan air oleh SYABAS adalah dijalankan selari dengan peruntukan di bawah Enakmen Air Selangor. Akan tetapi sebelum tindakan pemotongan dijalankan, lazimnya penghuni akan diberikan notis dan peringatan terlebih dahulu untuk menjelaskan bil air, malah tatacara pembayaran bil air telah

dipermudahkan dan boleh dijelaskan melalui SMS. Malah pihak SYABAS bersedia untuk mempertimbangkan bayaran bil air secara ansuran kepada golongan berpendapatan rendah. Oleh itu para pengguna juga perlu memberikan kerjasama untuk memastikan bil air dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan agar bekalan air tidak terjejas.

Mengenai caj penyambungan semula yang dikatakan membebankan, ingin dimaklumkan bahawa kementerian dalam kaedah dan peraturan pelesenan yang telah digubal, caj ini akan diseragamkan di seluruh negara. Kementerian akan memastikan caj berkenaan adalah berpatutan dan tidak membebankan pihak pengguna.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Silakan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ini adalah satu zaman CSR (*corporate social responsibility*) untuk semua koperasi-koperasi. Selaras dengan komitmen ini, adakah kerajaan akan cadang kepada SYABAS, khasnya untuk golongan yang berpendapatan rendah dan miskin bahawa melarang apa-apa tindakan untuk memotong perkhidmatan air oleh kerana ia adalah satu *basic need* yang tidak boleh dielakkan. Keperluan-keperluan lain boleh dipilih untuk mahu atau tidak mahu tetapi air tidak boleh dipilih. Ini adalah *human need*. Untuk golongan yang miskin, SYABAS tidak akan memotong apa-apa bekalan, sebaliknya sebagai *corporate social responsibility* akan ambil alih tanggungjawab supaya boleh memberi bekalan itu. Kalau ada satu garis panduan yang baru, ini kita boleh kata ini satu *caring society*, satu *caring* kerajaan. Adakah kerajaan rela untuk membuat satu pendekatan yang baru dalam perkara ini?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Ipoh Timor. Pertamanya saya ingin mengatakan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa air ataupun *water* adalah *basic need* bagi semua orang, tetapi dari segi pemotongan ini sebenarnya SYABAS tidaklah boleh membuat pemotongan yang sewenang-wenangnya. Lazimnya mereka akan mengeluarkan surat amaran. Ditambah daripada itu kadang-kadang yang tidak buat pembayaran ini adalah golongan yang mampu sebenarnya. Kalau terdapat golongan-golongan yang benar-benar tidak mampu membuat pembayaran, maka mereka boleh berjumpa dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan sebagainya, untuk membantu bagaimana untuk menyelesaikan masalah-masalah ini dan sekiranya bekerjasama, saya yakin Kerajaan Negeri Selangor juga akan berusaha untuk membantu mereka-mereka yang tidak mampu untuk membayar bil ini untuk menyelesaikan masalah yang ada sekiranya terdapat pihak yang benar-benar memerlukan bantuan kerana kerajaan hari ini tidak pernah pinggirkan orang di Malaysia ini sampai terjejas tidak dapat air untuk mereka hendak minum dan sebagainya. Itu kita pasti, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih atas jawapan itu, tetapi jawapan itu lain daripada *point* saya. Perkara ini bukanlah dialihkan kepada *social affair* tetapi sebagai *corporate*

social responsibility bagi pihak SYABAS. Adakah pihak SYABAS rela memikul tanggungjawab itu sebagai satu *corporate social responsibility* yang *directly* mengenai satu bidang yang dia dapat keuntungan yang begitu besar, berpuluh-puluh juta ringgit.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Ipoh Timor. Dari segi *corporate social responsibility* ini, bukan diri saya yang boleh menentukan sama ada SYABAS, "You perlu buat. This is your corporate social responsibility. You kena buat ini." Ini merupakan satu perasaan mereka sendiri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Ya, sampaikan mesej ini kepada SYABAS. Harap dia boleh timbang, okey.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya boleh menyampaikan hasrat kementerian, hasrat Yang Berhormat Ipoh Timor ini, dia kata SYABAS telah mengaut keuntungan yang banyak supaya *social corporate responsibility* ini diperbanyakkan lagi pada masa-masa akan datang. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maran, Maran, hendak bagi jalan? Yang Berhormat ringkaskan jawapan ya.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya tidak bagi. Masa sudah tinggal 15 minit.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Sedikit sahaja.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya hendak teruskan dengan jawapan saya.

Datuk Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Timbalan menteri, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sudah cukup ya. Sudah lama daripada tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskanlah, Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya cuba habiskan. Saya akan cuba selesaikan. Saya hendak ke bahagian telekomunikasi.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, sebelum itu saya punya belum dijawab lagi iaitu keselamatan sebagai kawasan larangan. Macam mana untuk menjamin bahawa kawasan larangan dapat diperketat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat daripada Sedang, mencadangkan agar keselamatan tangki air diperketat. Pada masa ini tanggungjawab keselamatan kawasan di tangki air adalah di bawah pihak berkuasa air negeri masing-masing di mana rondaan berkala dibuat oleh kakitangan pihak berkuasa air negeri atau syarikat keselamatan bertauliah. Pada masa-masa yang akan datang, apabila Akta IPA 2006 berkuat kuasa pada 1 Jun 2008 di bawah seksyen 34, tiap-tiap pemegang lesen mempunyai kewajipan untuk menyelenggarakan sistem bekalan air termasuk tangki air supaya keselamatan dan keutuhan keadaan sistem aset-aset lain berada dalam keadaan yang baik.

Saya beralih kepada komunikasi. Yang Berhormat daripada Bera menanyakan program SMS yang berunsur judi, kenapa masih berterusan. Kementerian dan SKMM...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Dato', mencelah. Bukan saya bangkitkan itu. Saya ingat Larut itu.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Larut ya? Okey. Kementerian dan SKMM sentiasa memantau program-program berbentuk SMS yang disiarkan di stesen-stesen TV swasta. Selain itu, Jawatankuasa Pemantauan Siaran TV Awam dan Swasta juga telah membincangkan program-program berbentuk SMS ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Assalamualaikum Dato'.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Kementerian mendapati program-program...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Assalamualaikum syeikh. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, bukan cara itu. Bukan cara itu bangun.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Dia tidak berhenti, Tuan Pengerusi, jadi kena bagi salam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia sudah beritahu tidak bagi jalan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tidak apa, kita bagi satu, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Salam itu tanda bagi dia..

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jerai baru masuk. [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya keluar, saya masuk, keluar masuk itu biasalah itu, Yang Berhormat. Yang Berhormat, pasal kes SMS ini, kadang-kadang ada mereka buat iklan-iklan yang tidak kita undang dan kita pun tidak mahu. Kita pun tidak minta, kita pun tidak suruh, tetapi hujung bulan ia masuk dalam bil. Jadi kes ini macam mana, Yang Berhormat? Saya sendiri biasa kena RM12.50 sebulan. Nasib baik kita *check*. Kalau kita tidak *check*, Yang Berhormat, maknanya RM12.50 itu tidak pasal-pasal depa ambil. Saya tidak suruh buat iklan pun, tidak suruh depa tanya apa pun dan saya pun tidak tanya apa kepada depa pun. Pasal apa depa buat macam itu, Yang Berhormat? Terima kasih Yang Berhormat. Assalamualaikum.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Sebenarnya perkara ini, Yang Berhormat Jerai telah bertanya kepada saya di luar, kira-kira tiga hari atau empat hari yang lalu, kata dia dapat bil ini tetapi dia hendak tanya dalam Dewan pula. Jadi saya jawab.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Masuk hansard itu.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Masuk hansard? Okey.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Saya mai. [Ketawa]

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya telah minta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk menyiasat perkara ini yang mana pada peringkat awal mereka mengatakan Telekom Malaysia ada melantik beberapa ejen dan mungkin nombor Yang Berhormat ada di situ, itu yang sampai kepada Yang Berhormat. Kadang-kadang ada pihak pula dipanggil *spoofing*. *Spoofing* ini ia sebenarnya Yang Berhormat tidak minta, tetapi dia buat macam Yang Berhormat minta. Jadi bila Yang Berhormat jawab, yang kena. Ini semua strategi-strategi menipu yang ada dalam negara ini, Yang Berhormat, yang mana kementerian ini kena lebih ke hadapan untuk berusaha menyelesaikan supaya tidak ada pihak-pihak yang mengambil kesempatan terutamanya telefon-telefon *handset* ini. Kalau dia nombor itu, dia tahu Yang Berhormat kerja mana, macam-macam yang boleh dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab ini.

Walau bagaimanapun, Telekom Malaysia telah bersetuju, mereka kata sekiranya ada kes-kes macam ini, mereka bersedia untuk bekerjasama dan juga kalau perlu kredit balik akaun Yang Berhormat, mereka akan buat sedemikian rupa. Cuma yang kita bimbangkan, itu yang berlaku kepada Yang Berhormat. Kita bimbangkan yang berlaku di luar sana yang mana orang tidak sedar diri yang akhirnya kena tipu macam itu. Kita tidak hendak perkara ini berlaku. Jadi kementerian terpaksa mencari langkah-langkah yang lebih proaktif supaya perkara ini tidak berulang, bukan sahaja kepada Yang Berhormat tetapi kepada semua pengguna telefon yang ada di negara ini. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, perkara ini serius. Penipuan kepada rakyat Malaysia. Ada setengah tidak faham, ada setengah tidak tahu. Tiba-tiba bilnya ada, macam saya 66777, ramalan cuaca. Kita tidak minta. Kita beritahu dia jangan, dia taruk juga lagi. Ini masalahnya. Jadi cubalah Yang Berhormat selaku kementerian yang berkuasa, gunakan benar-benarlah kuasa supaya penipuan kepada rakyat Malaysia ini dapat kita berhentikan secara langsung, secara terus, secara total, secara muktamad. Jangan nanti ada aduan, baru ambil tindakan. Kementerian ini, kuasa yang ada di tangan kementerian ini, tolonglah lindungi rakyat daripada penipuan-penipuan seperti ini. Terima kasih.

■1720

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi yang berlaku kepada Yang Berhormat bagi Jerai ataupun Sri Gading kita boleh bantu tetapi kita tidak hendak yang berlaku kepada orang ramai dekat luar itu kena tipu. Sebab itu saya katakan kita sudah minta kementerian melalui suruhanjaya berbincang dengan Telekom Malaysia supaya memastikan kes-kes macam ini tidak berlaku lagi bukan sahaja kepada Yang Berhormat bagi Jerai atau Sri Gading tetapi kepada seluruh rakyat negara ini. Namun kadang-kadang bila orang menipu inilah dia lagi cekap dia mesti cari jalan

lebih ke depan baru dia boleh; hendak menipulah katakan, ada sahaja cara dia kita buat macam ini dia buat macam ini.

Jadi kita kena fikir kaedah supaya kita lebih *advance* daripada mereka supaya kita tidak tertipu oleh si penipu-penipu ini. Yang Berhormat bagi Bera menanyakan program SMS berunsur, ini sudah. Yang Berhormat bagi Bera menanyakan dari segi kandungan internet yang tidak ditapis telah membawa kepada gejala sosial.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Yang Berhormat tadi saya tanya tentang SMS yang dihantar oleh syarikat tertentu yang berbau lucah, itu kalau dapat, hendak tahu.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Belum sampai kot, saya akan sampai. Gejala tidak sihat di kalangan anak-anak di mana mereka boleh *download* filem-filem yang telah diharamkan tidak sepatutnya ditayangkan. Kebebasan dari segi penggunaan internet ini sebenarnya terletak dalam MSC kita ada satu *bill of guaranty* yang mana kita tidak boleh menapis mana-mana *content* ataupun kandungan dalam internet. Cuma walaupun ada kebebasan ini tetapi ianya tidaklah merupakan kebebasan yang mutlak yang mana dalam Akta Komunikasi 1998 iaitu dari seksyen 211, 233 sekiranya terdapat mereka-mereka yang bersalah menghantar kandungan-kandungan jelik, lucah dan sebagainya, maka sebenarnya boleh diambil iaitu denda sebanyak RM50,000 ataupun setahun penjara.

Pada hari ini ianya merupakan sebenarnya apa yang ada dalam komputer itu banyak unsur-unsur yang lebih baik, tetapi sebahagian daripada kita menyalahgunakan komputer dan internet ini untuk tujuan-tujuan tidak baik maka inilah hasilnya. Namun, sekiranya kita sebagai ibu bapa, penjaga juga perlu memainkan peranan sebab itu kerajaan menitikberatkan dari segi modal insan supaya rakyat negara kita ini boleh menggunakan kemudahan-kemudahan ini dengan tujuan untuk kebaikan dan sebagainya.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya sendiri juga pernah terima aduannya di mana pemilik telefon kata dia pernah menyertai pertandingan dengan SMS pada rancangan program tetapi program itu sudah tamat, SMS yang bukan-bukan sebaliknya dikirimkan kepadanya. Jadi saya telah pergi jumpa syarikat talian Maxis. Maxis kata ini adalah di luar kawalan mereka. Jadi dia kata kalau sudah bagi kebenaran SMS sekali kepada program tersebut, talian itu akan buka dan syarikat yang membekalkan SMS itu pula berterusan memberi SMS dan juga membuat potongan daripada caj dia tersebut.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Suka saya nyatakan kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah walaupun kebenaran telah diberi kepada pihak pembekal SMS itu untuk menghantar apa-apa maklumat dan dikenakan caj tetapi ingin dijelaskan perlu diperuntukkan dalam perjanjian itu bahawa pelanggan yang bersetuju itu juga boleh memberhentikan perkhidmatan itu apabila mereka hendak memberhentikan perkhidmatan itu. Sekiranya Yang Berhormat bagi Batu Gajah *subscribe to any* kemudahan kemudian Yang Berhormat tidak mahu lagi *subscribe* kepada

kemudahan itu, Yang Berhormat boleh menyatakan Yang Berhormat hendak perkhidmatan ini dihentikan maka perkhidmatan itu dihentikan maka caj tidak boleh dikenakan kepada Yang Berhormat bagi Batu Gajah lagi selepas itu.

Sekiranya berlaku, mereka tidak memberhentikan maka ini Yang Berhormat boleh maklumkan kepada pihak Suruhanjaya Multimedia supaya tindakan boleh diambil berhubung dengan perkara ini. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bertanya berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh semua penyedia utiliti disebabkan oleh - yang ini bukan. Yang Berhormat bagi Bera menanyakan bagaimana filem yang tidak boleh ditayangkan kepada kanak-kanak di panggung wayang boleh disiarkan di TV, contoh filem ganas dan seks boleh disiarkan di TV tetapi tidak disiarkan di panggung wayang.

Semua kandungan yang ditayangkan ditapis oleh Lembaga Penapis Filem dan mempunyai klasifikasi (U) iaitu untuk Umum, 18(SX) untuk mempunyai unsur seks, 18(SG) unsur ganas, 18(PL) memerlukan *parental guardians*. Klasifikasi di atas bertujuan memberi panduan kepada kanak-kanak dan ibu bapa penjaga mengenai apa yang boleh atau tidak boleh ditonton. Adalah sukar bagi SKMM menguatkuasakan perkara di atas di rumah-rumah. Ini seharusnya merupakan sebagaimana saya katakan tanggungjawab oleh ibu bapa.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan kepada Yang Berhormat bagi Bera bahawa segala siaran yang di utarakan sama ada oleh TV swasta mahupun TV awam ianya perlu mendapat kelulusan daripada penapis filem. Sekiranya ada mana-mana syarikat TV swasta yang mengeluarkan siaran tanpa mendapat kelulusan Penapisan Filem, maka tindakan boleh diambil. Tindakan juga pernah diambil kepada beberapa syarikat televisyen swasta kerana mereka menyiarkan program-program yang sepatutnya tidak disiarkan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pasir Puteh.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ini tidak terkecuali seperti TV3 dan juga radio-radio stesen lain yang sentiasa di kompaun sekiranya mereka tidak memenuhi syarat-syarat lesen yang dikenakan ke atas mereka.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh hendak bagi jalan?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Cukup, cukup, cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia tidak bagi Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila habiskan jawapan.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Boleh, sebelum Tuaran?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Cukuplah, cukuplah saya hendak habiskan sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat bagi Tuaran, banyak kemudahan dan peralatan di bawah Projek School-Net terutama di Tuaran banyak yang menghadapi

masalah dan tidak dapat digunakan. Adakah pihak kementerian melantik syarikat tertentu untuk menyelenggarakan peralatan tersebut. Adakah pihak kementerian ada melakukan langkah-langkah pemantauan? Tuan Pengerusi, kementerian sedar akan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ini ada had masa menjawab?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Memang ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini kerana apabila rakan-rakan, Ahli Yang Berhormat, di sini Ahli Yang Berhormat hendak membuat pertanyaan kenapa mesti disekat? Kalau ada sukatan masa kita terima.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Memang ada Yang Berhormat kerana ada kementerian-kementerian lain lagi ini kita sudah tertinggal.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ialah tetapi masa masih panjang Yang Berhormat, ramai kawan-kawan hendak buat pertanyaan kerana kemusykilan mereka belum terhurai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya faham Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mereka mewakili rakyat, rakyat hendak tahu melalui kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Memang betul Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bijaksana bersedialah untuk memberi jawapan atas kemusykilan soalan-soalan tambahan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya harap dapat kita sama-sama memaklumkan perkara ini.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, berapa lama masa lagi yang saya diberikan untuk menjawab?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah banyak bercakap.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya baru bercakap 1 jam 45 minit, berapa lagi masa Yang Berhormat boleh bagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat habiskanlah jawapan ini. Habiskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Yang Berhormat bagi cabaran bagi dia untuk tahun depan dia naik jadi menteri, ini kebolehan dia itu mencabar jadi dia akan naik pangkat ini sebenarnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kita memang ada jadual.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini sebenarnya satu keuntungan bagi Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kita ada atur cara Yang Berhormat kalau hendak bagi semua bercakap panjang nanti kementerian lain tidak ada masa. Jadi kita bagi masa yang terhadlah. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila habiskan jawapan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Kementerian sedar akan masalah penyelenggaraan peralatan ICT di bawah Projek School-Net seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tuaran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerja penyelenggaraan adalah termasuk dalam kontrak untuk membekalkan peralatan berkenaan. Pihak kementerian telah menimbulkan isu ini semasa mesyuarat pemantauan yang diadakan secara berkala, yang diadakan bersama kementerian, pihak kontraktor dan agensi lain yang terlibat termasuk Kementerian Pelajaran Malaysia. Pihak kementerian sedang menimbang untuk mengenakan denda kepada syarikat-syarikat yang terlibat.

Jika masalah in berterusan, pihak kementerian juga sedang menimbang untuk menamatkan kontrak dengan syarikat yang berkenaan dan menggantikannya dengan syarikat lain memandangkan prestasinya yang tidak memuaskan. Walau bagaimanapun ini memerlukan penelitian dari segi kontrak dan perundangan. Untuk jangka panjang pihak kementerian dengan persetujuan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia telah memutuskan bahawa urusan penyelenggaraan peralatan *school net* ini akan diserahkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia. Buat masa ini kedua-dua pihak kementerian sedang menguruskan urusan kewangan dokumentasi dan kontrak perjanjian.

Yang Berhormat bagi Larut menanyakan meminta stesen siaran swasta menyiarkan bahan-bahan yang mendatangkan faedah kepada masyarakat. Yang Berhormat bagi Putatan pula meminta supaya TV3 menambah jumlah kakitangan dan peralatan dan meningkatkan, memperluaskan siaran.

■1730

Berhubung dengan permintaan Yang Berhormat Larut, perkara ini memang sentiasa ditekankan oleh kementerian ini dan oleh sebab yang demikian maka diadakan satu jawatankuasa bagi memutuskan siaran radio dan TV awam dan swasta. Manakala untuk jawapan bagi Yang Berhormat Putatan, adalah menjadi matlamat kementerian supaya siaran TV swasta meliputi seluruh negara. Namun begitu sebagai stesen swasta, TV3 mempunyai batasan kewangan kerana pembinaan menara penyiaran dan menyewa kapasiti satelit untuk menyiarkan kepada kawasan-kawasan luar bandar melibatkan pelaburan yang besar. Kementerian saya bersama-sama SKMM dan TV3 akan meneliti perkara ini secara menyeluruh.

Yang Berhormat bagi Larut menanyakan adakah program TV dan radio dipantau oleh kerajaan dan apakah tindakan yang telah diambil. Kerajaan sentiasa memantau program-program TV dan radio swasta melalui kaedah-kaedah yang berikut:

- (i) syarat-syarat lesen;
- (ii) kod kandungan; dan

- (iii) Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Siaran Radio Awam dan Swasta yang dipengerusikan oleh KSU kementerian ini dan dianggotai oleh kementerian dan jabatan yang bertanggungjawab ke atas kandungan TV dan radio seperti Kementerian Penerangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, JAKIM dan sebagainya. Jawatankuasa ini akan membuat teguran, galakan dan sebagainya ke atas stesen-stesen TV dan radio yang menyeleweng, atau menyimpang dari syarat-syarat lesen, kod kandungan serta menimbulkan gangguan kepada orang ramai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, boleh habiskan dalam lima minit.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon juga jawapan diberi kepada isu saya ya. Dua sahaja yang saya bangkitkan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, nak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat daripada Larut bertanyakan berapa lama kah tempoh lesen ASTRO telah diberikan oleh kerajaan untuk dan tempoh masa lesen ini untuk beroperasi. ASTRO telah beroperasi pada tahun 1997, ASTRO memperolehi lesen mereka untuk jangka masa 25 tahun, manakala hak eksklusif mereka adalah selama 20 tahun iaitu akan tamat pada tahun 2017. Selain daripada ASTRO, kerajaan juga ada mengeluarkan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, nak bagi jalan lagi ke? Sabak Bernam bangun.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: ... Lesen kepada dua lagi stesen TV berbayar iaitu

....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih banyak Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri. Saya bawa tadi isu *prepaid* yang ada RM172 ini, saya tidak pasti Timbalan Menteri dah jawab atau tidak, kena jawab Yang Berhormat. Tetapi yang lebih penting tadi sebenarnya, saya nak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada tak ruang umpamanya anggota Parlimen ini menganggotai jawatankuasa-jawatankuasa menapis sama ada filem atau tayangan di peringkat TV ini sebab kita selalu bangkitkan. Kita memang percayalah dengan Menteri dan Timbalan Menteri tetapi ramai di antara kita, aktivis kita ini umpamanya Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dan sebagainya ada ruang atau tidak supaya kita kurang bercakap di sini dan bertindak. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Saya boleh mencadangkan kepada pihak penapis filem termasuk ASTRO untuk membawa

Sabak Bernam untuk masuk kepada Jabatan Penapisan Filem ini. Sebenarnya Tuan Pengerusi, bukannya mudah hendak membuat tapis filem ini, kalau satu jam ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pasir Puteh, bawa Pasir Puteh.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Satu jam mungkin mudah tetapi kalau nak tengok TV lapan jam tanpa bergerak, kemudian nak edit-edit, bukan perkara mudah. Saya rasa kalau saya hantar Sabak Bernam, saya ingat dua hari dah berhenti tak pergi kerja. *[Dewan ketawa]*
Tapi kita akan cuba.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Islam Hadhari, Pasir Puteh boleh.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Menyampuk]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Walau bagaimanapun saya cadangkanlah satu hari nanti kita pergi buat lawatan dan kita akan cadangkan bawa Ahli Parlimen ini, siapa-siapa yang berminat nak buat *part time* untuk Lembaga Penapis Filem khasnya di ASTRO.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Yang Berhormat, boleh habiskan jawapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Yang Berhormat, mana itu makro kios mengenai SMS yang tipu itu, tender tetapi jadi mahu

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Belum sampai, belum sampai. Boleh saya sambung esok ataupun

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sambung esoklah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Kalau Menteri nak jawab esok, saya akan bagi jawapan bertulislah. Kalau tak bagi saya masa, saya akan bagi jawapan bertulis, kalau tidak saya sambung esok.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Bagi rakyat puas hatilah Tuan Pengerusi.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terpujang pada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya dah bagi dua jam, saya nak minta habiskan, saya bagi sampai lagi 10 minit.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Berapa minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: 10 minit.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Tak boleh Tuan Pengerusi, minta maaf Tuan Pengerusi. Saya ada empat soalan, nama Santubong belum naik pun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi sambung esoklah Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Sambung esoklah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tak payah tergapoh-gapah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, macam mana Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya terpulang, kalau Yang Berhormat bagi jawab sampai esok pagi, saya jawab lagi, saya ada tebal lagi ini. Sama ada saya bagi bertulis ataupun saya jawab esok.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jawab lisan esok.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Jawab lisan esok.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan bertulis, Yang Berhormat, saya bagi jawapan bertulislah.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Kalau Yang Berhormat Tuan Pengerusi suruh saya bertulis, saya akan bertulis. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya nak habiskanlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bertulis tak maulah Yang Berhormat.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Pengerusi tak bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM97,711,000 untuk Maksud B.29 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM97,711,000 untuk Maksud B.29 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,897,160,000 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2008 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,897,160,000 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2008.

**Maksud B.30 [Jadual] -
Maksud P.30 [Anggaran Pembangunan 2008] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.30 dan Kepala Pembangunan P.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi terbuka untuk dibahas. Ya, Santubong.

5.36 ptg.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, sambung esoklah.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: *[Ketawa][Dewan ketawa]*

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Saya baru buka buku.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat,
Dewan bersambung semula pada esok jam 10 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.36 petang.